

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

وَإِنَّمَا الْأُمَمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ # فَإِنْ هُمْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا


Kahar Mansur (1994) menyatakan bahawa seorang Muslim harus menjaga sahsiah selagi masih bernyawa (ms. 3). Daripada teks Syauqi Bey itu, sesuatu bangsa sentiasa merancang matlamat pendidikannya dengan memberi perhatian kepada pembinaan dan pembentukan akhlak dan berbudi perangai utama. Akhlak menjadi fokus utama dalam matlamat pendidikan setiap bangsa di dunia ini selain mengembangkan potensi yang dipunyai oleh setiap pelajar.

Matlamat pendidikan Nasional Indonesia adalah pembentukan manusia berakhlak mulia. Hal ini selari dengan sistem undang-undang pendidikan nasional (no. 20; 2003) yang menyatakan bahawa matlamat pendidikan nasional Indonesia, iaitu mengembangkan potensi pelajar agar menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia, sihat, berilmu, mahir, kreatif, berdikari, dan menjadi warga Negara yang demokratik serta bertanggungjawab. Oleh itu, pendidikan di Indonesia berfungsi dan berperanan sebagai agen pendidikan nilai akhlak mulia atau moral di sekolah.

Hal ini selari dengan pengertian pendidikan dalam konteks nasional di Indonesia, iaitu pertama, pendidikan dapat membina akhlak secara total dan didukung oleh Undang Undang Sistem Pendidikan Nasional 1945 (No: 20, 2003) . dan keduanya adalah berteraskan prinsip pancasila serta undang-undang system pendidikan nasional Indonesia. Daripada kedua-dua pengertian mengenai pendidikan

dan pendidikan nasional ini memberi penekanan kepada pentingnya pengamalan nilai-nilai akhlak atau moral yang berasaskan kepada agama.

Dalam perkembangan sejarah kurikulum pendidikan nasional di Indonesia, telah terjadi perubahan dan perkembangan bermula daripada tahun 1947 sehingga kurikulum 2013 seperti mana rajah 1. di bawah ini.



Rajah 1 : Sejarah Perubahan dan Perkembangan Kurikulum Nasional
(Sumber Kemendikbud, 2013)

Perubahan dan perkembangan dinamika masyarakat menuntut adanya perubahan kurikulum secara berterusan, iaitu bermula daripada kurikulum 1947. Untuk memberi penekanan kepada aspek akhlak, mata pelajaran Pendidikan Moral Pancasila (PMP) dimasukkan dalam kurikulum 1984 secara berspadu ke dalam empat mata pelajaran lainnya, iaitu Pendidikan Moral Pancasila, Pendidikan Sejarah Perjuangan Bangsa (PSPB), Pedoman Penghayatan dan Pengamalan Pancasila (P4), dan Sejarah Nasional (Azra, 2002).

Krisis ekonomi dan politik Indonesia pada awal tahun 1997 sehingga tahun 1998 berimplikasi kepada isu untuk mengkaji semula kurikulum pendidikan nasional Indonesia. Wacana yang muncul adalah memasukkan pendidikan budi pekerti

sebagai mata pelajaran dalam kurikulum pendidikan nasional. Justeru, Pendidikan Budi Pekerti menjadi mata pelajaran khusus dalam sistem pendidikan (Azra, 2002).

Perubahan dan perkembangan dinamika kurikulum di Indonesia secara berterusan berlaku sesuai dengan realiti tuntutan dan keperluan perubahan zaman. Kemudian berlaku kurikulum tahun 2004 yang dikenali dengan nama Kurikulum Berbasis Kompetensi (KBK) (Mulyasa, 2006). Kedua-dua kurikulum ini tidak berbeza jauh.

Perubahan dan perkembangan selanjutnya adalah kurikulum 2013 yang memberi penekanan kembali kepada pentingnya pendidikan akhlak dan budi pekerti pada semua sekolah rendah hingga sekolah menengah. Perbezaan dengan kurikulum sebelumnya adalah metod pengajaran menggunakan pendekatan dan metod saintifik (Kemendikbud, 2013). Selain itu, mata pelajaran yang harus dipelajari oleh pelajar tidak sebanyak mata pelajaran seperti pada kurikulum sebelumnya. Dalam pembinaan karakter/moral atau juga akhlak pelajar, mata pelajaran kepanduan (pramuka) diwajibkan sebagai mata pelajaran. Oleh itu, mata pelajaran pendidikan akhlak dan budi pekerti dalam kurikulum nasional Indonesia pada asasnya memberi penekanan pada aspek kefahaman, penghayatan dan pengamalan sehingga menjadi pengalaman dalam amalan akhlak bukan hanya bagi pelajar di sekolah, malah perlu dihayati oleh seluruh warga sekolah terutama guru besar atau pengetua.

Teras daripada Pendidikan Agama Islam dan Budi Pekerti di sekolah adalah amalan nilai-nilai akhlak/moral. Peranan Pendidikan Agama Islam dan Budi Pekerti adalah untuk membentuk akhlak/moraliti pelajar di sekolah mengikuti tuntutan perubahan zaman (UUSPN Sisdiknas Nombor 20 tahun 2003 fasal (1) dan (2)). Daripada kedua-dua pengertian mengenai pendidikan dan pendidikan nasional Indonesia ini memberi penekanan kepada pentingnya amalan nilai-nilai akhlak/moral yang berasaskan kepada agama, yang menjadi matlamat pendidikan di sekolah.

Bagi menerapkan aspek akhlak di sekolah guru besar memainkan peranan yang penting sebagai pendokong dalam merealisasikan matlamat pendidikan ini. Kajian Akbar (2009) menegaskan bahawa guru besar yang mempunyai amalan akhlak atau moral yang baik seperti menjaga kebersihan persekitaran sekolah dapat menjadi pemacu dalam meningkatkan kualiti akademik para pelajarnya dan gurunya. Kajian Akbar menegaskan bahawa visi dan misi sekolah rendah di Jawa Timur Indonesia masih belum mengandungi nilai-nilai moral dan akhlak yang mulia, terutamanya nilai-nilai murni yang seharusnya dijadikan asas dalam amalan perilaku kehidupan keseharian di persekitaran sekolah (Akbar, 2009). Nilai-nilai murni menjadi asas dalam menjalankan pendidikan karakter di sekolah rendah di Jawa Timur, terutamanya di Bandar Malang. Sehingga juga akan berimplikasi kepada polisi pendidikan di sekolah seperti tatatertib dan peraturan-peraturan di sekolah untuk mengkawal amalan akhlak pelajar dan warga sekolah semasa di persekitaran sekolah.

Latar Belakang Kajian

Banyak fenomena amalan akhlak guru besar yang bercanggah dengan ajaran nilai akhlak dan moral yang berasaskan kepada Pendidikan Agama Islam dan Budi Pekerti di sekolah rendah. Ada pelbagai bentuk akhlak guru besar dan para guru yang menyimpang daripada ajaran nilai akhlak dan moral pendidikan agama Islam (PAI) dan budi pekerti (BP). Misalnya salah laku kurang disiplin di Indonesia dari tahun ke tahun meningkat cukup signifikan, iaitu sebesar 80 peratus daripada 859 kes pada tahun 2009 menjadi 2.617 kes pada tahun 2010 (Republika, 2011). Kurang disiplin tidak lagi terhad pada masyarakat secara am, tetapi juga di kalangan pelajar, guru, dan guru besar atau pengetua.

Akbar (2009) mendapati salah laku kurang disiplin wujud dalam kalangan guru dan guru besar di sekolah. Kes-kes seperti terlambat masuk kelas, tidak mengerjakan pentadbiran sekolah, menengking pelajar, mengolok-olok pelajar, berlaku kasar kepada pelajar, menghukum fizikal pelajar secara keras, merokok di ruang kelas, menghina pekerjaan teman, sikap kurang menghargai orang lain, dan cenderung mau bekerjasama hanya dengan kumpulan guru tertentu. Kajian Akbar (2009 dan 2011) juga mendedahkan bahawa perilaku guru besar yang kurang diharapkan juga berlaku di sekolah rendah di Jawa Timur. Daripada ramai 75 guru besar sekolah rendah di Jawa Timur terdapat 4,38 peratus perilaku guru yang sangat tidak dijangka, dan 9,48 peratus kurang dijangka masih berlaku di sekolah.

Malahan salah laku guru besar tidak terhad kepada pengguna dadah dan pergaduhan, akan tetapi juga berhubung kait dengan rasuah dan pergaulan bebas, kajian yang dijalankan oleh sebuah lembaga anti rasuah Malang Corruption Watch di Malang menunjukkan bahawa seramai 10 peratus guru besar di sekolah rendah di kota Malang pernah melakukan rasuah (Arief, 2010).

Pelbagai masalah yang berlaku di atas adalah amat menarik dan patut diberi perhatian oleh pelbagai pihak yang prihatin dengan pendidikan agama Islam dan budi pekerti samaada oleh guru besar sebagai pemimpin sekolah, guru-guru, orang tua, praktisi pendidikan dan pakar pendidikan. Soalan yang muncul adalah mengapa berlaku krisis nilai akhlak yang mengakibatkan ramai guru besar yang terjerumus dalam pergaduhan, penggunaan dadah, rasuah, dan pergaulan bebas? Apakah kesalahan yang berlaku mengenai pembinaan dan pendidikan kepemimpinan para guru besar yang dilakukan oleh Jawatan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia di Bandar mahupun di luar Bandar? Apakah budaya yang berlaku di sekolah kurang kondusif dan kurang baik bagi menggalakkan semua warga sekolah untuk melakukan amalan akhlak mahmudah terutama dokongan

amalan akhlak guru besar di sekolah sebagai *uswah hasanah*? Ataukah ada masalah-masalah lain sehingga para guru besar kurang dapat memahami, menghayati, menyadari dan mengamalkan pelbagai nilai akhlak mahmudah yang sepatutnya diamalkan oleh guru besar di sekolah?

Pernyataan Masalah


Kejayaan sesebuah sekolah sering pula dikaitkan dengan prestasi guru besar sekolah yang menjadi pemimpinnya (Edmonds, 1979; Miller, 1982, Hussein Mahmood, 1993; Omardin Ashaari, 1996). Hussein Mahmood (1993) menyatakan bahawa guru besar sekolah harus dikenal pasti. Oleh itu, masyarakat yang dinamik pada masa ini menuntut agar guru besar hendaklah terdiri daripada pemimpin dan pentadbir pendidikan yang berilmu pengetahuan yang tinggi demi pencapaian matlamat pendidikan di sekolah. Menurut Omardin Ashaari (1996), memang tidak dinafikan bahawa kualiti kepimpinan, kewibawaan dan kemampuan serta akhlak atau moral guru besar akan mempengaruhi dan menentukan kejayaan sesebuah sekolah, iklim pembelajaran dan pencapaian prestasi pelajar-pelajarnya.

Di Malang Indonesia, sebanyak 35 peratus daripada 247 guru besar sekolah dinyatakan tidak mempunyai kecekapan untuk menjadi guru besar sekolah. Setia usaha wilayah Bandar Malang, M. Sofwan menyatakan bahawa daripada 247 guru besar sekolah rendah, sekolah menengah pertama, dan sekolah menengah atas iaitu 70 orang guru besar atau 35 peratus di antaranya tidak mempunyai kecekapan dan harus diganti (Ummat Online, 2010). Indikatornya adalah kondisi sekolah yang dipimpinnya, semisal mengenai kebersihan sekolah yang nyatanya masih banyak sekolah yang tidak menjalankan pola hidup sihat.

E. Mulyasa (2003) berpandangan bahawa amalan kecekapan keperibadian guru besar sekolah akan nyata sebenarnya dalam sifat-sifat Muslim sejati. Apabila

amalan kecekapan keperibadian guru besar di atas dapat diimplementasikan sebenar di persekitaran sekolah pastilah akan berimplikasi kepada warga sekolah yang baik dan budaya sekolah yang baik.

Daripada pelbagai pandangan mengenai kompetensi guru besar sekolah di Indonesia dapat ditunjukkan dalam rajah 1.2 seperti yang berikut di bawah ini.



Rajah 2: Standard Kompetensi Guru besar di Sekolah Indonesia
(Kemendikbud, 2013)

Terdapat pelbagai kajian yang berkaitan dengan tingkah laku guru besar atau akhlak guru besar sekolah atau kepimpinan moral telah dijalankan di Malaysia antaranya, Hussein Hj. Ahmad (2001), Abdul Shukor Abdullah (2004), Ariffin Ba'ada dan Vishalache Balakrishnan (2005), Azlin Norhaini Mansor (2006), Azian Binti Ahmad Sharhabi (2010). Manakala kajian yang telah dijalankan di Indonesia antaranya, Husaini Usman (2007), Wukir Ragil (2007), Haedar Akib (2008), Ajat Sudrajat (2010). Daripada semua kajian yang dijalankan diatas menunjukkan bahawa pentingnya aspek akhlak dan kepimpinan guru besar dalam merealisasikan matlamat pendidikan di sekolah. Khususnya dalam aspek penerapan nilai dan akhlak dalam kalangan warga sekolah. Dalam konteks pendidikan di Indonesia, kajian amalan akhlak guru besar sekolah belum diberi perhatian sewajarnya khususnya yang

berkaitan dengan aspek kefahaman akhlak, penghayatan akhlak dan pengalaman akhlak melalui riyadhah di sekolah.

Bertitik tolak daripada pernyataan masalah kajian yang wujud diatas adalah penting untuk meneroka secara sebenar mengenai perkara-perkara yang berlaku dalam proses amalan akhlak guru besar yang diamalkan di sekolah. Bagaimanakah proses amalan akhlak yang diamalkan oleh guru besar di sekolah berlaku secara sebenar?

Kajian yang memberi penekanan dan tumpuan kepada proses amalan akhlak guru besar di sekolah belum begitu meluas terutama di Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia. Oleh itu, kajian ini adalah penting dijalankan bagi meneroka dengan lebih mendalam mengenai amalan akhlak guru besar Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia, dengan menggunakan pendekatan kualitatif.

Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini ialah bagi mendedahkan proses amalan akhlak guru besar sekolah rendah Islam di empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- a) Mengkaji kefahaman dalam proses amalan akhlak guru besar sekolah rendah Islam di sekolah.
- b) Mengkaji nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah.
- c) Meneroka amalan akhlak guru besar dalam mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah.

- d) Meneroka penghayatan dalam proses amalan akhlak guru besar sekolah rendah Islam di sekolah.
- e) Mendedahkan pengalaman dalam proses amalan akhlak guru besar sekolah rendah Islam di sekolah.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas yang mencuba untuk menyiasat kefahaman guru besar mengenai amalan akhlak, nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan di sekolah, mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah, penghayatan dan pengalaman dalam amalan akhlak guru besar di sekolah, sehingga empat soalan utama telah muncul dalam kajian ini. Soalan kajian adalah seperti berikut.

- a) Apakah kefahaman guru besar mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah?
- b) Apakah nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah?
- c) Bagaimana seorang guru besar menjalankan proses mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah?
- d) Bagaimana seorang guru besar menjalankan proses penghayatan amalan akhlak mengenai muraqabah dan muhasabah di sekolah?
- e) Bagaimanakah seorang guru besar menggunakan pengalaman dalam menjalankan amalan akhlak melalui riyadhah di sekolah?

Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, ada beberapa teori yang dibincangkan iaitu yang berkaitan dengan teori akhlak. Di antaranya adalah teori akhlak yang dikembangkan oleh Ibn Miskawayh (1928), teori akhlak yang dikembangkan Ibn Hazm (1978) Al-Ghazali (1964). Secara ringkasnya teori Ibn Miskawaih (1928, 1961) membincangkan tentang akhlak daripada sudut pegangan yang mengambil kira perlakuan berdasarkan pegangan agama, mengenali diri, berusaha hidup bermasyarakat, upaya bersahabat dan mengambil berat tentang hal-hal kerohanian. Ibn Hazm (1978) tidak memberikan garis panduan yang jelas tentang akhlak, beliau hanya mengingatkan manusia tentang akhlak yang secara semula jadinya daripada Allah.

Ini jelas menunjukkan dua kelemahan teori akhlak, iaitu pertama, teori ini kurang memberi penekanan dan tumpuan kepada proses amalan akhlak, baik bermula daripada kefahaman mengenai akhlak hingga proses penghayatan (*muraqabah* dan *muhasabah*) dan pengalaman (*riyadhah* atau latihan sehingga menjadi pembiasaan). Kedua, teori memberi penekanan dan tumpuan kepada iman, ilmu dan amal secara bersepadu. Padahal bagi menjayakan proses amalan akhlak guru besar di sekolah ketiga-tiga aspek samaada kefahaman, penghayatan, dan pengalaman dalam amalan akhlak mesti diambil kira secara seimbang oleh guru besar.

Sebaliknya, teori akhlak yang dikembangkan Ibn Hazm (1978). Teori ini lebih memberi penekanan dan tumpuan pada satu aspek sahaja, iaitu aspek pengalaman, terutama pengalaman Ibn Hazm. Padahal ketiga-tiga aspek sama ada kefahaman amalan akhlak, penghayatan dan pengalaman atau pembiasaan amalan akhlak merupakan elemen asas bagi menjayakan proses amalan akhlak guru besar di sekolah. Ketiga-tiga ini mesti disepadukan dan seimbang dalam menjalankan proses amalan akhlak bagi melahirkan guru besar yang berakhlak mulia.

Memandangkan terdapat pelbagai kelemahan daripada teori akhlak di atas, maka kajian ini memilih dan menggunakan teori akhlak daripada Al-Ghazali (1964, 1973, 2003). Teori akhlak al-Ghazali ini dipilih dan digunakan dalam kajian ini kerana dapat mengatasi pelbagai kelemahan teori yang telah diuraikan di atas. Selain itu, teori ini amat komprehensif. Dikatakan komprehensif kerana teori ini mengandungi ketiga-tiga aspek akhlak, iaitu kefahaman, penghayatan dan pengalaman.

Salah satu prinsip amalan akhlak yang efektif ialah nilai akhlak perlu didefinisikan secara menyeluruh yang meliputi domain kefahaman, penghayatan dan pengalaman akhlak (al-Ghazali, 1964, 2003). Mengikut al-Ghazali, ketiga-tiga domain amalan akhlak ini merupakan domain utama daripada fungsi nilai akhlak. Teori ini digunakan untuk melihat secara kritikal tentang proses amalan akhlak guru besar Sekolah Rendah Islam di empat buah Sekolah Rendah Islam Malang Indonesia.


Ketiga-tiga domain amalan akhlak samaada pemahaman atau kefahaman amalan akhlak, penghayatan amalan akhlak dan pengalaman atau pembiasaan amalan akhlak mesti bersepadu diwujudkan dalam proses amalan akhlak guru besar di sekolah. Mengikut al-Ghazali (1964) setiap amalan akhlak mempunyai tiga bahagian, iaitu kefahaman, penghayatan, dan pengalaman dalam amalan akhlak.

Bagi membina dan mewujudkan kesepaduan ketiga-tiga domain amalan akhlak perlu dijalankan dalam pembersihan jiwa. Kelima-lima proses ini berlaku secara bertindih dalam aktiviti amalan akhlak kerana satu proses yang dijalankan dengan baik sering melibatkan proses yang lain pada masa yang sama (al-Ghazali, 1964; 1976).

Proses kefahaman, penghayatan dan pengalaman dalam amalan akhlak ini digunakan untuk melihat secara kritikal tentang amalan akhlak guru besar di sekolah yang meliputi lima soalan, iaitu pertama, bagaimanakah kefahaman guru besar

mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah?. Kedua, apakah nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah?. Ketiga, bagaimanakah seorang guru besar menjalankan proses mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah?. Keempat, bagaimanakah seorang guru besar menjalankan proses penghayatan amalan akhlak mengenai muraqabah dan muhasabah di sekolah?. Kelima, bagaimanakah seorang guru besar menggunakan pengalaman dalam amalan akhlak melalui riyadhah di sekolah?. Kelima, Berdasarkan kepada proses model amalan akhlak di atas, maka dapat dibuat kerangka konseptual kajian ini untuk mengamalkan amalan akhlak guru besar Sekolah Rendah Islam di sekolah seperti ditunjukkan dalam rajah 3. dibawah ini.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 3: Kerangka Konseptual Kajian Tentang Amalan Akhlak Guru besar Sekolah Rendah Islam yang Dibina Berdasarkan Al-Ghazali (1964)

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada pelbagai pihak terutamanya guru besar yaysan, guru besar sekolah, dan para warga sekolah. Bagi guru besar yaysan,

kajian ini diharapkan dapat memberikan satu usaha membuat polisi untuk mengembangkan dan merancang kepemimpinan sekolah kepada masa hadapan yang berasaskan kepada aspek akhlak secara menyeluruh dan bersepadu antara kefahaman akhlak, penghayatan akhlak dan pengalaman akhlak.

Bagi para guru sekolah rendah Islam khususnya, kajian ini memberi kepentingan untuk merancang dan mengembangkan proses pembinaan kompetensi berasaskan kepada nilai-nilai akhlak secara holistik dan bersepadu samaada daripada aspek kefahaman, penghayatan dan pengalaman akhlak.

Manakala bagi para warga sekolah seperti para pelajar dan kakitangan, kajian ini memberi kepentingan untuk turut aktif dalam mengamalkan akhlak secara sebenar dalam kehidupan seharian berasaskan kepada kefahaman, penghayatan dan pengalaman.

Dengan proses amalan akhlak guru besar di sekolah secara komprehensif yang diasaskan kepada kefahaman, penghayatan dan pengalaman nilai-nilai akhlak maka akan menggalakkan kepada seluruh warga sekolah untuk mewujudkan kebolehan dan kecekapan serta kemahiran untuk memahami, menghayati dan mengamalkan pelbagai nilai akhlak dalam kehidupan secara sebenar yang berlaku samaada di sekolah mahupun di masyarakat.

Skop Kajian

Dalam kajian ini, hanya menumpukan kepada akhlak guru besar Sekolah Rendah Islam. Kajian ini melibatkan empat orang guru besar daripada empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia.

Definisi Istilah Kajian

Ada beberapa istilah khusus secara teknikal memiliki erti yang khas. Dalam bahagian ini akan diuraikan beberapa istilah yang difikirkan perlu memperoleh penjelasan. Hal ini memandangkan agar tidak muncul pelbagai pentafsiran yang berbeza-beza sehingga menghasilkan salah pentafsiran daripada orang lain atau pembaca. Manakala beberapa istilah yang perlu diuraikan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

Amalan

Perkataan amalan ini berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *amila-ya'malu-amalan* yang bermaksud melakukan sesuatu atau memperbuat sesuatu (Idris al-Marbawi, 1998).

Menurut Mahmood Zuhdi (2000) pula, amalan tergambar dalam perbuatan manusia. Apabila perbuatan itu diulangi, ia akan menghasilkan kebiasaan, dan seterusnya jika diterima umum secara meluas, ia akan menjadi budaya.

Akhlak

Menurut bahasa, ia bermaksud perangai, budi, tabiat dan adab. Menurut istilah, kehendak jiwa manusia yang menimbulkan perbuatan (sama ada baik atau buruk) dengan mudah kerana kebiasaan, tanpa memerlukan daya penggerak akhlak adalah jiwa. Sekiranya jiwa ini melahirkan tingkah laku yang baik dan terpuji berasaskan fikiran yang rasional, serta mengikut peraturan. Menurut al-Ghazali (1976), akhlak bukan pengetahuan atau kebolehan untuk melakukan sesuatu perbuatan. Sebaliknya akhlak merupakan sifat-sifat yang tertanam dalam jiwa dan bukan perhiasan fizikal yang boleh diadakan atau ditiadakan.

Akhlak dalam kajian ini adalah akhlak dalam Islam iaitu akhlak yang bersumberkan wahyu al-Qur'an dan Sunnah. Akhlak mempunyai daya kekudusan. Kekudusan ini menghasilkan dua perkara; pertama penghormatan kepada sistem akhlak tersebut, dan kedua, sistem akhlak akan memberikan kesan yang praktikal dalam kehidupan seseorang. Akhlak lebih mengutamakan iman atau kepercayaan daripada taakulan. Namun akhlak tidak menafikan kepentingan taakulan dalam membantu manusia mengenali mana yang baik dan mana yang jahat. Islam sebagai agama juga turut memberikan penekanan kepada proses taakulan dan sentiasa menggalakkan manusia berfikir, tetapi taakulan yang diberikan dalam akhlak adalah taakulan yang tidak keluar daripada batas al-Quran dan Sunnah.

Guru besar

Guru besar yang dikaji ialah guru besar di sekolah-sekolah rendah Islam di bandar dan luar bandar Malang.

Kefahaman

Membawa maksud keupayaan (kemampuan) peserta kajian memahami sesuatu. Atau dalam kajian ini merujuk kepada konsepsi peserta kajian terhadap pengetahuan akhlak dan amalannya.

Penghayatan

Menurut Hasan Langgulung (1988), penghayatan ini lahir dari kesedaran dan pemahaman yang jelas tentang nilai-nilai dan kepercayaan .

Muhasabah

Membawa maksud kepada koreksi diri atau mengawal diri.

Pengalaman

Menurut kamus Dewan edisi keempat, pengalaman mempunyai erti apa yang telah dialami (dirasai, ditempuh, dll). Ia juga membawa maksud pembiasaan yang menjadi budaya.

Riyadhah

Dalam kajian ini membawa maksud latihan daripada akhlak yang menjadi pembiasaan yang baik. Riyadhah al-nafs merupakan satu latihan jiwa menuju ke arah kebaikan secara beransur-ansur sehingga sampai ke satu tahap di mana sesuatu yang berat serta payah untuk dilakukan pada peringkat awal, akhirnya menjadi mudah dan ringan untuk dilaksanakan.

Al-Ghazali (1994) menyatakan riyadhah al-nafs merupakan satu latihan jiwa untuk menghapuskan akhlak yang buruk bagi melahirkan akhlak yang baik.

Sekolah Rendah Islam

Membawa maksud lembaga pendidikan yang merupakan kelanjutan daripada tadika dengan masa belajar selama 6 tahun dengan pentadbiran dibiayai oleh swasta atau persendirian.

Gambaran Keseluruhan Kajian

Kajian ini ditulis dalam lima bab. Bab satu ini membincangkan tentang pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, matlamat kajian,

objektif kajian, soalan kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi istilah kajian.

Bab kedua membincangkan tinjauan literatur kajian. Pada bahagian bab dua ini diuraikan mengenai empat perkara, iaitu pertama, pengenalan. Kedua, konsep asas akhlak dan amalan akhlak. Ketiga, proses amalan akhlak dalam Islam, dan keempat, kepemimpinan dalam Islam.

Bab ketiga menguraikan tentang kaedah penyelidikan. Pada bahagian ini membincangkan secara terperinci tentang rasional pemilihan pendekatan kualitatif, pemilihan peserta kajian, pemilihan lokasi sekolah sebagai tempat kajian, pengutipan dan pengumpulan data kajian, kaedah penganalisan data kajian, tempoh masa kajian, pengesahan dan kebolehpercayaan kajian, etika dan kerja lapangan dalam penyelidikan kualitatif.

Bab keempat membincangkan dapatan kajian tentang amalan akhlak guru besar sekolah rendah Islam Indonesia secara kes demi kes di empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia. Pada bahagian ini menguraikan dua perkara, iaitu pertama gambaran lokasi empat buah sekolah yang menjadi tempat kajian. Kedua, latar belakang guru besar dari sudut kelayakan dan pengalaman memimpin. Ketiga, nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keempat, proses kefahaman guru besar mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah; Kelima, proses amalan akhlak guru besar dalam mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah; Keenam, proses amalan akhlak guru besar dalam penghayatan akhlak mengenai muraqabah dan muhasabah di sekolah; Ketujuh, penggunaan pengalaman dalam proses amalan akhlak guru besar melalui riyadhah amalan akhlak di sekolah?.

Bab kelima, menguraikan tentang pengenalan, perbincangan tentang amalan akhlak guru besar meliputi proses kefahaman guru besar mengenai akhlak

mahmudah dan akhlak mazmumah; proses amalan akhlak guru besar dalam mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah; nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah; proses amalan akhlak guru besar dalam penghayatan akhlak mengenai muraqabah dan muhasabah di sekolah; proses amalan akhlak guru besar dalam riyadhah amalan akhlak di sekolah?; rumusan kajian, implikasi dan cadangan kajian.

Rumusan

Bab ini menghuraikan mengapa kajian mengenai akhlak guru besar di Sekolah Rendah Islam harus dilakukan, selain menggariskan pembentangan peristiwa-peristiwa sejarah kemunculan dan pembentukan kurikulum di Indonesia. Banyak kajian mengenai akhlak dan kepemimpinan dalam pelbagai aspek seperti perubatan, kejururawatan, dan kaunseling tetapi terdapat kekurangan penyelidikan mengenai aspek-aspek dalam pendidikan agama Islam dan budi pekerti terutama dalam amalan akhlak pemimpin di sekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan yang supaya komuniti guru besar di Indonesia akan menjadi lebih kaya dalam aspek ini. Hasil kajian ini pasti akan memberi manfaat kepada komuniti guru besar atau pengetua kerana tidak ada had dalam meningkatkan profesion perguruan terutamanya apabila ia melibatkan guru-guru. Sebelum memulakan kajian ini, kajian literatur yang berkaitan telah dilakukan. Bab 2 membentangkan sorotan kajian yang komprehensif.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Pengenalan

Bahagian bab dua ini menghuraikan mengenai empat perkara, iaitu pertama konsep asas akhlak dalam Islam. Pada bahagian ini secara terperinci akan dihuraikan mengenai definisi akhlak, nilai, moral, etik, dan karakter. Selain itu perbincangan akan juga meliputi nilai-nilai akhlak asas yang perlu diamalkan oleh guru besar di sekolah.

Perbincangan pada bahagian Kedua, memberi tumpuan kepada konsep asas tentang amalan akhlak. Bahagian ini secara terperinci menghuraikan tentang lima perkara, iaitu pertama, definisi akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah. Kedua, amalan akhlak dalaman dan amalan akhlak luaran. Ketiga, cara mempertingkatkan amalan akhlak mahmudah dan cara menjauhi amalan akhlak mazmumah. Keempat, penghayatan amalan akhlak yang meliputi muqarabah dan muhasabah. Kelima, pengalaman atau pembiasaan amalan akhlak yang meliputi riyadhah.

Bahagian Ketiga, membincangkan tentang model proses amalan akhlak yang menjurus kepada amalan akhlak berlandaskan pembersihan jiwa individu. Pembersihan jiwa ini meliputi kekuatan melawan hawa nafsu, membiasakan diri dengan amalan baik, mengelakkan perbuatan buruk serta paling utama adalah sentiasa merasakan diri di bawah penguasaan Allah.

Keempat, kepemimpinan dalam Islam. Bahagian ini secara terperinci dihuraikan mengenai dua perkara, iaitu pertama kepemimpinan dalam Islam, dan Kepengetuaan Sekolah di Indonesia.

Konsep Asas Akhlak dalam Islam

Definisi Akhlak, Etik, Moral, Nilai dan Karakter

Ada beberapa istilah yang berhubung kait secara rapat dengan kata akhlak, iaitu etik, moral, karakter, dan nilai. Abdul Karim Zaidan (1976: 75) menyatakan bahawa akhlak harus terpuji. Hal ini seperti mana diungkapkan dibawah ini.

مجموعة من المعاني والصفات المستقرة في النفس وفي ضوءها وميزانها يحسن الفعل في نظر الإنسان أو يقيح , ومن ثم يقدم عليه أو يحجم عنه.

Dalam kehidupan seharian seseorang Muslim, istilah akhlak berkaitan rapat dengan perilaku manusia dalam hal buruk dan baik. Istilah akhlak mempunyai makna seperti mana dengan istilah nilai, moral, etik dan karakter. Dalam hal ini, Abd. Rahman Assegaf (2005) berpendapat bahawa akhlak memberi penekanan kepada perilaku baik dan buruk. Abd. Rahman Assegaf dan Abdul Hasim (2000) mengatakan, akhlak adalah perkara yang berhubungan erat dengan prinsip-prinsip pertimbangan tentang yang benar dan salah dalam kaitannya dengan perilaku atau karakter manusia.

Noor Banu Mahadir (2006) berpendapat perbincangan persoalan akhlak dan moral adalah berkaitan dengan persoalan tingkah laku atau perbuatan seseorang individu sama ada daripada segi luaran mahupun dalaman. Kedua-duannya kearah membentuk insan yang baik namun pendekatannya adalah berbeza.

Ibnu Miskawaih (1959) berpendapat bahawa keadaan jiwa seseorang itu terbagi menjadi dua iaitu *tabi'i* atau *tabiat* dan keadaan jiwa yang dibentuk melalui latihan dan kebiasaaan. Al-Ghazali (1976) berpendapat hampir sama dengan pendapat Ibnu Miskawaih, namun demikian, terdapat asas yang berbeda untuk nilai moral, etik dan akhlak. Miskawaih (1959) meletakkan Al-Qur'an dan Sunah Rasul

sebagai pembinaan akhlak. Manakala asas etik dan moral adalah akal, perasaan dan peraturan yang berlaku dalam masyarakat. Walaupun demikian, perbuatan yang baik atau yang buruk adalah bersifat sejagat (*universal*).

Istilah lain yang kerap kali dikaitkan dan sama dengan makna akhlak adalah istilah etik. Dalam kehidupan seharian, kerap kali, kata etik digunakan oleh seseorang secaraam untuk memberi makna yang sama dengan nilai dan moral ataupun nilai moral, iaitu sesuatu perbuatan dan tindakan yang berkaitan dengan buruk dan baik.

Dalam hal ini, Durkheim (1961) berpendapat bahwa dalam menjalani kehidupan seharian, seseorang individu terikat dengan tatatertib masyarakat yang mengizinkan melakukan perkara-perkara tertentu dan menegah melakukan perkara-perkara tertentu bagi menajmin keharmonian dan keamanan masyarakat berkekalan. Selain itu, makna etik dan moral berkaitan rapat dengan aktivitas praktikal tingkah laku, adat, dan cara hidup seseorang.

Makna etik lebih memberi penekanan kepada falsafah perbuatan. Dalam hal ini, Grassian (1981) berpendapat bahwa etik sebagai satu bidang kajian secara falsafah mengenai sesuatu perbuatan yang baik dan buruk. Pendapat yang hampir sama juga diperkatakan oleh Frankena (1973), etik adalah falsafah mengenai moral, pemikiran mengenai morality, problem moral dan keputusan moral . Mengikuti Ahmad Tafsir (2006), 'etik' adalah ukuran baik buruk perbuatan menurut akal pemikiran. Pendapat ini dikukuhkan oleh Harvaky (1996), etik merupakan cabang salah satu ilmu filsafah yang membincangkan prinsip-prinsip moral tentang perlakuan manusia dan organisasi sosial.

Menurut Kant (1961), moraliti meliputi melaksanakan panggilan kewajipan, dan tidak ada kewajipan moral yang tidak dapat dikerjakan. Oleh kerana itu moraliti dapat disimpulkan sebagai kualiti perbuatan atau tingkah laku manusia yang

berhubung kait dengan salah atau benar, baik atau buruk yang diyakininya sebagai aturan-aturan normatif atau kaidah-kaidah dan berlaku dalam suatu komuniti masyarakat tertentu yang dilakukan kerana adanya suatu keharusan atau kewajipan. Manusia diajak untuk membatinkan dirinya kepada baik dan luhur.

Tetapi, pengetahuan tersebut akan disusuli dengan sejenis tindakan; iaitu, pengawalan dan penghindaran pemilik pengetahuan tersebut daripada pelbagai ragam kesilapan, dari yang seringan-ringannya hinggalah kepada yang seberat-beratnya. Oleh itu, adab sebenarnya melibatkan pengetahuan dan tindakan sekaligus.

Selain itu, adab juga merupakan perolehan diri akan keadaan atau kedudukan yang betul dan benar yang tiada dapat tiada sesuai dengan keperluan ilmu dan hikmat dan keadilan, serta perbuatan diri terhadap keadaan atau kedudukan yang betul dan benar itu menurut letaknya tabiat semesta (al-Attas, 2001). Dengan kata lain, adab menurut Islam adalah usaha sadar insan menghidupi ketatertiban dan ketersusunan yang tepat dan benar. Boleh juga ia disebutkan sebagai tindakan sadar insan menghayati sistem yang sah. Adab secara ringkasnya adalah gabungan ilmu yang benar dan amal yang betul sekaligus. Istilah lain yang kerap kali digunakan untuk menyebut akhlak, nilai, moral, etik adalah istilah karakter.

Halstead (1996) berpendapat nilai didefinisikan sebagai sesuatu yang baik yang perlu dipertimbangkan oleh seseorang seperti kecantikan, kebenaran, cinta, jujur dan loyal serta berbagai pilihan secara personal mahupun sosial. Perbezaan antara nilai dan akhlak adalah nilai perlu dipertimbangkan oleh seseorang, sebaliknya akhlak adalah keadaan jiwa yang telah sehati dalam hati seseorang tanpa ada pertimbangan dalam melakukannya.

Sebaliknya definisi nilai dikaitkan dengan keyakinan. Definisi ini seperti mana yang dideskripsikan oleh Raths, Harmin dan Simon (1966), nilai sebagai keyakinan, sikap atau perasaan yang dibanggakan oleh seorang individu dan

berkehendak untuk mengesahkan secara awam dan dilakukan secara berulang-ulang. Pendapat ini selari dengan pendapat Venkataiah & Sandhya (2002), nilai berkenaan dengan sesuatu yang penting yang dijalankan oleh satu masyarakat tertentu di mana seseorang hidup.

Nilai juga berhubung kait dengan satu gagasan atau konsep yang difikirkan oleh seseorang. Dalam hal ini, Fraenkel (1977) mendefinisikan bahwa nilai adalah konsep penting yang difikirkan oleh seseorang dalam kehidupan. Definisi ini memberi penekanan kepada gagasan yang berfaedah dan penting bagi seseorang dalam menjalani kehidupan seharian. Dengan kata lain, sesuatu yang berfaedah dan penting dalam kehidupan tidak sahaja berhubung kait dengan sesuatu material dan benda-benda bagi memenuhi keperluan kehidupan seseorang. Malahan gagasan dan konsep lebih penting daripada benda tertentu kerana gagasan dapat memberikan asas dalam menentukan tindakan kehidupan.

Berbeza dengan Frankael diatas adalah Huitt (2004) yang menghubungkan nilai dengan afeksi. Menurut beliau, nilai merupakan segala sesuatu yang berasal dari idea-idea abadi (*eternal ideas*) untuk tindakan atau perilaku (*behavioral actions*). Untuk itu, seperangkat nilai biasanya digunakan untuk menentukan suatu criteria yang baik dan yang buruk. Nilai juga merupakan apresiasi secara efektif atau suatu objek, gagasan, atau tindakan yang menuntun suatu tingkahlaku. Sementara tindakan menilai (*the act of valuing*) itu sendiri merupakan tindakan penilaian atau membuat penilaian (*value judgements*). Pandangan Huitt ini menegaskan bahwa persoalan nilai merupakan bahagian daripada aspek afektif. Aspek ini berkaitan rapat dengan perasaan dan sikap seseorang dalam menanggapi berbagai perkara dalam kehidupan seharian.

Ketika nilai selalu diorientasikan pada aspek efektif apakah kemudian nilai menjadi aspek subjektiviti? Soalan ini memunculkan sekumpulan pakar yang

berpandangan bahwa nilai itu sangat subjektif. Artinya, esensi suatu nilai selalu berhubungkait dengan keperluan-keperluan subjektif seseorang. Sementara, pakar yang lain berpandangan sebaliknya bahwa nilai selalu berkembang dalam aspek objektif. Artinya suatu nilai akan berkembang ketika keberadaan nilai tersebut disokong oleh kekuatan argumentasi dan memiliki entitinya yang jelas di masyarakat. Di sisi lain, terdapat pula pandangan yang menyatakan bahwa nilai itu relatif. Relativisme nilai ini memahami bahwa suatu nilai dan penilaian akan mempunyai hal-hal tertentu mengikuti hal-hal realitinya.

Daripada huraian mengenai konsep nilai yang telah diberikan oleh pakar di atas dapat dirumuskan bahwa para pakar berbeza-beza dalam memberikan konsep tentang nilai sesuai dengan latar belakang kepakaran dan cara pandangannya. Namun di sebalik perbezaan itu terdapat persamaan, iaitu para pakar telah menyetujui bahwa nilai merupakan sesuatu yang penting yang perlu diperjuangkan dan diyakini untuk memberi panduan dan bekalan hidup seseorang ke dalam kehidupan seharian.

Dalam kehidupan seharian istilah moral kerap kali dihubungkan dan sama dengan istilah nilai. Malahan kedua-kedua perkataan, iaitu 'nilai' dan 'moral' kerap sekali disepadukan menjadi nilai moral. Pada satu segi yang lain istilah kedua-kedua perkataan 'nilai' dan 'moral' boleh diasingkan dan dibedakan. Pakar yang menyepadukan antara kedua perkataan 'nilai moral' adalah Fraenkel (1977) dan Lickona (1991). Fraenkel (1977) berpendapat nilai moral dapat memberi panduan kepada seseorang untuk berbuat yang benar. Pendapat ini dilakukan oleh Lickona (1991) nilai moral menggariskan kepada seseorang, sesuatu yang perlu dibuat.

Selanjutnya, Lickona (1991) memberi kategori nilai menjadi dua jenis, iaitu nilai moral dan nilai non-moral. Nilai moral berkait rapat dengan sesuatu kewajipan yang perlu dijalankan oleh seseorang. Nilai non-moral tidak berkait rapat dengan kewajipan. Beliau memberi contoh pelbagai nilai moral yang perlu diamalkan dalam

kehidupan seharian kerana merupakan sesuatu kewajipan, iaitu kejujuran, tanggungjawab, keadilan, memenuhi sesuatu janji, membayar bil dan prihatin kepada anak-anak.

Selain itu, Lickona (1991) membahagi lagi nilai moral menjadi dua, iaitu nilai moral universal dan nilai moral non-universal. Lickona memberi contoh nilai moral universal iaitu memperlakukan semua orang secara adil dan menghargai kehidupan mereka, kebebasan dan kesamaan semua orang kerana mereka mengakui kemaruahan dan nilai utama kemanusiaan. Manakala contoh-contoh nilai moral non-universal adalah kewajipan secara khas mengenai keagamaan seseorang misalnya memperingati hari-hari suci. Kemungkinan seseorang individu merasa mempunyai kewajipan untuk menjalankan amalan nilai moral ini akan tetapi nilai moral ini bukan kewajipan untuk diamalkan oleh seseorang.

Berdasarkan kepada pendapat para pakar di atas dapat dirumuskan bahwa para pakar telah memberi definisi mengenai akhlak, nilai, moral, etik, adab dan karakter secara berbeza sesuai dengan pemahaman dan latar belakang bidang ilmu yang dimilikinya. Namun demikian daripada definisi yang telah diberikan oleh pakar terdapat kesamaan pandangan, iaitu makna akhlak, nilai, moral, etik, dan karakter berkaitan rapat dengan perbuatan baik buruk seseorang. Kelima-limanya membincangkan persoalan perbuatan manusia yang baik dan buruk. Hal yang membezakannya adalah aspek perlunya pertimbangan atau tidaknya dan sumber perbuatan itu agama (*syarak*) atau pemikiran.

Asas Amalan Akhlak

Menurut Imam al-Ghazali (1989), terdapat empat asas amalan akhlak iaitu:

Pertama, *hikmah* atau kebijaksanaan

Ini bermaksud berpengetahuan ataupun kefahaman yang luas dan bijaksana dalam perilaku dan perbuatan berasaskan al-Quran dan as-Sunah. Orang yang mempunyai hikmah ialah seseorang yang dapat membezakan yang baik daripada yang jelek dan dapat memberi alasan yang bersesuaian serta mempunyai bukti yang sesuai.

Kedua, *syaja'ah* atau keberanian

Mengikut Yunahar (2014) keberanian bermaksud berani tanpa membuta tuli dan tidak mengikut hawa nafsu. “Tetapi berani yang berlandaskan kebenaran dan dilakukan dengan penuh pertimbangan” (ms. 116).


Ketiga, *’iffah* atau kebersihan jiwa

Ini bermaksud mengawal kemahuan nafsu atau syahwat. Mengikut Yunahar (2014, ms. 103) “memelihara kehormatan diri dari segala hal yang akan merendahkan, merusak dan menjatuhkannya”.

Keempat, *’adl* atau keadilan

Ini bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya dengan mengikut syariat Islam.

Dalam amalan akhlak menurut al-Ghazali dapat diilustrasikan dalam rajah 4. di sebelah:



Rajah 4. : Asas dalam Amalan Akhlak dibina berdasarkan kepada al-Ghazali (2004)

Cara-cara Mempertingkatkan Amalan Akhlak Mahmudah

Akhlaq menurut al-Ghazali adalah "suatu kemantapan jiwa yang menghasilkan perbuatan atau pengamalan dengan mudah, tanpa perlu direnungkan dan sengaja. Jika kemantapan itu sudah melekat kuat, sehingga menghasilkan amal-amal yang baik, maka ini disebut akhlaq yang baik. Jika amal-amal yang tercelalah yang muncul dari keadaan itu, maka itu dinamakan akhlak yang buruk " (Quasem, 1988).

Dari pengertian akhlaq tersebut, ada dua syarat yang harus dipenuhi, iaitu kestabilan dan tindakan spontan. Kestabilan ertinya bahawa perbuatan-perbuatan yang dilakukan seseorang tersebut bersifat kekal dan berterusan. Adapun bersifat spontan ertinya bahawa perbuatan itu muncul dengan mudah dan tanpa paksaan. Kedua hulu akhlaq inilah yang menentukan akhlak seseorang, sehingga ia mempunyai akhlaq terpuji atau sebaliknya. Dengan demikian, akhlak bagi al-Ghazali adalah merujuk pada keadaan batin manusia (*ash-shurat al-bathina*) (Quasem, 1988). Oleh kerana itu pula, baginya suatu amal lahiriyah tidak boleh secara langsung atau automatik boleh dikatakan baik atau buruk.

Selanjutnya, menurut al-Ghazali, dalam diri seorang yang berakhlak baik, empat kekuatan (nafsu, amarah, pengetahuan, dan keadilan) yang ada tetap baik, sederhana, dan saling mengharmonikan. Kekuatan nafsu yang sihat, tunduk kepada akal dan syariah, dan dengan cara seperti itu, sifat menahan diri (*'iffah*) boleh tercapai. Kekuatan amarah yang sihat, ketika muncul dan meredanya, mematuhi perintah akal dan syariah, dan melalui cara itu, sifat keberanian (*syaja'ah*) akan muncul.

Selari dengan hal di atas, Al-Ghazali (1989) juga berpandangan terdapat beberapa cara atau kaedah yang dianjurkan oleh Islam bagi seseorang muslim itu mempertingkatkan amalan akhlak dalam kehidupan sehariannya.

Pertama, Mengenal dan Menguasai Kefahaman Amalan Akhlak. Seseorang berkewajipan untuk mempelajari apakah nilai-nilai amalan akhlak yang perlu dituntut dan dikaji dalam syariat Islam. Hal ini kerana ilmu akhlak dan amalannya tergolong dalam ilmu yang wajib dipelajari oleh seseorang dan merupakan teras dalam Islam. Selain itu, seseorang amat dikehendaki menuntut ilmu akhlak dan amalannya agar dapat mengenal pasti akhlak mahmudah dan mazmumah.

Kefahaman dapat diperoleh melalui ilmu, tanpa ilmu, tidak mungkin seseorang itu dapat mengetahui amalan akhlak mahmudah dan menghindari amalan akhlak mazmumah dalam kehidupan seharian. Dengan adanya penguasaan ilmu akhlak dan amalannya, seseorang itu dapat menjalani kehidupannya dengan baik dan sentiasa berada di jalan yang benar dan mengikut syariat Islam.

Kedua, Menanam Keazaman yang Kuat. Untuk meningkatkan aspek penghayatan dalam amalan akhlak, seseorang juga perlu menanamkan kesungguhan dan keazaman yang kuat dalam dirinya. Melalui keazaman yang kuat sahaja, jiwa seseorang dapat diperkukuh untuk benar-benar menghayati sifat-sifat akhlak mahmudah. Seseorang yang mempunyai keazaman tidak akan mudah berputus asa

atau kecewa sekiranya ia gagal mencapai matlamatnya. Amalan yang bersifat sementara dan tidak istiqamah seperti kata pepatah “melepaskan batuk di tangga” perlu dielakkan. Oleh sebab itu, kesemuanya perlu kepada keazaman yang benar-benar teguh dalam diri seseorang.

Bagi seseorang muslim yang baik, untuk menghasilkan keazaman yang tinggi perlu disertai dengan aspek keimanan yang kukuh dan mantap kerana keutuhan iman dan kekuatan azam berjalan seiringan dalam penghayatan dalam amalan akhlak seseorang.

Ketiga, Membiasakan Diri dengan Amalan Akhlak Mahmudah. Dalam menghasilkan amalan akhlak mahmudah, seseorang juga boleh mengamalkannya secara berulang-ulang sehingga ia menjadi kebiasaan dalam kehidupannya. Misalnya, seseorang yang hendak membiasakan dirinya menepati waktu, menepati janji, mengelak daripada perbuatan mengumpat, mengelakkan suka berbohong, tidak sombong, membantu orang yang memerlukan bantuan, mengucapkan syukur dan bertolak ansur. Dengan cara ini dapat menghapuskan amalan akhlak mazmumah dan digantikan dengan amalan akhlak mahmudah.

Begitu juga untuk membiasakan diri dengan amalan akhlak mahmudah dan membuang sifat dalam amalan akhlak mazmumah, seseorang hendaklah sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menurut perintah-Nya. Seseorang mesti berusaha untuk memiliki akhlak mahmudah walaupun ada kalanya dia terpaksa memaksa dirinya untuk melakukannya.

Keempat, Bergaul dengan Ahli Ibadah dan Orang yang Berakhlak Mulia. Bergaul dengan ahli ibadah dan orang yang berakhlak baik juga merupakan cara yang berkesan untuk memperbaiki akhlak seseorang. Begitu juga, Islam sangat menitikberatkan pemilihan sahabat dalam pergaulan seseorang.

Seseorang muslim hendaklah mengelakkan dirinya daripada bergaul dan menjadi ahli bidaah dan ahli maksiat yang berakhlak buruk sebagai sahabat karibnya. Ahli ibadah membawa maksud orang yang sengaja mengadakan atau mereka-reka hukum atau peraturan yang tidak ada dalam al-Quran dan as-Sunah. Hal ini kerana manusia mudah terpengaruh dan meniru sifat an perlakuan sahabat atau orang yang digaulinya.

Kelima, Muhasabah Diri Sendiri. Bagi meningkatkan penghayatan dan memperbaiki amalan akhlak, seseorang itu perlulah sentiasa memeriksa dan mengenal pasti kelemahan yang ada pada dirinya. Agama Islam menggalakkan seseorang muslim untuk melakukan muhasabah diri untuk mengenal pasti amalan yang baik dan buruk yang telah dilakukan.

Pembiasaan muhasabah diri ini amat berkesan seandainya ia dilakukan secara jujur dan ikhlas serta berusaha memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam dirinya. Cara ini juga dapat mengawal dan membimbing seseorang muslim agar tidak melewati batas-batas syariat.

Keenam, Berlapang Dada untuk Menerima Nasihat. Seseorang yang berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan penghayatan dalam amalan akhlak mestilah sentiasa berlapang dada untuk mendengar nasihat. Berlapang dada bererti bersifat terbuka dan bersedia untuk menerima teguran dan nasihat secara positif. Seseorang adakalanya tidak menyedari kelakuan dan sifat buruk serta kelemahan yang ada pada dirinya. Oleh itu, apabila keadaan ini ditegur terutama daripada orang yang soleh, maka hendaklah ia menganggap bahawa teguran tersebut merupakan kebaikan. Di samping itu, hendaklah dia menerima nasihat tersebut dan berasa syukur kerana tidak terus melakukan perbuatan dosa dan maksiat.

Namun, kebanyakan orang biasanya tidak mudah menerima atau mengaku kesalahan dan kelemahan dirinya. Keadaan ini akan menyukarkan seseorang itu

melakukan perubahan dalam dirinya. Maka sewajarnya sebagai seorang muslim mempunyai sifat berlapang dada ini diamalkan agar peningkatan amalan akhlak dapat dilakukan dalam kehidupan sehariannya.

Skop Akhlak Islam

Terdapat pelbagai pandangan berkaitan dengan skop akhlak dalam Islam. Bagaimanapun asas akhlak Islam adalah bersumberkan pada al-Quran dan Al-Sunah (al-Ghazali, 1989; al-Miskawayh, 1966). Berasaskan al-Quran dan al-Hadis, akhlak Islam merangkumi sikap, sifat dan tingkahlaku yang merujuk kepada keimanan kepada Allah dan Rosul, redha dengan ketentuan Allah sentiasa berdoa dan mengharapkan kebaikan serta melakukan solat lima waktu. Mengikut Muhammad Abdullah Darraz (1973), skop akhlak Islam boleh dimasukkan dalam lima kategori iaitu akhlak yang berkaitan dengan peribadi, akhlak kekeluargaan, akhlak kemasyarakatan, dan akhlak aspek keagamaan.

***Muraqabah* (merasa selalu diawasi dan disertai oleh Allah)**

Muraqabah bererti berwaspada dan berhati-hati terhadap serangan penyakit rohani yang wujud dalam diri manusia. Tujuannya ialah menjaga kesopanan diri terhadap Allah Yang Maha Mengawasi segala gerak-geri manusia. (Muhammad Jamaluddin al-Qasimi, 1990) Dengan demikian, seseorang yang memiliki sifat *muraqabah* dapat mengatasi kelemahan diri sendiri dalam menjalankan ketaatan kepada Allah S.W.T.

Yunahar (2014) berpandangan tahap *muraqabah* yang paling tinggi ialah apabila seseorang ketika beribadah kepada Allah merasakan bahawa Allah memerhatikannya. Ini sebagaimana firman Allah surah an-Nisa ayat 1 yang bermaksud “sesungguhnya Allah sentiasa menjaga dan mengawasi kamu”.

Mujahadah (Penentangan Nafsu)

Mujahadah ertinya berjuang bersungguh-sungguh di jalan Allah S.W.T. tanpa menghiraukan perasaan takut dan gentar yang timbul dalam diri seseorang (Lutfi, 2000). Ia juga membawa maksud bahawa sifat ini dapat menghindari perasaan malas terhadap aktiviti kehidupan yang didorong oleh hawa nafsu. Apabila seseorang mempunyai sifat mujahadah, dia akan merasakan dirinya sentiasa bersemangat dalam perjuangan hidup khususnya dalam mengerjakan ibadat terhadap Allah S.W.T.

Mujahadah juga melibatkan penentangan terhadap hawa nafsu. Al-Ghazali (1966) berpandangan mujahadah adalah keupayaan untuk melawan hawa nafsu bagi mengikut perintah Allah dalam kehidupan seharian untuk mencari redha Allah.

Muhasabah (Perhitungan Amalan)

Muhasabah ertinya menghitung atau menganalisis diri terhadap amalan-amalan hidup yang telah dilakukan. Memperhitungkan amalan memerlukan penilaian melalui menganalisis setiap perbuatan untuk mengetahui kesilapan atau kesalahan yang lalu. Seterusnya hasil daripada menganalisis diri yang dilakukan, hendaklah diperbetulkan dengan segera agar kesilapan tidak berulang lagi (Lutfi, 2000). Firman Allah S.W.T.:

Maksud: *Wahai orang-orang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan setiap diri hendaklah melihat apa yang telah berlalu dari amalan-amalannya untuk hari esok dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.* (Dalam Surah al-Hasyr, 59:18)

Dalam ayat di atas menerangkan bagaimana proses muhasabat al-nafs dilaksanakan. Proses muhasabat al-nafs bermula dengan penilaian diri yang dijalankan melalui kajian semula tingkah laku perbuatan yang telah dilakukan. Hasil daripada keputusan penilaian tersebut akan dijadikan panduan untuk mengelak

daripada berterusan dengan tingkah laku tersebut. Langkah yang terakhir bagi proses muhasabat al-nafsialah meninjau ke hadapan dengan memikirkan apa yang terbaik untuk dilakukan pada keesokan hari. Dengan cara ini segala kesilapan yang berlaku pada dirinya dapat diperbaiki dengan segera. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

تفكر ساعة خير من عبادة سنة

Maksud: *Berfikir sesaat lebih baik daripada beribadat setahun*

(Al-Ghazali, 1989)

Konsep Kepimpinan

Kepemimpinan merupakan salah satu aspek pengurusan dalam kehidupan organisasi yang berada pada posisi sentral dalam menjalankan seluruh potensi yang ada. Kerana itu, kepemimpinan akan mampu membezakan karakteristik satu organisasi dengan organisasi lainnya (Sujak, 1990). Oleh sebab itu, karakteristik sesuatu organisasi yang berbeza dengan organisasi yang lain dapat menunjukkan adanya model kepemimpinan yang berbeza di dalamnya.

Teras pengurusan dalam salah satu organisasi, termasuk institusi pendidikan seperti sekolah adalah kepemimpinan. Kepemimpinan telah menjadi subjek dalam pelbagai penyelidikan di Negara-negara Barat pada masa 40 tahun terakhir (dalam Bass, 1990; Yukl, 2002; 2006). Peranan kepemimpinan sentiasa dijalankan penyelidikan, karakter kepemimpinan sentiasa dikaji, dan diuji untuk melihat berjayanya atau tidak sesebuah organisasi (Abed, 2006).

Teori kepemimpinan di era sebelum tahun 1900 didominasi oleh sesebuah teori yang cenderung pada “*great man*” (manusia agung), yang mempunyai beberapa kriteria yang tidak dipunyai oleh orang lain (dalam Wart, 2003). Pada mula abad dua puluh, pengembangan penyelidikan difokuskan pada kajian tentang pemimpin itu sendiri. Para pengkaji di era ini mengembangkan tes pengujian keperibadian dan

memperbandingkan hasil daripada pengujian sikap mental bagi seseorang pemimpin. Pada tahun 1940, para pengkaji telah memungut daftar yang amat panjang mengenai ciri-ciri seseorang pemimpin dari pelbagai penyelidikan yang berasaskan pada aspek psikologis (Bird, 1940; Jenkins, 1947).

Pada era selanjutnya, faktor yang menjadi pendokong utama seseorang pemimpin untuk menemukan erti penting keteladanan dalam membina perilaku kakitangan. Contoh pertama adalah kajian di Ohio State (Hempill, 1950; Hempill and Coons, 1957) yang bermula dengan pengujian 1800 pernyataan yang berhubungkait dengan perilaku kepemimpinan. Dapatan kajiannya adalah ada dua faktor dalam perilaku pemimpin iaitu *consideration* dan *initiation of structure*. *Consideration* bermaksud aspek perilaku yang dihubungkan dengan pengembangan, masukan, dan perasaan yang baik untuk kakitangan. Sedangkan, *initiation of structure* bermaksud aspek perilaku yang dihubungkan dengan penjelasan peranan, mekanisme pengawalan, fokus tugas, dan koordinasi kerja, baik di dalam mahupun di luar unit (Wart, 2003).

Selain itu, aspek etik juga dapat masuk dalam kajian kepemimpinan. Seperti mana yang dikaji oleh Robert Greenleaf (1977) tentang servant leadership. Kajiannya mencuba untuk memberikan konsep kepemimpinan yang menggunakan konsep bisnis dan psikologi.

Konsep Kepemimpinan dalam Islam

Di dalam Islam, pemimpin adalah merupakan golongan diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk memimpin, namun mereka juga bertanggungjawab membimbing rakyat ke arah kebaikan. Tanpa mengamalkan akhlak yang terpuji, kepimpinan itu akan menjadi pincang dan tersasar dari landasan yang sebenar. Ajaran Islam telah menggariskan beberapa akhlak yang sesuai untuk diamalkan oleh

para pemimpin di semua peringkat lapisan. Antara akhlak yang sesuai dikodkan sebagai akhlak pemimpin Islam adalah seperti adil, jujur, amanah, sabar dan sebagainya. Pengamalan akhlak ini penting bagi menjamin kecemerlangan pentadbiran Islam dan keutuhan sesebuah institusi kepimpinan Islam.

Karakteristik pemimpin dalam Islam mempunyai ciri-ciri khas, kerana ia membawa misi besar iaitu nilai-nilai Islam yang dapat diimplementasikan dalam pelbagai kajian dan ada manfaatnya bagi alam semesta. Djalaluddin (2007) menyatakan bahawa ada pelbagai karakteristik asas yang harus dipunyai oleh seseorang pemimpin dalam menjalankan amanahnya, iaitu: (1) *'Alim* (seseorang yang mempunyai ilmu), (2) *Mukhlis* (orang yang tulus), (3) *'Amil* (orang yang sentiasa mahu bekerja), (4) *Mujahid* (orang yang sentiasa berjuang), (5) *Muttadhi* (orang yang sentiasa berkorban), (6) *Mutajarrid* (orang yang konsisten), (7) *Mutsabbit* (orang yang mempunyai pendirian). Selari dengan ini, ada juga pelbagai karakteristik yang sepatutnya dipunyai oleh seseorang muslim yang menjadi pemimpin dalam menjalankan amanahnya seperti mana berikut ini.

Pertama, adil adalah merupakan sifat yang universal dan dituntut umum oleh semua masyarakat terutama yang melibatkan soal kepemimpinan. Keadilan adalah merupakan asas sistem kepemimpinan Islam sama ada kepada pengikut muslim atau bukan muslim di dalam sistem pemerintahan. Pengikut sentiasa mengharapkan agar pemerintah yang memerintah dengan adil dan saksama. Keadilan itu termasuklah keadilan di dalam pengagihan sumber ekonomi pemerintah, hak sosial rakyat, pelaksanaan undang-undang dan sebagainya.

Seorang pemimpin sama ada di peringkat negara atau negeri dan daerah mestilah adil di dalam setiap tindakannya agar rakyat tidak akan dizalimi. Maka, pemerintahannya akan lebih disanjung dan dapat bertahan lebih lama. Sejarah telah membuktikan bahawa era kepimpinan yang cemerlang diperintah oleh pemimpin

yang adil seperti Rasulullah S.A.W, para Khulafā' al-Rāsyidīn dan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Keadilan mereka boleh dijadikan sebagai teladan terbaik kepada pemimpin Islam yang terkemudian. Imam al-Mawardi dan Imam al-Ghazali serta Ibn Khaldun telah meletakkan keadilan sebagai syarat untuk menjadi seorang pemimpin.

Allah Taala telah menyuruh manusia agar berlaku adil serta berbuat kebajikan. Arahan ini termasuklah kepada golongan pemimpin yang terlibat secara langsung di dalam mentadbir manusia. Menurut Ibnu Kathir, beliau menyatakan ayat ini menunjukkan bahawa Allah Taala mengarahkan manusia agar berlaku adil dan saksama yang membawa kepada sifat belas ihsan sesama manusia. Manakala Al-Qurtubi pula menyatakan bahawa adil di dalam ayat ini bermaksud saksama dan tidak khianat sama ada secara terang-terangan atau tersembunyi. Maka jelaslah bagi sesiapa pun bahawa sifat adil ini penting bagi seorang pemimpin di dalam mentadbir rakyatnya melalui mekanisme politik dan pentadbiran awam. Dalam masa yang sama, para pemimpin yang tidak adil dalam pemerintahannya dianggap sebagai pemimpin yang melanggar perintah Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Keadilan Islam tidak hanya terhad kepada saudara atau sahabat dan rakyat kepada pemimpin itu sendiri bahkan juga kepada musuh dan semua pihak. Islam juga menegaskan bahawa sikap kebencian dan prejudis pemimpin terhadap sesuatu golongan yang tidak disukainya tidak seharusnya menghalang beliau untuk menegakkan keadilan. Hal ini dijelaskan di dalam ayat 8, Surah al-Maidah yang bermaksud;

Hai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Selain dari itu, baginda Rasulullah s.a.w yang merupakan model kepimpinan Islam turut sama mewajibkan umatnya agar berlaku adil dan menjauhi kezaliman:

Makhluk yang paling dicintai oleh Allah ialah Imam (pemimpin) yang adil, dan yang paling di benci oleh Allah ialah Imam (pemimpin) yang zalim (HR. Tirmidzi dan Thabrani)

Keadilan ini meliputi keadilan seorang pemimpin dalam pemerintahan, pentadbiran, pungutan cukai, pengagihan harta, keadilan undang-undang, keadilan sosial dan sebagainya. Selain itu, para pemimpin Islam juga hendaklah melayani rakyatnya tanpa diskriminasi dan bersifat nepotisme atau kronisme. Layanan yang baik juga harus diberikan kepada kafir dhimmi yang menetap di dalam pemerintahan Islam kerana mereka adalah golongan yang dijamin haknya di dalam sistem negara Islam.

Sebagai implikasinya, pemimpin yang berakhlak dan adil akan dihormati dan ditaati oleh rakyatnya. Hasil daripada ketaatan ini, akan wujud kerjasama antara rakyat dan pemerintah dan negara akan menjadi makmur dan aman sejahtera. Justeru, keadilan adalah salah satu daripada asas utama dalam membentuk akhlak bagi seorang pemimpin Islam. Sememangnya tidak dinafikan bahawa keadilan dan kepemimpinan tidak dapat dipisahkan lagi sehinggakan ramai para sarjana Islam meletakkannya sebagai syarat wajib yang perlu ada pada seorang pemimpin.

Kedua, amanah adalah penting kerana seseorang pemimpin yang amanah akan dipercayai oleh rakyatnya. Tugas manusia sebagai khalifah untuk mentadbir dunia juga adalah amanah daripada Allah. Justeru, para pemimpin yang mentadbir sesebuah negara atau negeri dan daerah sememangnya bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah tersebut. Terdapat firman Allah berkenaan amanah yang ditanggung oleh manusia yang bermaksud;

Sesungguhnya Kami telah menemukakan amanah kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanah itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanah itu oleh manusia Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat jahil.

(Dalam Surah al-Ahzab (33): 72)

Dan bagi pemimpin yang zalim dan jahil, mereka tidak akan mampu memikul amanah tersebut. Hanya pemimpin yang beretika sahaja mampu untuk menyempurnakan amanah tersebut. Sememangnya seorang pemimpin akan menghadapi ujian yang kuat apabila memegang jawatan yang tinggi di dalam pentadbiran kerana mereka akan terlibat di dalam perbelanjaan kewangan pemerintahan yang mungkin bernilai berjuta-juta atau berbilion ringgit. Tanpa adanya sifat amanah, sudah tentu golongan pemimpin ini akan terjebak ke kancah penyelewengan seperti pecah amanah dan rasuah. Pemimpin yang bersifat amanah juga akan mengutamakan kepentingan rakyat daripada kepentingan diri sendiri dan tidak akan terburu-buru dalam menurut hawa nafsunya. Beliau juga hendaklah menganggap tugasnya bukan sekadar untuk mencari reze ki untuk keluarganya, bahkan bertanggungjawab kepada amanah jawatan yang disandangnya di dalam pentadbiran. Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud;

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.
(dalam Surah al-Nisa', ayat 58)

Amanah mengikut pengertian syarak meliputi makna yang luas dan menunjukkan rasa akauntabiliti seseorang pemimpin terhadap orang yang dipimpinnya. Hal ini dijelaskan di dalam hadis berikut maksudnya:

Setiap kamu adalah penjaga dan setiap kamu akan ditanya tentang jagaannya. Imam (pemimpin) adalah penjaga dan akan ditanya mengenai rakyatnya (HR. Bukhari dari Ibn Umar)

Di dalam sebuah hadis lain yang diriwayatkan dari Anas r.a berkata bahawa nabi selalu berpesan maksudnya:

Tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tidak beramanah dan tidak sempurna agama bagi yang tidak ada janji baginya(HR. Ahmad).

Di dalam hadis ini, nabi telah menegaskan bahawa kepentingan amanah sehingga dikaitkan dengan iman. Terdapat suatu peristiwa dimana Abu Dzar telah meminta daripada Rasulullah untuk menjadi gabenor dan Rasulullah menasihati beliau tentang amanah jawatan tersebut di dalam hadith yang bermaksud;

Aku berkata kepada Rasulullah s.a.w: Wahai Rasulullah! Kenapa kamu tidak melantik aku menjadi gabenor? Rasulullah menepuk daguku dengan tangannya sambil berkata: Wahai Abu Dzar, engkau seorang yang daif dan jawatan itu adalah suatu amanah. Di hari kiamat ia merupakan kehidupan dan sesalan kecuali orang yang menyandangnya dengan sebenar dan ia menunaikan tanggungjawab (HR.Muslim).

Dengan perkembangan arus kemodenan masa kini, berlaku pelbagai jenis penyelewengan kewangan dan rasuah yang berlaku akibat kepimpinan yang tidak beramanah dan kepimpinan mereka juga tidak bertahan lama. Justeru, sifat amanah perlu disemai dan dijadikan sebagai amalan akhlak oleh para pemimpin memendangkan tugas mereka yang melibatkan kuasa dan pentadbiran serta kewangan.

Ketiga, manusia berilmu yang dimaksudkan bagi seorang pemimpin adalah tahap ilmu yang membolehkan beliau untuk berijtihad atau kefahaman. Pandangan ini dinyatakan oleh al-Mawardi, al-Ghazali, al-Hanbali, Ibnu Khaldun, al-Baghdadi dan Abu Ya'la al-Farra. Namun, pada masa sekarang, untuk mencari pemimpin yang betul-betul mampu berijtihad adalah agak sukar, maka para ulama' terkemudian telah berpendapat bahawa tidak semestinya seorang pemimpin atau pemimpin tersebut adalah seorang mujtahid tetapi cukup sekadar mengetahui tentang hukum Islam dan beliau boleh meminta pendapat tentang persoalan yang perlu diijtihadkan kepada

penasihatnya. Maka, menurut al-Syahrastani, mereka diminta untuk mendampingi para mujtahid untuk memberi sesuatu fatwa. Jadi jelaslah bahawa syarat berilmu sehingga mampu berjihad adalah suatu akhlak yang terbaik yang harus diusahakan dicapai oleh setiap pemimpin Islam.

Islam amat mementingkan persoalan keilmuan kepada umatnya dan lebih-lebih lagi terhadap seorang pemimpin yang mentadbir urusan rakyat. Sudah tentu mereka perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keagamaan dan ilmu-ilmu semasa atau fardu kifayah. Ilmu yang termasuk di dalam fardhu kifayah adalah seperti ilmu politik, perhubungan antarabangsa, pentadbiran dan ketenteraan. Ilmu agama penting kepada seorang pemimpin untuk memastikan bahawa dasar dan polisi yang dibuat oleh mereka adalah bertepatan dengan landasan syariat. Manakala ilmu fardu kifayah pula penting untuk mereka membuat polisi yang betul dengan kehendak dan melicinkan proses pentadbiran sesebuah negara. Dalam mendepani era globalisasi pada masa sekarang, maka kemahiran di dalam ilmu pentadbiran dan perancangan strategik penting untuk dikuasai oleh seseorang pemimpin.

Terdapat banyak dalil daripada Al-Quran dan Sunnah yang membicarakan persoalan ilmu dan kemuliaanya serta orang yang berilmu. Kepentingan ilmu bagi para pemimpin juga ada dijelaskan di dalam Al-Quran iaitu semasa Allah Taala hendak melantik Nabi Adam a.s menjadi khalifah di bumi dan perkara ini menimbulkan keraguan di kalangan para malaikat tentang keupayaan Nabi Adam a.s untuk menjalankan tugasnya. Maka para malaikat berkata sebagaimana Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 30 yang bermaksud;

Mereka berkata: Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?

Allah Taala menjelaskan bahawa Ia telah mengajar (memberi ilmu) kepada nabi Adam a.s tentang nama-nama (benda-benda) seluruhnya sedangkan ilmu tersebut tidak ajar kepada para malaikat. Maka disinilah terletaklah keistimewaan Nabi Adam a.s sebagai khalifah berbanding para malaikat. Allah Taala telah merakamkan peristiwa ini di dalam Al-Quran dengan firmanNya yang bermaksud;

Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakan kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepadaKu nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar. (dalam al-Baqarah ayat 31)

Selain dari itu, seseorang pemimpin juga sering menjadi rujukan ramai dalam sesuatu masalah yang timbul. Justeru, seharusnya seseorang pemimpin itu sewajarnya berilmu pengetahuan yang luas agar dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh dirinya dan juga orang ramai. Perkara ini telah dijelaskan dalam ayat 7 Surah al-Anbiya' yang bermaksud;

Kami tiada mengutus rasul-rasul sebelum kamu (Muhammad), melainkan beberapa orang laki-laki yang kami beri wahyu kepada mereka, maka tanyakanlah olehmu kepada orang-orang yang berilmu, jika kamu tiada mengetahui.

Justeru, seseorang pemimpin yang berilmu sudah tentu akan menjadi mulia kedudukannya di sisi Allah Taala dan seorang pemimpin seharusnya berusaha untuk menimba ilmu dengan sebanyak yang mungkin untuk mencapai darjat yang mulia disisi Allah Taala dan juga rakyatnya. Seorang pemimpin yang berilmu juga tidak sama kedudukannya dengan pemimpin yang jahil walaupun setinggi mana pangkatnya. Nabi pernah bersabda tentang kelebihan para ilmuwan di dalam hadis yang bermaksud;

Kelebihan seorang alim keatas seorang ahli ibadat bagaikan lebihhanku ke atas orang yang terendah kedudukannya dari kamu sekalian (HR. Tirmizi) .

Dalam membicarakan tentang kewajiban menuntut ilmu, al-Farabi di dalam tulisannya yang berjudul *al-Qaul fi Qisal Ra'is al-Madinah al-Fadilah* menyatakan bahawa seseorang pemimpin haruslah cintakan ilmu dan tidak berasa penat dalam menimba ilmu. Beliau juga menyokong pendapat yang mengatakan bahawa syarat keilmuan seorang pemimpin adalah mencapai mujtahid.

Hal ini menunjukkan bahawa keilmuan seseorang pemimpin amat penting dan pemimpin tersebut juga seharusnya menggalakkan rakyatnya untuk menuntut ilmu agar mereka tersebut menjadi umat yang terbaik. Selain itu, sifat *hikmah* atau bijaksana juga amat penting bagi seorang pentadbir organisasi awam. Para pemimpin Islam pada masa kini pula perlu mahir dalam bidang teknologi maklumat, teknologi persenjataan di samping mahir dalam bidang ekonomi untuk terus bersaing dalam era globalisasi seiring dengan negara maju di Barat. Justeru, implikasinya seorang pemimpin yang berilmu pengetahuan tinggi akan lebih dihormati oleh rakyatnya dan kepimpinannya akan lebih cemerlang di dalam setiap tindak-tanduknya. Selain itu, pemimpin yang berilmu juga akan dapat membimbing rakyatnya ke arah kemajuan pembangunan fizikal dan spiritual sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Keempat, Ikhlas adalah merupakan perbuatan yang dilakukan tanpa mengharapkan apa-apa balasan daripada perbuatan tersebut sama ada dalam bentuk ganjaran material atau sanjungan. Semua jasa dan tindakan yang dibuat oleh seseorang itu hanyalah untuk mencari keredhaan Allah semata-mata. Ini kerana tugas sebagai seorang pemimpin biasanya dipandang tinggi oleh masyarakat dan rakyat. Persoalan keikhlasan bermula daripada niat dalaman seseorang sebagaimana yang dinyatakan di dalam *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah iaitu al-Umur bi Maqasidiha*. Sehubungan dengan itu juga nabi telah bersabda maksudnya:

Sesungguhnya setiap perbuatan adalah dengan niatnya dan bagi setiap orang apa yang diniatkannya. (HR. Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, para pemimpin seharusnya menyucikan serta memurnikan niatnya di dalam menjalankan setiap tugasannya hanya kerana Allah Taala dan bukannya untuk menerima sanjungan daripada rakyatnya. Maka dengan ini beliau dapat mengelakkan diri daripada perasaan sombong dan angkuh dengan segala jasa yang telah dicurahkan kepada rakyat. Seseorang pemimpin yang ikhlas juga tidak akan terpengaruh dengan pujian atau cercaan daripada rakyatnya di atas segala sumbangan yang dilakukannya. Seseorang pemimpin yang ikhlas juga tidak akan berasa ria' sekiranya beliau berjaya mentadbir rakyatnya dengan baik tetapi berasa rendah diri dengan rasa kehambaan kepada Allah Subhanahu wa Taala. Mereka akan berasa bersyukur kerana berjaya menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik tanpa melalui banyak cabaran dan rintangan. Pemimpin beginilah yang dikatakan sebagai seorang pemimpin yang beretika dan ikhlas.

Islam menggalakkan umatnya untuk beribadah dan bekerja dengan ikhlas. Maka galakkan ini juga wajar diambil berat oleh seorang pemimpin di dalam bidang pendidikan kerana setiap amalan termasuk sumbangan di dalam bidang pendidikan oleh seseorang pemimpin sekiranya diniat dengan ikhlas akan dikira sebagai ibadah.

Motivasi supaya berbuat ikhlas ini dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud;

Katakanlah: “ Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama.

(Dalam Surah al-Zumar (39): 11)

Seseorang pemimpin yang ikhlas juga seharusnya tidak mempertikaikan layanan yang diterimanya serta tidak menuntut sebarang hak keistimewaan yang melebihi daripada had yang sepatutnya. Ini kerana di dalam sistem ajaran Islam, tiada jurang pemisahan antara golongan pemerintah dan rakyat. Para pemimpin juga

harus sedia bekorban termasuk mengorbankan kepentingan diri sendiri sama ada masa, tenaga atau wang ringgit untuk kepentingan rakyat sesuai dengan konsep masalah di dalam *siasah syar'iiyyah*.

Kelima, kecekapan mentadbir. Pendidikan melibatkan soal pentadbiran, maka sudah tentu para pemimpin yang mentadbir adalah seorang yang mahir dalam pentadbiran. Beliau seharusnya cekap menguruskan urusan pentadbiran, kewangan, operasi dan pembuatan keputusan.

Untuk memperolehi kecekapan tersebut, seseorang pemimpin haruslah menguasai ilmu pendidikan dan pentadbiran serta mengambil beberapa penasihat yang pakar dalam bidang-bidang tersebut. Pemimpin yang cekap juga akan menerapkan sistem syura dalam pentadbirannya kerana melalui sistem tersebut, kemantapan pentadbiran atau *good governance* akan wujud hasil kerjasama yang dibuat.

Para sarjana Islam seperti al-Mawardi, al-Baghdadi, al-Juwaini, al-Ghazali, al-Syahrastani dan al-Baidhawi bersepakat dan meletakkan syarat kecekapan di dalam aspek pendidikan dan pentadbiran sebagai syarat untuk menjadi seorang pemimpin. Manakala Imam al-Juwaini pula di dalam kitabnya *al-Irsyad* telah menambah kecekapan di dalam pengurusan berpasukan sebagai syarat tambahan kepada seseorang pemimpin.

Untuk memastikan kecekapan dalam pentadbiran, seseorang pemimpin perlu melantik para pembantu dalam struktur organisasi pemerintahannya. Di dalam Islam hal ini turut dinyatakan di dalam Al-Quran yang menceritakan permintaan Nabi Musa a.s yang bermohon kepada Allah agar menjadikan Nabi Harun a.s sebagai pembantu baginda di dalam Surah Taha ayat 29-32 yang bermaksud;

Dan jadikanlah untukku seorang pembantu dari keluargaku, (iaitu) Harun, saudaraku, teguhkanlah deangan dia kekuatanku, dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku.

Justeru, seorang pemimpin perlu menggunakan segala kepakaran dan kemahiran yang ada untuk melancarkan proses pentadbirannya. Beliau perlu menggunakan daya intelektualnya, kepakaran para penasihatnya serta ketrampilan yang ada serta mewujudkan badan eksekutif dan badan penasihat di dalam organisasinya. Selain itu, kecekapan pentadbiran juga memerlukan kepada perancangan kerja yang rapi dan pengurusan masa yang tepat. Kedua-duanya amat penting untuk memastikan kecekapan di dalam pentadbiran.

Untuk memperolehi kecekapan tersebut, para pemimpin sepatutnya menimba ilmu sebanyak yang mungkin di dalam bidang pendidikan dan pentadbiran agar setiap masalah yang di hadapi dapat diselesaikan dengan teratur di dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, latihan serta kursus dan seminar kepimpinan juga perlu untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kecekapan para pemimpin pendidikan. Selain, itu para pemimpin Islam juga perlu mempunyai sifat sabar, berani, *tawadu'*, menepati janji, jujur, penyayang dan murah hati agar dapat menjadi pemimpin yang cemerlang dan membela nasib para kakitangannya.

Kepemimpinan Sekolah di Indonesia

Standard Kompetensi Guru besar di Indonesia

Guru besar sekolah mempunyai standard am, iaitu: mempunyai standard akademik sarjana muda; mempunyai pengalaman mengajar minimum 5 tahun; tidak berumur di atas 56 tahun, sedangkan standard khas, iaitu: sebagai guru; mempunyai sijil pendidik; mempunyai sijil guru besar (Permendikbud, No. 13; 2007).

Selain itu, guru besar sekolah mesti mempunyai 5 standard kompetensi guru besar, iaitu: kompetensi keperibadian; pengurusan; keusahawanan; supervisi; dan

sosial. Pertama, standard kompetensi keperibadian guru besar. Kedua, standard kompetensi pengurusan guru besar. Ketiga, standard kompetensi keusahawanan guru. Keempat, standard kompetensi supervisi guru besar. Kelima, standard kompetensi sosial guru besar.

Berdasarkan standard kompetensi guru besar yang telah digariskan dalam Permendikbud, No. 13; 2007 bermakna guru besar mestilah mempunyai keperibadian yang unggul yakni mengamalkan akhlak mulia. Dalam aspek pengurusan, guru besar diharapkan dapat menjadi perancang yang berupaya membina iklim sekolah yang sihat dan kondusif untuk pembelajaran serta penghayatan nilai murni. Guru besar juga diharapkan berupaya untuk melaksanakan supervisi akademik dan sosial di sekolah.

Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini memberikan pandangan ke atas definisi akhlak, nilai, moral, etik, dan karakter, dan kedua nilai-nilai akhlak asas yang perlu diamalkan oleh guru besar di sekolah. Konsep asas tentang amalan akhlak. Bahagian ini secara terperinci diuraikan tentang lima perkara, iaitu pertama, definisi akhlak *mahmudah* dan akhlak *mazmumah*. Kedua, amalan akhlak dalaman dan amalan akhlak luaran. Ketiga, cara mempertingkatkan amalan akhlak *mahmudah* dan cara menjauhi amalan akhlak *mazmumah*. Keempat, penghayatan amalan akhlak yang meliputi *muqarabah* dan *muhasabah*. Kelima, pengalaman atau pembiasaan amalan akhlak yang meliputi *riyadhah*. Model proses amalan akhlak. Bahagian ini secara terperinci diuraikan mengenai lima perkara, iaitu pertama, Pembersihan jiwa. Kedua, Melawan hawa nafsu. Ketiga, Melazimi amalan kebaikan. Keempat, Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk. Kelima, Pengawasan diri terhadap Allah. Setelah itu tentang kepemimpinan dalam Islam.

Bahagian ini secara terperinci dihuraikan mengenai dua perkara, iaitu pertama kepemimpinan dalam Islam, dan Kepengetuaan Sekolah di Indonesia. Kurangnya kajian tentang akhlak guru besar dalam menjalankan kepemimpinannya di sekolah, sebagaimana yang diterangkan dalam bab ini, mendedahkan satu keperluan dan tindakan segera untuk menjalankan kajian ini. Untuk kajian ini dapat berjaya, pendekatan metodologi kualitatif dilihat sesuai sebagai satu cara untuk menjawab soalan yang dibangkitkan secara selaras dengan rangka kerja dan fokus kajian. Hal ini dijelaskan dalam bab 3.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

Pengenalan

Dalam bahagian bab tiga ini membincangkan tentang rasional pemilihan kaedah kajian kualitatif yang meliputi pemilihan peserta kajian, pemilihan lokasi sekolah sebagai tempat kajian, pengutipan dan pengumpulan data kajian, penganalisan data kajian, tempoh masa kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, etika dan kerja lapangan dalam penyelidikan kualitatif. Pembentangan ini telah dibuat dalam konteks sebuah kajian yang dijalankan secara kualitatif.

Berikut ini, perbincangan tentang rasional dalam memilih pendekatan dan kaedah kajian dibentangkan. Dalam penghuraian ini, ciri kaedah kajian kualitatif dibincangkan dengan memberikan penekanan dan tumpuan secara khusus kepada konteks yang dijalankan.

Rasionalisasi Pemilihan Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah untuk memahami, menjelaskan, meneroka dan membuat pendedahan tentang fenomena kajian (Creswell, 2008). Fenomena yang dimaksud dalam kajian ini adalah amalan akhlak guru besar sekolah rendah Islam di empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia. Kajian ini telah memberi fokus kepada proses daripada hasil. Oleh itu, kajian ini diharapkan akan dapat memberi gambaran yang lebih lengkap tentang apa yang berlaku sebenar dalam kerja lapangan (Fraenkel & Wallen, 2007)

Kaedah kualitatif dalam kajian ini telah dipilih dan digunakan kerana mempunyai beberapa kelebihan antaranya, iaitu seperti yang berikut:

1. Kajian kualitatif boleh memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai suatu konsep yang abstrak bagi pengkaji dalam membuat interpretasi (McMillan & Schumacher, 2006)
2. Kajian kualitatif boleh memberikan peluang yang lebih besar untuk memahami dan meneroka kompleksiti tentang pelbagai pengalaman manusia (Bogdan & Biklen, 2007)
3. Kajian kualitatif boleh memberi peranan kepada pengkaji sebagai instrument utama yang boleh menjalankan kajian secara fleksibel untuk menyesuaikan dan menjawab tentang persekitaran kajian (Ary, et.al., 2006). Pengalaman manusia yang dimaksud dalam kajian ini adalah pengalaman guru besar dalam mengamalkan akhlak di sekolah.
4. Instrumen dalam kajian kualitatif hanya manusia sahaja yang dapat menjalankan tugas untuk berbicara dengan orang-orang yang ada di persekitaran, memerhati pelbagai aktiviti mereka, membaca pelbagai dokumen, membuat catatan lapangan ketika pemerhatian kerja lapangan dijalankan (Lincoln & Guba, 1985)
5. Kajian kualitatif membolehkan pengkaji untuk memerhati sesuatu peristiwa pengamalan akhlak di persekitaran sekolah yang berlaku secara hakikatnya sehingga dapat memberikan situasi persekitaran yang sebenar sebagai kenyataan (*natural setting*) (Creswell, 2003; 2008; Sugiyono, 2005; Lexy J.M, 2007)

Kajian ini adalah kajian kualitatif berbilang kes. Bogdan & Biklen menyatakan bahawa kajian berbilang kes adalah seperti berikut ini: “*When researchers study two or more subjects, settings, or depositories of data, they are usually doing what we call multi case studies*” (ms. 69). Kajian berbilang kes dalam

kajian ini adalah kajian yang dijalankan di empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia mengenai akhlak guru besar Sekolah Rendah Islam.

Pemilihan kaedah kajian kes ini juga bersesuaian dengan matlamat kajian yang hendak dikaji (Nana, 2005; Sugiyono, 2005). Ini selari dengan pandangan Fraenkel & Wallen (2007) yang menyatakan bahawa rasional memilih sesuatu kaedah kajian mestilah bersesuaian dengan matlamat kajian yang ingin dijalankan. Menurut Merriam (2001) pula, kajian kes mengkaji “*how people do things, and what meaning they give to their lives*” (ms. 2). Memang yang menjadi matlamat ini adalah untuk melihat gambaran sebenar tentang bagaimana seseorang guru besar menjalankan amalan akhlak di empat buah sekolah rendah Islam.

Berasaskan rasional yang tergaris, maka kaedah kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini untuk meneroka mengenai amalan akhlak guru besar di empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia.

Pemilihan Peserta Kajian

Pemilihan peserta dalam kajian kualitatif ini berasaskan kepada *purposive sampling* (Bailey, 2007). Ini bermaksud bahawa pemilihan peserta kajian harus disesuaikan dengan tujuan kajian. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka amalan akhlak, yang telah dijalankan oleh guru besar di Sekolah Rendah Islam.

Kajian ini telah melibatkan empat orang guru besar daripada empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia. Nama-nama peserta kajian diletakkan kod tertentu bertujuan untuk menjaga kerahsiaan peserta kajian dan membezakan antara peserta kajian yang satu dengan peserta kajian yang lain.

Kod nama-nama peserta kajian ini telah disenaraikan seperti dalam jadual 1. yang berikut di bawah ini.

Jadual 1: Kod Nama-Nama Peserta Kajian

Nombor	Kod Nama-Nama Peserta Kajian	Jantina
1	“AD”	lelaki
2	“AJ”	lelaki
3	“DS”	perempuan
4	“SA”	lelaki

Pemilihan peserta kajian seperti apa yang telah digariskan oleh Patton, 2002; Creswell, 2008; Scumacher dan McMillan, 2006; Bailey, 2007; Fraenkel 2007 dan Marohaini Yusuf, 2004: ms. 45), iaitu peserta kajian utama bukan sekedar sebagai subjek tetapi mereka mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai fenomena yang akan dikaji. Selain itu, peserta kajian ini dipilih kerana mereka kaya dengan maklumat (Ary, et.al., 2006; Neuman, 2006)

Berasaskan cadangan dan saranan mengenai penetapan kriteria peserta kajian yang telah diberikan oleh para pakar di atas, maka kajian ini telah menetapkan beberapa kriteria peserta kajian. Manakala kriteria pemilihan peserta kajian, dalam kajian ini iaitu pertama, keempat-empat peserta kajian adalah guru besar sekolah rendah Islam yang secara rasmi telah diangkat oleh kerajaan atau yayasan untuk menjalankan kepimpinan di sekolah masing-masing. Kedua, peserta kajian adalah guru besar yang sudah mempunyai pengalaman untuk memimpin sekolah selama minimum 5 tahun. Ketiga, peserta kajian adalah guru besar yang telah mengikuti pelbagai perbengkelan mengenai *school leadership* atau *leadership*. Dengan

penetapan kriteria ini, diharapkan para guru besar dapat menjalankan kepemimpinan sekolah berasaskan pengetahuan dan kemahirannya secara maksimum.

Pemilihan Lokasi Kajian yang menjadi Tempat Kajian

Dalam satu kajian kualitatif, pemilihan tempat kajian adalah perkara yang mustahak adanya, selain memilih peserta kajian. Dalam kajian ini, empat Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia telah dipilih sebagai tempat kajian. Manakala nama-nama empat buah lokasi sekolah yang menjadi tempat kajian telah diletakkan kod tertentu yang bertujuan untuk menjaga kerahsiaan sekolah yang telah dikaji dan membezakan antara sekolah yang satu dengan sekolah yang lain.

Kod nama-nama peserta kajian telah disenaraikan seperti dalam jadual 2. yang berikut di bawah ini.

Jadual 2. Kod Lokasi Sekolah Yang Menjadi Tempat Kajian

Nombor	Lokasi Sekolah Yang Menjadi Tempat Kajian
1	“BH001”
2	“SB002”
3	“AK003”
4	“AY004”

Berkaitan dengan pemilihan lokasi kajian, Neuman (2006) menyatakan bahawa pemilihan tempat kajian merupakan keputusan penting dan pengkaji hendaklah mengambil kira beberapa catatan tentang pemilihan tempat kajian. Ada beberapa faktor penting yang perlu diambil kira dalam memilih tempat kajian. Dalam hal ini, Marshall dan Rossman (1999) memberikan beberapa perkara yang perlu

diambil kira dalam menentukan lokasi yang menjadi tempat kajian, iaitu lokasi kajian memberikan kemudahan untuk dimasuki, terdapat kemungkinan untuk mendapatkan maklumat yang memadai dan mencukupi, pengkaji boleh membina hubungan yang baik dan selesa dengan peserta kajian dan terdapat jaminan untuk memperoleh data yang sah dan berkualiti.

Berasaskan kepada cadangan dan saranan mengenai kriteria pemilihan lokasi daripada para pakar diatas maka kajian ini telah menetapkan kriteria lokasi sekolah seperti yang berikut, iaitu pertama, sekolah rendah Islam swasta yang mempunyai status Sekolah Bertaraf Internasional (SBI). Kedua, Sekolah Rendah Islam Plus (SDIP). Ketiga, Sekolah Alam Dwibahasa atau Bilingual (SAB). Keempat, Sekolah Rendah Islam Bersepadu (SDIT). Keempat-empat buah sekolah ini sekolah swasta yang berasaskan kepada ajaran agama Islam.

Kaedah Pengutipan dan Pengumpulan Data

Tiga kaedah kajian telah dipilih dan digunakan untuk mengutip dan mengumpul data dalam kajian kualitatif ini, iaitu temu bual (*interview*), pemerhatian (*observation*), dan bukti dokumen (*documentation*) (Sukardi, 2004; Nana, 2005; Mohd Majid K, 2005; Frankel, 2007).

Temubual Kajian Secara Terbuka

Dalam kajian ini, kaedah temubual telah dipilih dan digunakan untuk mengutip dan mengumpul data kajian. Kaedah temubual telah dipilih dan digunakan sebagai salah satu sumber utama untuk mengutip dan mengumpul data kajian mengenai akhlak guru besar di empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia. Selain itu, kaedah temubual dalam kajian ini telah digunakan untuk

memperoleh dan mendalami maklumat yang telah diperoleh melalui kaedah pemerhatian mengenai proses amalan akhlak guru besar di persekitaran sekolah dan kaedah bukti dokumen yang dimiliki oleh guru besar yang telah digunakan sebagai panduan proses amalan akhlak guru besar di sekolah antaranya catatan harian guru besar, catatan mensyuarat dan agenda aktiviti guru besar yang menjadi asas dan panduan oleh guru besar dalam menjalankan proses amalan akhlak guru besar di sekolah. Demikian juga, catatan aktiviti sekolah dan agenda aktiviti guru besar dengan guru, orang tua siswa, dan kaki tangan lainnya adalah merupakan dokumen penting dan asas sebagai sumber data kajian.

Teknik untuk menjalankan kaedah temubual dalam kajian ini adalah penyelidik dan peserta kajian bersemuka untuk menjalankan temubual sesuai dengan fokus kajian, iaitu mengenai amalan akhlak guru besar di sekolah. Soalan-soalan temubual yang telah dikemukakan dalam kajian ini adalah memberi fokus kepada proses amalan akhlak guru besar mengenai kefahaman akhlak guru besar mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah, proses mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah, proses penghayatan akhlak mengenai muraqabah dan muhasabah di sekolah. Manakala proses amalan akhlak mengenai pengamalan akhlak memberi fokus kepada seorang guru besar menjalankan proses riyadhah dalam amalan akhlak di sekolah, dan nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah. Dalam hal ini, pengkaji berperanan sebagai orang yang menanyakan soalan-soalan kajian yang telah digariskan, manakala peserta kajian menjawab soalan-soalan yang telah ditanyakan oleh pengkaji. Secara terperinci soalan-soalan kajian ini telah disediakan secara sistemik dan berturutan supaya dapat dijalankan dengan lebih mudah dan efektif.

Kaedah temubual boleh digunakan dalam kajian ini kerana mempunyai beberapa kelebihan, iaitu pertama, temubual boleh memberi peluang kepada peserta kajian untuk berkongsi pendapat menurut perspektif mereka yang lebih luas dan mendalam sesuai dengan pandangan peserta kajian, keyakinan dan perasaan mengenai situasi yang ada dengan pengalaman mereka sendiri. Kedua, kaedah temubual dapat digunakan untuk menjelaskan dan mendalami data kajian yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian. Ketiga, kaedah temubual dapat digunakan untuk mengumpul maklumat yang kaya dan mendalam kerana maklumat ini diperoleh daripada pandangan peserta kajian, makna peristiwa orang-orang yang terlibat, maklumat tentang persekitaran, dan juga maklumat terhadap isu-isu yang tidak disangka sebelumnya serta untuk menjelaskan terhadap jawapan peserta kajian (Ary, et.al., 2006)

Selain daripada itu, kaedah temubual dapat digunakan untuk mengumpul data secara deskriptif daripada hasil temuramah subjek kajian. Oleh itu, pengkaji dapat memperkembangkan pemahaman mengenai bagaimana subjek kajian menterjemahkan lembaran dunia kehidupannya (Bogdan & Biklen, 2007). Bahkan kaedah temubual dapat memberikan maklumat yang berfaedah ketika pengkaji tidak dapat memerhati terhadap subjek kajian. Kaedah temubual juga mempunyai kawalan yang lebih baik terhadap tipe maklumat yang diterima kerana pengkaji dapat menanyakan soalan yang khusus untuk mendapatkan maklumat (Creswell, 2008). Dan lagi, temubual dapat digunakan untuk rujuk silang mengenai maklumat kajian yang diperoleh melalui pemerhatian kerana temubual dapat dijalankan sesuai dengan soalan yang diperlukan (Fraenkel, 2007)

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan strategi temubual kajian sebagai berikut. Pertama, pengkaji memulakan dengan menjalankan silaturahmi ke

lokasi sekolah yang menjadi tempat kajian. Strategi ini telah dijalankan untuk dapat menjalin hubungan yang lebih rapat dan mesra antara pihak pengkaji dengan pihak sekolah yang menjadi tempat kajian. Kedua, pengkaji menjalin hubungan secara informal terlebih dahulu dengan pihak peserta kajian. Strategi ini dijalankan untuk menjalin hubungan yang rapat antara pihak pengkaji dengan pihak peserta kajian. Ketiga, selepas pengkaji memperoleh kepercayaan penuh daripada pihak peserta kajian, pengkaji meminta pihak peserta kajian untuk berkenalan dengan seluruh warga sekolah samaada secara formal mahupun informal di sekolah. Strategi ini dijalankan bagi membina hubungan yang erat antara pihak pengkaji, peserta kajian dan warga sekolah. Dengan cara yang demikian ini, pengkaji benar-benar menjadi bahagian daripada warga sekolah yang tidak perlu lagi diragukan dan dicurigai untuk menjalankan penyelidikan mengenai amalan akhlak guru besar di sekolah. Selain itu, peserta kajian dapat berkongsi pendapat secara terbuka penuh dalam menjalankan temubual kajian. Dengan cara ini juga, pengkaji akan memperoleh data kajian yang lebih lengkap.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan temubual secara terbuka (*unstructur*) kepada peserta kajian untuk memberi jawapan yang lebih mendalam dan luas sehingga dapat memberikan pemahaman yang mendalam tentang pandangan subjek kajian (McMillan &Schumacher, 2006). Namun, pengkaji menyediakan soalan-soalan utama kajian bagi menjalankan temubual secara mudah dan sistematik.

Soalan temubual dalam kajian ini bermula daripada soalan-soalan yang bersifat am, namun masih tetap berkait dengan soalan utama. Soalan ini, misalnya bermula apa nama lengkap bapa atau ibu?. Tahun berapakah bapa atau ibu guru besar telah menjalankan kepimpinan di sekolah?. Berapa tahunkah bapa atau ibu guru besar telah menjalankan kepimpinan di sekolah?. Apakah pendidikan yang telah

dicapai oleh bapa atau ibu yang berkaitan dengan profesion guru besar sekolah?. Apakah pengalaman-pengalaman bapa atau ibu yang berkaitan dengan perbengkelan pendidikan yang memberi faedah untuk meningkatkan proses kepimpinan di sekolah?. Apakah pengalaman-pengalaman bapa atau ibu yang berkaitan dengan kompeten kepribadian guru besar sekolah?. Apakah pengalaman-pengalaman bapa atau ibu yang berkaitan dengan kompeten sosial guru besar sekolah?, dan lain sebagainya. Soalan-soalan kajian yang bersifat am ini dalam kaedah temubual telah disenaraikan dalam lampiran B pada bahagian akhir kajian ini. Kaedah temubual ini telah dijalankan kepada peserta kajian supaya keadaannya lebih santai, yang kemudiannya disusuli dengan soalan utama yang lebih serius, iaitu proses kefahaman amalan akhlak guru besar, proses penghayatan amalan akhlak guru besar, dan proses pengalaman amalan akhlak guru besar. Ketiga-tiga fokus kajian utama yang telah dijalankan dalam temubual kajian ini seperti ditunjukkan dalam lampiran C pada bahagian akhir kajian ini.

Dalam kajian ini, kaedah temubual telah dijalankan dengan menggunakan taperecorder ataupun MP3 yang dapat digunakan untuk merakamkan secara lengkap dan dapat dirakamkan dengan lebih jelas, sepertimana yang digariskan oleh Creswell (2008). Kaedah temubual kajian ini dijalankan oleh pengkaji sesuai dengan kesepakatan tempat dan masa yang telah disediakan oleh empat orang guru besar daripada empat buah lokasi sekolah yang menjadi tempat kajian. Dalam hal ini, pengkaji lebih mengikut kepada pihak para guru besar sebagai peserta kajian untuk menjalankan temubual kajian. Ini dimaksudkan sebagai salah satu cara yang dijalankan pengkaji untuk memberi apresiasi dan rasa hormat kepada peserta kajian (Fraenkel, 2007). Oleh itu, tempat dan masa temubual kajian selalu dibincangkan bersama dengan peserta kajian sebelum dijalankan nanti. Tujuan perbincangan ini supaya temubual kajian dapat dijalankan dengan selesa terutama bagi pihak peserta

kajian. Selain itu, supaya temubual ini dapat dijalankan sesuai dengan objektif kajian yang telah dirancang sebelumnya secara sistematik.

Pemerhatian Non Partisipan

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian "*nonparticipant observer*". Ini bermaksud pengkaji tidak mengambil peranan secara langsung dan sepenuhnya terhadap perkara yang berlaku yang dijalankan oleh peserta kajian (Bailey, 2007). Peranan penyelidik dalam kajian ini adalah tidak terlibat secara langsung terhadap aktiviti yang dijalankan oleh peserta kajian. Akan tetapi, penyelidik berperanan secara intensif untuk memerhati terhadap amalan akhlak guru besar di lingkungan sekolah. Pemerhatian dalam kajian ini ditekankan dan ditumpukan kepada proses amalan akhlak guru besar yang meliputi kefahaman akhlak, penghayatan akhlak, dan pengamalan akhlak.

Fokus pemerhatian terhadap proses amalan akhlak guru besar adalah bagaimana kefahaman akhlak guru besar mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah? Bagaimana seorang guru besar menjalankan proses mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah? Bagaimana seorang guru besar menjalankan proses penghayatan akhlak mengenai muraqabah dan muhasabah di sekolah? Manakala proses amalan akhlak mengenai pengamalan akhlak memberi fokus kepada bagaimanakah seorang guru besar menjalankan proses riyadhah dalam amalan akhlak di sekolah?, dan apakah nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah?. Fokus pemerhatian dalam amalan akhlak guru besar di sekolah disenaraikan seperti ditunjukkan dalam lampiran D pada bahagian akhir kajian ini.

Dalam kajian ini, selain kaedah temu bual dan bukti dokumen, kaedah pemerhatian merupakan salah satu kaedah utama bagi pengutipan dan pengumpulan

data kajian. Kaedah pemerhatian dalam kajian ini dijadikan rujuk silang untuk mengesahkan maklumat yang telah diperoleh daripada temubual dan analisis bukti dokumen (Fraenkel & Wallen, 2007; McMillan & Schumacher, 2006).

Pengkaji memilih kaedah pemerhatian dalam kajian ini kerana memiliki beberapa kelebihan antaranya iaitu, pertama, boleh memberi peluang kepada pengkaji untuk mencatat pelbagai maklumat yang berlaku secara natural; kedua, untuk mengkaji perilaku yang berlaku semasa; dan ketiga, boleh mengkaji para individu kajian yang mempunyai kesukaran untuk menyatakan pelbagai gagasan secara lisan (Creswell, 2008)

Strategi pemerhatian dalam kajian ini adalah pengkaji menjalankan pemerhatian untuk merakamkan mengenai proses amalan akhlak guru besar di sekolah secara langsung oleh pengkaji sendiri. Dalam hal ini, pengkaji tidak memanipulasi sedikit pun situasi persekitaran sekolah yang berlaku. Selain itu, pengkaji tidak menjalankan pelbagai usaha untuk mengawal pelbagai aktiviti individu peserta kajian. Dengan cara demikian, pelbagai peristiwa yang berlaku secara sebenar dapat diperhatikan dan dicatat dengan baik, dan dapat menghasilkan maklumat yang sah dan memiliki kebolehpercayaan yang tinggi.

Selain itu, semasa pemerhatian di sekolah, penyelidik tidak menonjolkan diri kerana cara ini akan sangat mengganggu dan akan merosak hubungan yang mesra antara penyelidik dengan peserta kajian. Cara yang demikian dijalankan supaya peserta kajian memberikan maklumat lebih terbuka dan berkongsi pendapat dengan suka rela kepada penyelidik (Marohaini Yusoff, 2004). Ketika menjalankan pemerhatian kepada peserta kajian hendaknya penyelidik memberikan fokus kepada fenomena kajian (Bailey, 2007; Creswell, 2008).

Dalam menjalankan pemerhatian, pengkaji membuat strategi bagi menghasilkan sesuatu maklumat yang lengkap dan terperinci, iaitu membuat catatan lapangan yang teliti, tepat dan baik. Keseluruhan kejadian (*event*) yang berlaku ditulis secara berturutan (*sequence*). Dalam catatan lapangan ini dituliskan kata-kata utama, topik-topik penting dan idea-idea yang muncul pada masa pemerhatian (Bogdan, 2007). Selain itu, catatan reflektif mengenai pemahaman, perasaan, tema, problem, idea, kesan (*impressions*), prasangka/dugaan, juga ditulis dalam catatan lapangan (Bogdan, 2007; dan Creswell, 2008). Cara kerja yang demikian dijadikan panduan untuk menjalankan pemerhatian kepada peserta kajian di tempat sekolah supaya dapat diperoleh catatan lapangan yang lebih lengkap dan terperinci.

Dalam menjalankan pemerhatian, pengkaji menggunakan '*struktur observation*' iaitu panduan pemerhatian yang telah disusun dan dirancang secara spesifik semula (Bailey, 2007; Bogdan & Biklen, 2007). Ketika pemerhatian, perlu disusun protokol pemerhatian yang mengandungi tentang pelbagai susunan aktiviti yang dijalankan. Protokol pemerhatian ini ditulis secara berturutan, iaitu (1) tajuk pemerhatian mengenai aktiviti guru besar semasa di lingkungan sekolah; (2) setting sekolah yang berlaku secara benar; (3) struktur kepengurusan yang menjalankan sekolah; (4) nama pemerhati kajian; (5) masa dan tarikh pemerhatian kajian; (6) masa yang diperlukan untuk pemerhatian; (7) huraian secara berturutan mengenai aktiviti guru besar semasa di lingkungan sekolah; dan (8) catatan reflektif kajian. Protokol ini dapat diperkembangkan lagi sesuai dengan keperluan kajian kerana tidak ada panduan yang pasti dalam membuat protokol pemerhatian (Creswell, 2008)

Bukti Dokumen

Dalam kajian ini, bukti dokumen juga merupakan satu sumber data penting dalam kajian kualitatif, selain sumber data lain yang dijalankan dengan

menggunakan pemerhatian dan temubual kajian terhadap amalan akhlak guru besar di sekolah.

Bukti dokumen yang diperlukan dalam kajian ini adalah dokumen rasmi yang dimiliki guru besar yang berhubungkait dengan proses amalan akhlak guru besar di sekolah. Bukti dokumen yang diperlukan antaranya dokumen-dokumen yang mengandungi tentang pelbagai maklumat penting yang berhubungkait dengan fokus kajian tersebut. Dalam kajian ini, dokumen rasmi yang dimaksud adalah dokumen yang dimiliki guru besar di empat sekolah rendah Islam yang menjadi tempat kajian sebagai asas bukti dokumen. Bukti dokumen dalam kajian ini yang dikumpul terdiri daripada dokumen aktiviti guru besar, agenda kerja harian, bulanan dan tahunan secara bertulis dan buku-buku agama yang dijadikan panduan guru besar untuk menjalankan proses amalan akhlak di sekolah. Bukti dokumen ini merupakan sumber utama yang kaya dengan pelbagai maklumat yang diperlukan dalam kajian kualitatif (Bogdan & Biklen, 2007).

Selain itu, bukti dokumen bertulis boleh digunakan untuk memperoleh satu pemahaman tentang fenomena yang dikaji (Ary et.al., 2006). Bukti dokumen merupakan sumber data kajian yang berharga dalam kajian kualitatif kerana merupakan pemikiran yang berwujud bahasa dan kata-kata daripada peserta kajian, dan bukti dokumen ini juga sedia untuk dianalisis dengan tanpa perlu direkod seperti data daripada kaedah pemerhatian dan temubual (Creswell, 2008).

Selain itu, pelbagai kelebihan yang dimiliki oleh bukti dokumen, seperti mana dipaparkan oleh Madyo Ekosusilo (2003), iaitu sumber dokumen menyokong dapatan kajian ini.

Bukti dokumen sebagai salah satu sumber data kajian dapat dimanfaatkan secara baik oleh pengkaji dengan merujuk apa yang digariskan oleh Creswell (2007),

iaitu boleh memberikan petunjuk melalui beberapa prosedur untuk mengumpulkan dokumen kajian, iaitu seperti berikut: (1) mengidentifikasikan jenis dokumen yang boleh memberikan maklumat yang bermanfaat untuk menjawab soalan kajian kualitatif; (2) mempertimbangkan mengenai dokumen sebagai sumber maklumat kajian samaada dokumen rasmi atau dokumen peribadi; (3) memohon kebenaran untuk menggunakan dokumen untuk kajian; (4) prosedur khusus menjaga dokumen jurnal; (5) mengkaji kesahan (validity), kelengkapan, dan manfaat dokumen untuk menjawab soalan kajian; (6) mencatat maklumat daripada dokumen tersebut.

Keseluruhan dokumen yang diperlukan untuk dianalisa dalam kajian ini adalah untuk meneroka dokumen yang berhubung kait dengan amalan akhlak yang dijalankan oleh guru besar di sekolah, antaranya dokumen jadual dan bahan-bahan aktiviti kepimpinan guru besar dalam pengamalan akhlak di sekolah, dokumen harian, bulanan dan tahunan guru besar mengenai aktiviti dalam mengamalkan akhlak terhadap diri sendiri, sesama manusia dan alam sekitar. Dalam dokumen ini akan dianalisis mengenai nilai-nilai akhlak apa sahaja yang terdapat dalam agenda aktiviti dan perancangan aktiviti guru besar dalam amalan akhlak di sekolah, tahap kompeten ataupun kecakapan keperibadian dan sosial guru besar yang hendak dicapai dalam kefahaman amalan akhlak, proses amalan akhlak guru besar di sekolah melalui penghayatan akhlak dengan aktiviti muraqabah dan muhasabah, dan pengalaman akhlak guru besar dengan aktiviti riyadhah daripada amalan akhlak di sekolah.

Jurnal Guru Besar

Menulis jurnal, yang merupakan satu bentuk refleksi bertulis, bertindak sebagai alat yang berkesan untuk renungan penting untuk pembangunan guru (McMahon, 1997; Monet & Etkina, 2008). Ia menyediakan peluang untuk meningkatkan kesedaran diri dan menggalakkan pemikiran kritikal dalam proses

aktiviti guru besar semasa di sekolah (Cole, Raffier, Rogan, & Schleicher, 1998). Gay et.al. (2009) menyatakan bahawa jurnal harian yang direkodkan oleh guru besar memberikan maklumat tangan pertama tentang persepsinya dan kejadian di dalam persekitaran mereka. Sebuah jurnal telah diberikan kepada setiap guru besar dalam kajian ini. Selepas setiap aktiviti di sekolah, guru besar merenungkan aktiviti beliau serta prosesnya dan amalan akhlaknya dengan menulis dalam jurnal.

Guru besar itu diperlukan untuk rekod aktiviti beliau, kekuatan dan kelemahan aktiviti, fikiran dan perasaan dalam menjalankan akhlak semasa di sekolah. Bagi membolehkan guru besar untuk mendaftarkan maklumat ini, setiap guru besar telah diberikan garis panduan mengenai cara penulisan dalam jurnal. Soalan struktur telah diberikan kepada masing-masing guru besar untuk membimbing refleksi mereka dari ajaran mereka. Data ini akan membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat penting tentang arahan, perasaan dan fikiran di persekitaran sekolah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran I.


Kajian semula jurnal dijalankan dari semasa ke semasa. Sebagaimana Monet dan Etkina (2008) mencatat, jurnal bukan sahaja akan berfungsi sebagai catatan peristiwa, ia juga telah menjadi alat untuk membantu para peserta untuk meningkatkan perasaan mereka. Menurut Creswell (2009), penyelidik dapat mengumpulkan dokumen kualitatif seperti dokumen awam dan dokumen peribadi termasuk minit mesyuarat, memo rasmi, surat, diari dan jurnal peribadi. Richards (1998, yang dipetik dalam Fadlilah Noor, 2008) menyatakan bahawa diari dan jurnal boleh digunakan sebagai alat kajian dalam memahami aktiviti di sekolah atau di bilik darjah. Informasi daripada tangan pertama dapat diperoleh dari jurnal dan menyiasat "issues not normally accessible through outside observation", yang ertinya "isu-isu yang biasanya tidak dapat diakses melalui pemerhatian di luar" (Bailey, 1990 ms.

216). Catatan jurnal boleh mendedahkan perspektif guru besar dalam proses amalan akhlaknya semasa di persekitaran sekolah yang tidak dapat diakses melalui lensa pemerhati (Bailey & Ochsner , 1983)

Kaedah Penganalisan Data Kajian

Kajian ini kajian kualitatif, maka kajian ini menggunakan analisa induktif (Creswell,2008; McMillan & Schumacher, 2006; Neuman, 2006; Ary, et.al., 2006; Bogdan & Biklen, 2007; Fraenkel & Wallen, 2007). Dalam kajian ini, analisa induktif dimulakan dengan pengumpulan data kajian secara terperinci, yang diperolehi daripada rekod data pemerhatian dan catatan lapangan mengenai proses amalan akhlak guru besar di sekolah, temubual kajian dengan merakam daripada taperecorder dan bukti-bukti dokumen secara rasmi yang dimiliki oleh guru besar mengenai amalan akhlak guru besar di empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia.

Proses analisa data dalam kajian ini dijalankan secara berterusan, serentak dengan proses kitaran (*on going, simultaneous and cyclical process*) antara pengumpulan data dan analisa data kajian (Bogdan & Biklen, 2007; Creswell, 2003, 2008; McMillan & Schumacher, 2006), dan dijalankan sepanjang proses pengumpulan data, secara berterusan sehinggalah ke peringkat akhir sebelum sebuah laporan penulisan dihasilkan.



Rajah 5. : Proses Analisa Data Kajian


Sumber : Creswell (2008) yang sudah diubah suai

Kajian ini adalah kajian kualitatif berbilang kes. Analisis kajian kualitatif berbilang kes, sepertimana yang telah digariskan oleh Bogdan & Biklen (2007), iaitu sebagai berikut:

Multicase studies take a variety of forms. Some start as a single case only to have the original work serve as the first in a series of studies or as the pilot for a multicase study. Other studies are primarily single-case studies but include less intense, less extensive observation at other sites for the purpose of addressing the question of generalizability. Other researcher to compare case studies. Two or more case studies are done and compare and contrasted. (ms. 69)

Namun dalam kajian ini, pengkaji menjalankan analisa kes demi kes daripada guru besar yang telah menjalankan amalan akhlak di sekolah. Kemudian selepas menganalisis kes demi kes, analisis seterusnya adalah analisis merentas kes (Miles & Huberman, 1994). Analisis secara kes demi kes dijalankan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang amalan akhlak guru besar daripada tiap-tiap sekolah. Manakala analisis merentas kes dijalankan untuk melihat analisis secara keseluruhan mengenai amalan akhlak yang dijalankan oleh guru besar di empat buah sekolah rendah Islam.

Dalam kajian ini, kaedah penganalisan data yang digunakan adalah prosedur sepertimana yang telah digariskan oleh Creswell (2008), seperti ditunjukkan dalam rajah 6. di sebelah.



Rajah 6. : Prosedur Penganalisan Data Kajian Kualitatif

Sumber: Ubah suai daripada Creswell (2008).

Tahap-tahap penganalisan data dalam kajian ini adalah mengikut apa yang digariskan Creswell (2008), iaitu seperti berikut di sebelah ini:

Fasa Kesediaan Analisa

Langkah pertama, dalam menjalankan fasa analisa kajian penyelidikan ini diperlukan fasa kesediaan analisa, iaitu semua data kajian yang dipungut atau dikumpul daripada pelbagai sumber sama ada sumber data kajian melalui temu bual, pemerhatian dan bukti dokumen seperti mana yang telah dinyatakan dalam kaedah pemungutan data dalam kajian ini. Catatan lapangan yang sudah diperoleh pada masa pemerhatian, transkrip daripada temu bual dan pelbagai bukti dokumen dikumpul dan disusun secara rapi dan sekuensi mengikut daripada masing-masing jenis sumber data kajian di masing-masing sekolah. Cara ini dijalankan dengan memandangkan bahawa maklumat yang sudah diperoleh daripada lapangan kajian sangat banyak. Oleh itu, penyelidik perlu menjalankan penyusunan data secara baik. Dengan tujuan bahawa penyusunan semua bahan atau maklumat yang diperoleh diketepikan atau maklumat yang hilang dan menghindarkan daripada duplikasi semua maklumat yang diperlukan dalam fasa analisa data kajian.

Langkah kedua, semua proses masa temu bual yang sudah dirakam melalui tape recorder atau alat teknologi lainnya, dan catatan lapangan yang sudah diperoleh daripada pemerhatian kajian perlu dijalankan proses transkrip bagi menjalankan proses analisa data kajian. Transkrip data ini adalah proses mengubah rakaman audiotape yang diperoleh daripada temu bual antara penyelidik dan peserta kajian atau catatan lapangan yang diperoleh daripada pemerhatian kajian menjadi teks data (Creswell, 2008).


Dalam menjalankan proses mentranskrip data kajian, penyelidik mengikut panduan yang diperkatakan oleh (Creswell, 2008), iaitu seperti berikut ini: (1) dalam setiap dokumen teks data diberikan ruang atau tempat khas di sebelahnya untuk dapat membuat catatan selama berlangsungnya proses analisa data pada margin; (2) dalam setiap muka surat diberikan ruang khas atau kosong bagi komentar

pewawancara; (3) sentiasa menggunakan secara lengkap dan terperinci mengenai maklumat temu bual dan pemerhatian; dan (4) mentranskrip semua kata daripada peserta kajian.

Fasa Analisa Data Kajian

Selepas daripada data kajian diorganisasi dan ditranskrip secara baik, maka fasa pertama dalam menjalankan analisa data kajian adalah eksplorasi data kajian. Aktiviti eksplorasi data kajian bermaksud agar penyelidik mendapati suatu pemahaman data kajian secara menyeluruh dan am. Selain itu, kegiatan eksplorasi data kajian ini dijalankan untuk mengambil kira apakah penyelidik perlu data yang lebih banyak lagi atau telah cukup dengan data tersebut. Dalam kegiatan eksplorasi data kajian, penyelidik perlu menulis memo di sebelah margin catatan lapangan pada masa pemerhatian, transkrip daripada data temu bual dan bukti-bukti dokumen. Memo ditulis dengan kata yang singkat, berwujud idea, dan konsep.

Kemudian selepas data kajian dieksplorasi daripada pelbagai sumber data kajian, langkah berikutnya adalah aktiviti mengkod data kajian. Koding adalah proses pembahagian secara terperinci dan pemberian ciri-ciri teks untuk membentuk deskripsi dan tema-tema data yang masih besar. Dalam kajian penyelidikan ini, penyelidik menggunakan model pengembangan kod yang digariskan oleh Creswell (2007), iaitu bermula membaca melalui teks data yang terdiri daripada banyak muka surat, membagi teks data menjadi beberapa sekmen maklumat, memberikan label kepada pelbagai sekmen maklumat dengan kod antara 30-40 kod, mengurangkan kod yang tumpang tindih dan berlebihan hingga 20 kod, memperkecil kod menjadi beberapa tema antara 5-7 tema. Model proses mengkod data dalam kajian penyelidikan kualitatif seperti mana dalam rajah 7. di sebelah.



Rajah 7. : Proses Mengekod Data Kajian

sumber: Ubah suai daripada Creswell (2008)

Dalam kajian ini, proses mengekod data kajian ini dijalankan sesuai dengan klasifikasi sekolah tempat kajian masing-masing. Selain itu, mengekod data kajian dijalankan secara teliti daripada pelbagai sumber data samaada catatan lapangan daripada pemerhatian, rakaman daripada temubual dan bukti dokumen. Hal ini dijalankan untuk mengetepikan kesilapan dan kesalahan dalam mengekod data kajian daripada masing-masing sekolah.


Tujuan daripada proses mengekod data adalah untuk mengeliminasi data, meneliti data yang bertindih (*overlapping*) dan *redudancy*, dan *collaps*. Kod-kod data ini dibuat menjadi tajuk-tajuk besar kajian. Proses ini merupakan analisa secara induktif bagi memfokuskan data menjadi beberapa tajuk kajian. Selain itu, dengan

proses ini, pengkaji akan boleh memilih data yang spesifik untuk digunakan dan menyetepikan data yang lain yang tidak spesifik memberikan sokongan kepada tajuk-tajuk kajian (Creswell, 2008).

Manakala langkah-langkah dalam menjalankan pengkodan data ini, iaitu seperti berikut ini: (1) pengkaji perlu memperoleh data kajian secara keseluruhan yang didapati daripada pembacaan semua rekod data kajian secara berhati-hati dan mencatat idea-idea yang ada; (2) memilih satu dokumen yang singkat, ringkas, dan menarik daripada temu bual, dan catatan lapangan serta dokumen lain. (3) mulalah proses pengkodan dokumen tersebut.

Selepas itu, eksplorasi data kajian adalah membina tajuk. Pengkaji menggunakan tema-tema untuk melakukan analisa kajian kualitatif (Creswell, 2007). Tajuk merupakan sekumpulan bersama kod yang sama untuk membentuk idea utama kajian. Tajuk ini merupakan elemen teras dalam analisa data kajian kualitatif. Langkah selanjutnya adalah mengembangkan tajuk kajian yang diperoleh daripada data kajian yang membawa maksud memberikan jawapan daripada soalan utama kajian dan membentuk pemahaman mengenai fenomena utama kajian.

Keseluruhan proses analisis dalam kajian penyelidikan ini akan ditunjukkan dalam rajah 8. di sebelah.



Rajah 8. : Model Proses Analisa Data Kajian Secara Keseluruhan

Tempoh Masa Kajian

Tempoh masa kajian ini dijalankan selama sembilan bulan bermula bulan Januari hingga bulan September 2012. Dengan demikian, tempoh masa yang

digunakan oleh pengkaji untuk mengutip dan mengumpulkan data kajian adalah sangat memadai. Selain itu, tempoh masa kajian ini adalah sesuai dengan tahun kalender akademik yang berlaku di sekolah Indonesia.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Satu istilah yang sering digunakan untuk menentukan kriteria kajian berdasarkan bukti dalam penyelidikan kualitatif adalah kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*). Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kedua istilah tersebut bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan terokaan dapatan penyelidikan.

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan salah satu isu penting dalam sesuatu kajian secara kualitatif. Oleh itu, aspek ini diberikan perhatian utama dalam setiap aspek bermula daripada merancang proses mengumpulkan data, ketika memungut data dan mengesahkan setiap data yang dikumpul.


Kesahan dan kebolehpercayaan dapat dilihat sebagai sesuatu kekuatan dalam penyelidikan kualitatif bagi menentukan apakah dapatan kajian yang dilaporkan adalah akurat berdasarkan pandangan penyelidik, peserta kajian atau pembaca (Creswell dan Miller, 2000, dalam Creswell, 2003). Sementara mengikut pendapat (McMillan dan Schumacher, 2006) kesahan merujuk kepada tingkat atau derajat kesesuaian antara penjelasan fenomena dan realiti dunia.

Kedua pendapat ini pada dasarnya adalah sama dan saling melengkapi mengenai kesahan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif. Teras daripada kesahan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif bahawa laporan dapatan penyelidikan berasaskan pada perspektif daripada penyelidik dan

peserta kajian. Ini bermaksud bahawa berlaku kesesuaian antara fenomena yang diselidik dengan realitinya.

Proses pengumpulan dan analisa data, pengkaji perlu membuat kepastian bahawa dapatan dan interpretasi memiliki kesahan dan kebolehpercayaan. Oleh itu, pengkaji menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian melalui empat strategi, sebagaimana yang diperkatakan oleh Creswell, 2003; McMillan dan Schumacher, 2006, dan Creswell, 2008), iaitu seperti berikut ini:

Pertama, triangulasi. Kata "triangulasi" telah digunakan secara meluas dalam kajian kualitatif (Bogdan dan Biklen, 2007). Triangulasi boleh mempertingkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, kerana kaedah pengumpulan data dijalankan dengan pelbagai proses kolaborasi bukti-bukti daripada tipe data atau kaedah pengumpulan data (Creswell, 2008; McMillan dan Schumacher, 2006; Fraenkel, 2007). Dengan triangulasi pelbagai sumber data akan dapat memberikan pemahaman yang lebih lengkap mengenai fenomena kajian (Bogdan, 2007), dengan demikian, triangulasi dapat menjamin kualiti suatu kajian (Baeley, 2007). Dalam kajian ini, penyelidik mengecek pelbagai sumber maklumat untuk mendapati keabsahan dan kebolehpercayaan data kajian dengan pelbagai sumber data, iaitu pemerhatian, temu bual, dan bukti dokumen. Adapun proses triangulasi kaedah pengumpulan data yang dimaksud seperti terlihat pada Rajah 9. di sebelah.



Rajah 9. Triangulasi kaedah pengumpulan data

Kedua, *mechanically recorded* data (Creswell, 2008; McMillan dan Schumacher, 2006), iaitu pengutipan dan pengumpulan data dengan menggunakan alat teknologi. Pada masa pemerhatian dan temu bual tentang amalan akhlak guru besar di lingkungan sekolah dirakam dengan tape recorder yang berkualiti baik. Strategi ini dijalankan bagi mempertingkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kajian di lapangan.

Ketiga, *external audit* (Creswell, 2008; McMillan dan Schumacher, 2006) Kaedah ini boleh mempertingkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, iaitu pengkaji meminta daripada pihak luar untuk mengkaji dan melihat kembali aspek-aspek kajian daripada pelbagai segi mengenai kelebihan dan kelemahan kajian, proses kajian berlakunya dan kesimpulan kajian (Creswell, 2008). Dalam hal ini, penyelidik meminta penyelia sebagai auditor kajian. Sebagai auditor, penyelia akan melihat kembali pelbagai perkara, iaitu di antaranya adalah seperti berikut ini: (1) strategi yang digunakan untuk mempertingkatkan keabsahan dan kebolehpercayaan kajian; (2) ketepatan tajuk-tajuk kajian; (3) kesimpulan kajian secara logik, dan sebagainya.

Keempat, kesahan data dalam kajian ini dicapai melalui kejujuran, kedalaman, maklumat yang kaya dan skop data yang memadai, pendekatan responden, triangulasi dan secara objektif (Cohen, et al., 2007)

Etika dan Kerja Lapangan dalam Penyelidikan Kualitatif

Isu mengenai etika kajian merupakan bahagian amat penting dalam penyelidikan kualitatif kerana semua proses kerja penyelidikan melibatkan nilai dalam segala aspek aktiviti. Oleh itu, dalam penyelidikan kualitatif tidak boleh menyetepikan suatu etika kajian. Semasa dalam proses kajian, penyelidik perlu menerapkan etika kajian (Creswell, 2008: 11). Demikian juga, dalam pelbagai kajian yang memerlukan konteks tertentu yang membabitkan masalah manusia meminta untuk memperoleh persetujuan pengetahuan daripada peserta kajian (Bailey, 2007). Dalam American Sociological Association (ASA) menyatakan bahawa persetujuan pengetahuan daripada peserta kajian ketika maklumat dikutip dan dikumpulkan daripada peserta kajian adalah melalui bentuk komunikasi, interaksi dan intervensi (Bailey, 2007)

Beberapa panduan tentang etika suatu kajian telah digariskan oleh Bogdan dan Biklen (2007), iaitu (1) peserta kajian dapat berpartisipasi dalam kajian dalam keadaan rela hati dan suci hati bukan kerana terpaksa; (2) menghormati privasi peserta kajian; (3) berasaskan kepada komitmen masa yang diberikan oleh peserta kajian; (4) melindungi perasaan selamat bagi peserta kajian; (5) menghargai dan bekerjasama dengan peserta kajian dalam suatu kajian; (6) mendapati kebenaran kajian dan membuat kontrak kepada pihak lain dan atau peserta kajian yang terlibat dalam kajian, dan (7) melaporkan suatu kajian dengan jujur dan benar.

Berbeza dengan Creswell (2008) yang memberikan tiga panduan etika kajian, iaitu (1) menghormati hak-hak daripada peserta kajian; (2) menghormati tempat suatu kajian; dan (4) melaporkan kajian secara menyeluruh dan jujur. Sepatutnya suatu kajian memerlukan suatu etika kerana melibatkan pengkongsian dua hala di antara orang yang menjadi subjek atau informan dengan penyelidik yang akan memasuki dunia subjek atau informan untuk mempelajari sesuatu (Norani Mohd. Saleh, 2004)

Berdasarkan daripada huraian diatas jelas bahawa etika merupakan komponen penting dalam suatu penyelidikan kualitatif. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan berpanduan kepada etika kajian yang telah dicadangkan oleh pelbagai pakar penyelidikan tersebut di atas, iaitu seperti berikut ini:

Pertama, semasa kajian ini dimulakan, penyelidik melakukan silaturrahim di empat sekolah rendah Islam tempat kajian. Aktiviti ini bermaksud untuk menyampaikan pelbagai maklumat tentang suatu kajian seperti tujuan dan objektif kajian, fokus kajian, peserta kajian yang terlibat dalam kajian, kepentingan kajian dan masa yang diperlukan untuk suatu kajian kepada semua pihak yang terlibat dalam suatu kajian. Pada masa yang lain, penyelidik memberikan proposal penyelidikan secara menyeluruh. Selain itu, aktiviti ini untuk membina dan membangun hubungan yang baik kepada peserta kajian. Dengan demikian, kajian ini dapat dijalankan dengan selesa dan selamat. Tujuan utamanya adalah penyelidik mendapati kebenaran secara rasmi daripada pihak sekolah untuk menjalankan suatu kajian.

Kedua, penyelidik meminta persetujuan untuk memperoleh maklumat daripada peserta kajian dengan disertakan surat pengakuan. Persetujuan ini dijalankan dengan suka hati dan bersih hati oleh peserta kajian. Langkah ini

dilakukan untuk memperoleh kesediaan peserta kajian untuk berkongsi dalam suatu kajian. Ini merupakan sesuatu hak bagi peserta kajian untuk dihormati dan diapresiasi secara baik. Dengan demikian, kajian ini boleh berjalan sesuai dengan apa yang telah dirancang.

Ketiga, penyelidik dengan peserta kajian membincangkan mengenai masa yang boleh dijalankan untuk pemerhatian amalan akhlak guru besar semasa di sekolah, dan masa temu bual. Selain itu, masa yang digunakan untuk mendapatkan bukti dokumen yang berhubung kait dengan aktiviti guru besar dalam pengurusan sekolah di lingkungan sekolah juga dibincangkan.

Keempat, penyelidik menjaga hal-hal yang bersifat privasi bagi peserta kajian. Privasi peserta kajian perlu dihormati kerana merupakan hak daripada peserta kajian. Privasi ini tidak akan dilaporkan kepada orang lain.

Kelima, penyelidik mengapresiasi dengan hati murni dan berterima kasih yang sedalam-dalamnya kepada peserta kajian yang telah berkongsi dalam suatu kajian ini, dengan pelbagai masa, pemikiran dan tenaga yang disediakan bagi kajian ini.

Keenam, dapatan kajian ini dilaporkan sesuai dengan apa yang berlaku di lapangan kajian dengan tanpa mengubahnya untuk mengurangi dan atau menambah sedikitpun. Dengan demikian, kajian berkepentingan dengan kajian ini bukan untuk memberikan kepuasan kepada pihak tertentu sahaja.

Daripada semua huraian diatas dapat dirumuskan bahawa bab ini telah menghuraikan dengan jelas mengenai kaedah penyelidikan tentang rasionalisasi kaedah kajian kualitatif yang meliputi pemilihan peserta kajian, pemilihan tempat kajian, kaedah pengutipan dan pengumpulan data kajian, penganalisan data kajian,

tempoh masa kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, etika dan kerja lapangan dalam penyelidikan kualitatif. Manakala dapatan kajian ini akan dibentangkan pada bab empat.

Rumusan

Secara keseluruhan, pendekatan yang digunakan adalah pendekatan metodologi kualitatif, bertujuan untuk memahami kefahaman, penghayatan dan pengalaman akhlak guru besar sekolah rendah Islam di Malang. Kesesuaian kaedah ini juga berusaha untuk mencari proses memperolehi kefahaman, proses mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah, proses penghayatan akhlak muraqabah dan muhasabah di sekolah, sama ada mereka dilihat mengambil berat terhadap proses penggunaan pengalaman dalam amalan akhlak melalui latihan (*riyadhah*). Sebagai perbincangan hasil kajian yang mengetengahkan enam tema utama seperti kefahaman akhlak, cara memperolehi kefahaman akhlak, cara mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah, penghayatan akhlak yang meliputi muraqabah dan muhasabah, penggunaan pengalaman dalam amalan akhlak dibincang dan dibentangkan dalam bab empat.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Pengenalan

Kajian ini mengenai akhlak guru besar sekolah secara kes demi kes di empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia yang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu pertama, gambaran lokasi empat buah sekolah yang menjadi tempat kajian. Kedua, latar belakang guru besar dari sudut kelayakan dan pengalaman memimpin sekolah. Ketiga, proses amalan akhlak guru besar di sekolah. Dapatan kajian ini didapati melalui pelbagai sumber data kajian, iaitu temubual kajian, bukti dokumen atau jurnal guru besar dan pemerhatian dalam proses amalan akhlak yang telah dijalankan oleh guru besar di Sekolah Rendah Islam seperti yang telah diuraikan dalam bab tiga.


Gambaran Lokasi yang menjadi Tempat Kajian

Bahagian ini menghuraikan gambaran lokasi empat buah Sekolah Rendah Islam di Malang Indonesia yang telah dipilih menjadi tempat kajian. Nama-nama tiap sekolah tersebut akan diletakkan kod tertentu bagi menjaga kerahsiaan dan bertujuan untuk membezakan antara satu sekolah dengan sekolah yang lain.

Sekolah “BH001”

Sekolah “BH001” adalah sebuah sekolah rendah Islam status swasta dan bertaraf Internasional. Lokasi sekolah ini berada di luar Bandar Malang. Sekolah ini mempunyai luas tanah 5.000 meter persegi dengan perincian 4.000 meter persegi luas

tanah yang telah dibina dan luas tanah yang sedia dibina adalah 1.000 meterpersegi. Sekolah ini bermula dirintis pada tahun 2002. Sekolah ini telah direkodkan dalam data statistik sekolah di luar Bandar Malang dengan nombor: 104050705275. Sekolah ini memperoleh akreditasi peringkat A dan telah menjadi Sekolah Bertaraf Nasional (SBN) (Surat Keputusan Badan Akreditasi Nasional Sekolah/Madrasah (BAN-S/M) Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia Propinsi Jawa Timur yang bertarikh 21 Oktober 2009 tentang penetapan Akreditasi Sekolah dengan Gred “A”, markah 93. Selain itu, sekolah ini telah meningkatkan statusnya menjadi Sekolah Bertaraf Internasional (SBI) pada tahun 2008. Pembangunan kurikulum di sekolah ini bersepadu antara IPTEK (Ilmu Pengetahuan dan Teknologi), IMTAQ (Iman dan Taqwa) dan AKMAL (Akhlak dan Amaliyah). Pembangunan kurikulum sekolah ini merujuk pada Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) sesuai dengan perarutan menteri No. 22, 23, dan 24 tahun 2006.



Rajah 10. : Model Pembangunan Kurikulum Sekolah “BH001”

Bilangan pelajar sekolah ini secara keseluruhan adalah 415 orang, dengan perincian 194 pelajar perempuan dan 221 pelajar lelaki, dan mempunyai 36 orang guru yang terdiri daripada 31 orang guru daripada alumni sarjana muda, dan 5 orang guru daripada alumni pondok pesantren. Daripada keseluruhan gambaran lokasi

sekolah “BH001” yang telah dipilih menjadi tempat kajian mempunyai karakteristik seperti ditunjukkan dalam jadual 3 sebagai berikut dibawah ini:

Jadual 3: Karakteristik Gambaran Lokasi Sekolah “BH001”


Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Guru	Karakteristik sekolah
“BH001”	415	36	Sekolah Swasta Internasional Luas Tanah: 5.000 meterpersegi Rekod Data Statistik Sekolah: 104050705275 Peringkat Sekolah Gred “A” (markah 93) Sekolah Rendah Islam Model tahun 2003 Sekolah Bertaraf Internasional tahun 2008 Visi: Membina Insan Ulil Albab yang berakhlak mulia melalui pendidikan Islam berkualiti Misi: Mewujudkan alumni "Masjidil 'ilm Bani Hasyim" yang mempunyai benih-benih insan Islami, maju, mandiri, cemerlang dan ceria. Kurikulum: IPTEK, IMTAQ dan AKMAL (akhlaqul karimah dan amaliah)

Sekolah “SB002”

Status sekolah ini adalah sekolah swasta di Bandar Malang. Sekolah ini bermula daripada lembaga bimbingan belajar (LBB) bernama “Bela Cita” pada tahun 1999. Sekolah ini bermula dirintis pada tahun 2002. Beberapa tahun kemudian iaitu pada tahun 2003 ditubuhkan secara rasmi sekolah rendah Islam ini di Bandar Malang. Sekolah ini mempunyai luas tanah 1.291 meterpersegi dengan perincian luas tanah yang telah dibina 1.000 meterpersegi dan luas tanah yang telah dibina adalah 291 meterpersegi. Sekolah ini telah direkodkan dalam data statistik sekolah di Bandar Malang dengan nombor: 102056104006. Sekolah ini berstatus sebagai sekolah alam dwibahasa atau bilingual. Ia memperoleh akreditasi pada peringkat A dan menjadi Sekolah Bertaraf Nasional (SBN) (Surat Keputusan Badan Akreditasi Nasional Sekolah/Madrasah (BAN-S/M) Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan

Republik Indonesia Propinsi Jawa Timur yang bertarikh 28 November 2008 tentang penetapan Akreditasi Sekolah dengan Gred “A”, markah 96,21.

Selain itu, sekolah ini telah mempunyai karakteristik yang berbeza dengan sekolah lainnya, iaitu sebagai sekolah alam dwibahasa atau bilingual. Sekolah ini mempunyai kurikulum sepertimana sekolah rendah lainnya mempunyai 8 pelajaran umum, muatan lokal seperti al-Islam meliputi mengaji, tahfizul qur'an dan ibadah, serta pengembangan diri meliputi life skill. Selain itu ada 3 pilar untuk membina peribadi cemerlang di sekolah ini, iaitu al-Islam, penalaran dan abstraksi, serta bahasa Arab dan Inggris.



Rajah 11. : Model Pembangunan Kurikulum Sekolah “SB002”

Bilangan pelajar sekolah ini secara keseluruhan adalah 360 orang, dengan perincian 160 pelajar perempuan dan 200 pelajar lelaki, dan mempunyai 30 orang guru yang terdiri daripada 25 orang guru alumni sarjana muda, dan 5 orang guru daripada alumni pondok pesantren. Daripada keseluruhan gambaran lokasi sekolah “SB002” yang telah dipilih menjadi tempat kajian mempunyai karakteristik seperti ditunjukkan dalam jadual 4. sebagai berikut di sebelah ini:

Jadual 4.: Karakteristik Gambaran Lokasi Sekolah “SB002”


Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Guru	Karakteristik sekolah
“SB002”	360	30	Sekolah Rendah Islam Alam Bilingual Luas Tanah: 1.291 meterpersegi Rekod Data Statistik Sekolah: 102056104006 Kategori Sekolah: swasta Peringkat Sekolah Gred “A” (Cemerlang) Sekolah Bertaraf Internasional Sekolah Model Alam Dwibahasa (Bilingual) Visi: Cemerlang dalam Prestasi; Terdepan dalam inovasi; Maju dalam kreasi Misi: 1) Membina perilaku berprestasi, pola fikir yang kritis dan kreatif pada pelajar; 2) Mengembangkan pola pembelajaran yang inovatif dan tradisi berfikir ilmiah didasari oleh kemantapan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai agama islam; 3) Menumbuhkan sikap disiplin dan bertanggungjawab serta penghayatan dan pengamalan nilai-nilai agama Islam untuk membentuk pelajar Berakhlakul karimah

Sekolah “AK003”

Sekolah ini bermula dirintis pada tahun 2002. Beberapa tahun kemudian iaitu pada tahun 2004 ditubuhkan secara rasmi sekolah rendah Islam ini di Bandar Malang. Status sekolah ini adalah sekolah swasta di Bandar Malang. Sekolah ini mempunyai luas tanah 9.682 meterpersegi dengan perincian luas tanah yang telah dibina 5.325 meterpersegi dan luas tanah yang sedia dibina adalah 4.357 meterpersegi. Sekolah ini telah direkodkan dalam data statistik sekolah di Bandar Malang dengan nombor: 101056103085. Sekolah ini berstatus sebagai sekolah plus yang mempunyai kekhasan keagamaan iaitu sekolah rendah bersepadu yang bernuansa Islam. Ia memperoleh akreditasi pada peringkat A dan menjadi Sekolah Bertaraf Nasional (SBN) (Surat Keputusan Badan Akreditasi Nasional Sekolah/Madrasah (BAN-S/M) Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik

Indonesia Propinsi Jawa Timur yang bertarih 30 october 2010 tentang penetapan Akriditasi Sekolah dengan Gred “A”, markah 96.

Selain itu, sekolah ini berbeza dengan sekolah rendah Islam lainnya kerana sekolah ini menggunakan kurikulum “plus atau cemerlang” dalam pembangunan kurikulumnya.



Rajah 12.: Model Pembangunan Kurikulum Sekolah “SB002”

Bilangan pelajar sekolah ini secara keseluruhan adalah 650 orang, dengan perincian 290 pelajar perempuan dan 360 pelajar lelaki, dan mempunyai 79 orang guru yang terdiri daripada 63 orang guru alumni sarjana muda, dan 16 orang guru daripada alumni pondok pesantren. Daripada keseluruhan gambaran lokasi sekolah “AK003” yang telah dipilih menjadi tempat kajian mempunyai karakteristik seperti ditunjukkan dalam jadual 5. di sebelah.

Jadual 5. : Karakteristik Gambaran Lokasi Sekolah “AK003”

Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Guru	Karakteristik sekolah
“AK003”	650	79	Sekolah Swasta Plus Bersepadu Luas Tanah: 9.682 meterpersegi Rekod Data Statistik Sekolah: 101056103085 Kategori Sekolah: swasta Peringkat Sekolah Gred “A” (Cemerlang) Sekolah Bertaraf Nasional (SBN) Sekolah Model Bersepadu Bernuansa Islam Visi: Menjadi sekolah dipercayai di masyarakat untuk mencerahkan dan mencerdaskan bangsa dengan mencetak insan Indonesia Islami yang bijak spiritual, emosional, intelektual dan sosial, serta kompetitif, berdaya, dan berbudaya" Misi: 1)Menyiapkan generasi cemerlang yang mempunyai potensi di bidang IMTAQ dan IPTEK; 2) Menghasilkan alumni yang cemerlang dan kompetitif; 3) Memberikan perkhidmatan di bidang pendidikan yang berkualiti; 4) Membentuk sumber manusia yang Islami, aktif, kreatif dan inovatif sesuai dengan perkembangan zaman; 5) Membangun citra sekolah sebagai institusi pendidikan dipercayai di masyarakat; 6) Membina sistem persekolahan berkualiti yang menyeluruh meliputi pengurusan input, proses, dan keluaran pendidikan.

Sekolah “AY004”

Status sekolah ini adalah sekolah swasta di Bandar Malang. Sekolah ini bermula dirintis pada tahun 2007. Beberapa tahun kemudian iaitu pada tarikh 17 Jun 2008 ditubuhkan secara rasmi sekolah rendah Islam bersepadu ini di Bandar Malang. Sekolah ini mempunyai luas tanah 4.931 meterpersegi dengan perincian luas tanah yang telah dibina 1.000 meterpersegi dan luas tanah yang sedia dibina adalah 336 meterpersegi. Sekolah ini berada di persekitaran surau Ahmad Yani. Sekolah ini telah direkodkan dalam data statistik sekolah di Bandar Malang dengan nombor: 102056101075. Sekolah ini berstatus sebagai sekolah rendah Islam bersepadu.

Bersepadu bermakna konsep pendidikan persepaduan antara pendidikan sekolah, mengaji dan bimbingan.



Rajah 13.: Model Pembangunan Kurikulum Bersepadu Sekolah “AY004”

Bilangan pelajar sekolah ini secara keseluruhan adalah 150 orang, dengan perincian 71 pelajar perempuan dan 79 pelajar lelaki, dan mempunyai 13 orang guru yang terdiri daripada 1 orang guru alumni sarjana, dan 12 orang guru alumni sarjana muda. Daripada keseluruhan gambaran lokasi sekolah “AY004” yang telah dipilih menjadi tempat kajian mempunyai karakteristik seperti ditunjukkan dalam jadual 6. di sebelah.

Jadual 6. : Karakteristik Gambaran Lokasi Sekolah “AY004”

Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Guru	Karakteristik sekolah
“AY004”	150	13	Sekolah Islam Swasta Bersepadu Luas Tanah: 4.931 meterpersegi Rekod Data Statistik Sekolah: 102056101075 Kategori Sekolah: swasta Peringkat Sekolah Gred “A” (Cemerlang) Sekolah Bertaraf Nasional Sekolah Islam Bersepadu antara Pendidikan Sekolah, Mengaji dan Bimbingan Visi: Cemerlang dalam prestasi, Luhur dalam berbudi dan berpijak pada nilai Islam menuju sekolah cemerlangan nasional bertaraf antarabangsa. Misi: Membentuk pelajar yang cemerlang dalam ilmu pengetahuan dan teknologi (sains dan teknologi), beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT, serta berkepribadian tangguh.

Latar Belakang Guru besar dari Sudut Kelayakan dan Pengalaman Memimpin

Bahagian ini menghuraikan secara ringkas mengenai latar belakang empat orang guru besar Sekolah Rendah Islam yang telah dipilih menjadi peserta kajian dari sudut kelayakan memimpin sekolah. Huraian latar belakang guru besar secara ringkas ini bertujuan untuk memberi gambaran secara am mengenai kelayakan dan pengalaman mereka dalam bidang kepimpinan di sekolah. Nama-nama peserta kajian ini akan diletakkan kod tertentu bagi menjaga kerahsiaan dan supaya dapat membezakan diantara mereka ketika kajian ini dijalankan. Latar belakang daripada keempat-empat guru besar daripada sudut kelayakan dan pengalaman memimpin sekolah seperti di sebelah:

Guru besar “AD”

Guru besar “AD” dilahirkan di Bandar Madiun pada tarikh 12 April 1978. Tempat tinggal beliau adalah kira-kira 1 kilometer dari sekolah. Kerana tempatnya dekat daripada sekolah, beliau selalu tiba ke sekolah tepat masanya. Malahan ketika pengkaji menjalankan satu kajian di sekolah, kerap kali, beliau tiba ke sekolah pada awal pagi bagi menyediakan temubual kepada pengkaji. Guru besar “AD” adalah seorang lelaki yang cekap dan pendiam.

“AD” mula berkhidmat sebagai guru di sekolah “BH001” pada tahun 2003. Pengalamannya menjadi guru bermula tahun 2001. Beliau mengajar mata pelajaran matematika yang bersesuaian dengan latar belakang pendidikan program sarjana muda dari Universiti Negeri Malang (UM) yang lulus pada tahun 2001 dan masternya pada tahun 2009. Bermula tahun 2003 hingga kajian ini dijalankan, beliau diberi kepercayaan oleh pengetua yayasan untuk mengajar mata pelajaran matematika dan pada tahun yang sama untuk menjadi guru besar di sekolah “BH001”. Ini kerana beliau dilihat oleh pengetua yayasan sebagai guru yang mempunyai asas yang cukup kuat dan berpengetahuan dalam bidangnya.

“AD” termasuk guru besar yang aktif dan sentiasa berupaya untuk meningkatkan kualiti diri. Bagi meningkatkan kualiti profesion guru matematika, beliau telah mengikuti pelbagai bengkel dan kursus seperti bengkel “Penerapan Kurikulum Berasaskan kepada Kompetensi dan Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) pada tahun 2004 dan 2005. Selain itu, beliau pernah mengikuti lomba keberhasilan guru dalam pembelajaran tingkat nasional tahun 2009 untuk guru kelompok sains menjadi juara harapan satu. Bagi meningkatkan kualiti profesion guru besar sekolah, beliau telah mengikuti kursus leadership dalam kepimpinan guru besar sekolah rendah yang diselenggara oleh Kementerian Pendidikan Nasional di peringkat propinsi Jawa Timur pada tahun 2010.

Jadual 7. : Kelayakan dan Pengalaman Guru besar “AD”

Guru besar/ Sekolah	Kelayakan	Pengalaman Guru besar
“AD”/ “BH001”	Alumni Sarjana muda Pendidikan Matematika Alumni Master Pendidikan Matematika	Mengajar 11 tahun Perbengkelan Kepimpinan Sekolah Perbengkelan Pengajaran Matematika Perbengkelan Kurikulum Matematika Juara Lomba Keberhasilan Guru Sains tahun 2009 tingkat Nasional Juara Karya Tulis Guru Tingkat Nasional tahun 2010

Guru besar “AJ”

Guru besar “AJ” dilahirkan di bandar Nganjuk, pada tarikh 26 April 1945. Beliau menetap lebih kurang 3 kilometer dari sekolah dan hanya memerlukan masa 10 minit dengan menaiki kereta untuk pergi ke sekolah. Dengan keadaan demikian, beliau dapat tiba di sekolah dengan senang dan tepat pada masanya. Guru besar “AJ” adalah seorang lelaki yang cekap dan banyak pengalaman dalam memimpin sekolah.

Pendidikan guru besar “AJ” bermula adalah sarjana muda Pendidikan Agama Islam dari Fakulti Tarbiyah Universiti Muhammadiyah Malang pada tahun 1988. Pendidikan terakhir “AJ” adalah master sosiologi dari Universiti Muhammadiyah Malang (UMM), bermula dari tahun 1997 dan lulus pada tahun 1999. Beliau menjadi guru besar sekolah bermula di sekolah rendah Muhammadiyah 3 pada tahun 1966. Selepas itu menjadi guru besar di madrasah ibtidaiyah Nahdatul Ulama (*MINU*) pada tahun 1967. Selepas itu menjadi guru besar sekolah rendah kebangsaan (*SDN*) Pendem 1 dan 2 pada tahun 1968. Selepas itu menjadi guru besar di sekolah rendah kebangsaan (*SDN*) Rampal 2 dan 3 selama lima tahun. Setelah itu menjadi guru besar di sekolah pendidikan guru agama Islam (PGAI) Muhammadiyah selama lima tahun. Setelah itu menjadi guru besar di sekolah menengah pertama kebangsaan (SMPN) 5 selama 3 tahun. Selepas itu menjadi guru besar di sekolah pendidikan guru

kebangsaan (*SPGN*) selama tiga tahun. Selepas itu menjadi guru besar di madrasah ibtidaiyah kebangsaan (*MIN*) Malang 1 pada tahun 1986-1994. Selepas itu menjadi guru besar di madrasah tsanawiyah kebangsaan (*MTsN*) Malang 1 pada tahun 1994-2000. Selepas itu menjadi guru besar di madrasah aliyah kebangsaan (*MAN*) 3 Malang pada tahun 2000-2005. Selepas itu menjadi guru besar sekolah rendah Islam “SB002” pada tahun 2002-sekarang.

Guru besar “AJ” telah aktif mengikuti pelbagai aktiviti bengkel yang berkaitan dengan profesion guru, antaranya bengkel mubaligh pada tahun 1967 di Malang. Mengikuti bengkel pendidikan guru besar sekolah pada tahun 1994 di Bandar Surabaya. Mengikuti bengkel pengelola administrasi dan supervisi pada tahun 1996 di Bandar Jombang. Selepas itu mengikuti bengkel Teacher Training pada tahun 1997 di New Zealand dan Australia. Selain itu, beliau mengikuti bengkel pengakap bermula pada tahun 1966 bengkel dasar A dan B, pada tahun 1977 bengkel mahir satu siaga, pada tahun 1978 bengkel mahir bahagian dua, pada tahun 1980 bengkel penyelia rohani Islam, pada tahun 1984 bengkel pelatih Pembina pengakap.

Guru besar “AJ” pernah mendapat pelbagai penghargaan dalam bidang pendidikan antara nya: Educational Leadership Achievement Award daripada Madrasah Ibtidaiyah Jenderal Sudirman (*MIJS*) pada tahun 2001 sebagai guru besar sekolah yang telah sukses menghantar siswa di peringkat antarabangsa; penghargaan daripada Kementerian Agama Republik Indonesia sebagai guru besar yang mampu memajukan pendidikan sekolah rendah Islam pada tahun 2004; penghargaan daripada walikota Bandar Malang sebagai perintis sekolah sihat peringkat nasional pada tahun 2006; penghargaan Universiti Islam Negeri (*UIN*) Malang Award sebagai pengelola madrasah cemerlang pada tahun 2007.

Latar belakang guru besar “AJ” dari sudut kelayakan dan pengalaman guru besar adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 8.

Jadual 8. : Kelayakan dan Pengalaman Guru besar “AJ”

Guru besar/ Sekolah	Kelayakan	Pengalaman Guru besar
“AJ”/ “SB002”	Alumni Sarjana muda Pendidikan Agama Islam Alumni Master Bidang Sosiologi	Mengajar selama 30 tahun Memimpin sekolah selama 25 tahun Pembina Pengakap Teacher Training Penyelia Rohani Islam Guru besar sekolah yang telah sukses “Educational Leadership Achievement Award” daripada Madrasah Ibtidaiyah Jenderal Sudirman (MIJS) tahun 2001 Guru besar yang mampu memajukan pendidikan sekolah rendah Islam “penghargaan daripada Kementerian Agama Republik Indonesia” tahun 2004 Perintis sekolah sihat peringkat nasional “penghargaan daripada walikota Bandar Malang” tahun 2006 Pengelola madrasah cemerlang daripada Universiti Islam Negeri (UIN) Malang Award tahun 2007

Guru besar “DS”

Guru besar “DS” dilahirkan di Bandar Manado pada tarikh 13 Ogos 1970. Beliau menetap lebih kurang 2 kilometer dari sekolah dan hanya memerlukan masa 10 minit dengan menaiki kereta untuk pergi ke sekolah. Dengan keadaan demikian, beliau dapat tiba di sekolah dengan tepat pada masanya. Guru besar “DS” adalah seorang perempuan yang cekap dan mempunyai pengalaman memimpin organisasi sekolah.

Pendidikan sarjana muda guru besar “DS” diperoleh daripada Universiti Brawijaya Malang dengan jabatan Manajemen Fakultas Ilmu Ekonomi. Selepas itu beliau melanjutkan studi program Master di Universiti Malang (UM) dengan jabatan Manajemen Pendidikan. Beliau sedang proses melanjutkan studi program Doktor di Universiti Negeri Malang (UM) dengan jabatan Manajemen Pendidikan.

Guru besar “DS” memimpin sekolah “AK003” bermula tahun 2004 sampai saat ini. Beliau pernah mengikuti kursus Guardian Angel of Multiple Intelligence System Extension Program di Australia pada tahun 2003. Selain itu, beliau banyak mempunyai aktiviti di luar sekolah sepertimana Pembicara dalam Seminar Regional Manajemen Komunikasi dalam Pengendalian Emosi; External speaker dalam Career Days AIESEC LC Unibraw; Pemateri dalam Seminar Nasional Kesiapan Belajar di Luar Negeri AIESEC LC Unibraw; Pemateri Seminar Pendidikan Implementasi Program BERMUTU (*Better Education through Reformed Management and Universal Teacher Upgrading*) sebagai upaya meningkatkan kualiti pendidikan nasional di FE UM; Narasumber Workshop Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) Depag Bandar Malang; Koordinator Guru Pamong dalam Pelaksanaan Praktik Pengalaman Lapangan (PPL) II Fakulti Tarbiyah UIN Malang; Narasumber dalam Workshop Psikologi Terapan Prodi Psikologi FISIP Unibraw; Pengurus Kelompok Kerja Guru besar Sekolah Kecamatan Blimbing Bidang Pendidikan dan Pelatihan periode 2008-2012; Pengurus Kelompok Kerja Guru besar Sekolah di wilayah Blimbing Bidang Kesejahteraan periode 2006-2008; Pengurus Kelompok Kerja Guru besar Sekolah Wilayah Kepengawasan Blimbing I; Pengurus Gugus Sekolah (Bendahari); Instruktur Bahasa Inggris bagi Guru besar sekolah rendah di wilayah Blimbing; Anggota Jawatankuasa Sekolah di sekolah rendah kebangsaan Purwanto I dan sekolah rendah kebangsaan Pandanwangi IV Bandar Malang; Konsultan penerapan pembelajaran bersepadu (Tematik) di sekolah untuk sekolah rendah; Pembicara di pelbagai seminar dan pelatihan untuk guru di Bandar Malang; Trainer dan Motivator tetap pelbagai pelatihan rutin dan tak rutin untuk siswa dan guru di Malang.

Latar belakang guru besar “DS” dari sudut kelayakan dan pengalaman guru besar adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 9. di sebelah.

Jadual 9. : Kelayakan dan Pengalaman Guru besar “DS”

Guru besar Sekolah	Kelayakan	Pengalaman Guru besar
“DS”/ “AK003”	Alumni Sarjana muda Ilmu Manajemen Alumni Master Manajemen Pendidikan	Mengajar selama 10 tahun Memimpin sekolah selama 8 tahun Pensyarah di STIBA Malang bermula 1999 Trainer dan motivator Kursus Guardian Angel of Multiple Intelligence System Extension Program di Australia tahun 2003

Guru besar “SA”

Guru besar “SA” dilahirkan di Flores Timur pada tarikh 23 Disember 1962. Tempat tinggal beliau adalah kira-kira 10 kilometer dari sekolah. Walaupun tempatnya jauh daripada sekolahnya, ianya selalu tiba di sekolah tepat masanya. Malahan ketika pengkaji menjalankan satu kajian di sekolah, kerap kali ianya tiba di sekolah pada awal pagi bagi memberi contoh tauladan kepada para guru dan pelajar serta para kakitangan sekolah. Guru besar “SA” adalah seorang lelaki yang cekap dan mempunyai pengalaman dalam memimpin organisasi.

Guru besar “SA” mula berkhidmat sebagai pengerusi surau Ahmad Yani pada tahun 1987. Beliau diberi kepercayaan oleh guru besar yayasan surau AY untuk merintis sekolah rendah Islam di persekitaran surau. Perintisan sekolah ini bermula daripada selepas beliau lulus program doktor bidang ilmu ekonomi daripada Universiti Negeri Malang (UM) tahun 2007. Selepas itu, dirintis dan ditubuhkannya sekolah rendah Islam “AY004” pada tahun 2008.

Latar belakang guru besar “SA” dari sudut kelayakan dan pengalaman guru besar adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 10. sebelah.

Jadual 10. : Kelayakan dan Pengalaman Guru besar “SA”

Guru besar/ Sekolah	Kelayakan	Pengalaman Guru besar
“SA”/ “AY004”	Alumni Sarjana muda	Pensyarah di beberapa Perguruan
	Pendidikan Ekonomi	Tinggi Swasta
	Alumni Master bidang ilmu ekonomi	Sekretaris Yayasan Surau Ahmad Yani
	Alumni Doktor bidang ilmu ekonomi	Sekretaris Pimpinan Daerah Muhammadiyah Malang

Akhlag Guru besar Sekolah Rendah Islam di Sekolah

Bahagian ini menghuraikan dapatan kajian dengan merujuk kepada lima soalan kajian yang telah dikaji, iaitu pertama, apakah kefahaman guru besar mengenai akhlak *mahmudah* dan akhlak *mazmumah*?; Kedua, apakah nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah?; Ketiga, bagaimana seorang guru besar menjalankan proses mempertingkatkan akhlak *mahmudah* dan menjauhi akhlak *mazmumah* di sekolah?; Keempat, bagaimana seorang guru besar menjalankan proses penghayatan akhlak mengenai *muraqabah* dan *muhasabah* di sekolah?; Kelima, bagaimanakah seorang guru besar menggunakan pengalaman dalam menjalankan amalan akhlak melalui *riyadhah* di sekolah?

Bagi menjawab kelima-lima soalan kajian yang telah dikaji maka akan diuraikan secara berturutan seperti di sebelah.

Akhlag Mahmudah dan Mazmumah

Kefahaman guru besar mengenai akhlak *mahmudah* dan *mazmumah* merupakan aspek utama yang perlu diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak guru besar di sekolah. Kefahaman guru besar ini dapat meningkatkan kualiti kefahaman akhlak warga sekolah lainnya. Dapatan kajian ini menunjukkan

keempat-empat guru besar, AD, AJ, DS, dan SA memberi perhatian dan penekanan secara khusus kepada aspek ini.

Guru besar AD menyatakan sebagai berikut:

Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw ; Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw. Contoh amalan akhlak mahmudah iaitu amalan yang sesuai dengan al-Quran dan sunah Nabi saw dan contoh amalan akhlak mazmumah iaitu yang berselisih dengan al-Quran dan sunah Nabi saw. Akhlak dapat difahami apabila seseorang sentiasa membiasakan diri dalam amalan mahmudah maka ia akan menjadi baik, dan sebaliknya. Dengan kata lain, ia akan faham akhlak mahmudah dan mazmumah melalui pembiasaan yang baik ia lakukan (TB 2/BH001/AD/16/1/2012) 7-14

Guru besar AJ menyatakan sebagai berikut:

Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw ; Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw. Contoh amalan akhlak mahmudah iaitu amalan yang sesuai dengan al-Quran dan sunah Nabi saw dan contoh amalan akhlak mazmumah iaitu yang berselisih dengan al-Quran dan sunah Nabi saw. Akhlak dapat difahami apabila seseorang sentiasa melakukan berfikir (*reasoning*), mengkaji (*research*), dan mengaji (*religy*) (TB 2/SB002/AJ/17/1/2012)

Guru besar DS menyataka sebagai berikut:

Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw ; Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw. Contoh amalan akhlak mahmudah iaitu amalan yang sesuai dengan al-Quran dan sunah Nabi saw dan contoh amalan akhlak mazmumah iaitu yang berselisih dengan al-Quran dan sunah Nabi saw. Akhlak dapat difahami apabila seseorang sentiasa melakukan pengembangan minda nya. Apabila minda nya berkembang maka ia dapat melakukan akhlak mahmudah, dan sebaliknya (TB2/AK003/DS/18/1/ 2012).

Guru besar SA menyatakan sebagai berikut:

Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw ; Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw. Contoh amalan akhlak mahmudah iaitu amalan yang sesuai dengan al-Quran dan sunah Nabi saw dan contoh amalan akhlak mazmumah iaitu yang berselisih dengan al-Quran dan sunah Nabi saw. Akhlak dapat difahami apabila seseorang sentiasa mencari ilmu, terutamanya ilmu agama (TB 2/AY004/SA/20/1/2012)

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa keempat-empat guru besar mempunyai kefahaman yang sama tentang akhlak mahmudah dan mazmumah. Namun, ada aspek perbezaan dalam perkara cara memahami akhlak mahmudah dan

akhlak mazmumah. Guru besar AD mempunyai kefahaman bahawa akhlak mahmudah dan mazmumah dapat difahami dengan cara sentiasa melakukan pembiasaan dalam menjalankan akhlak mahmudah dan sebaliknya untuk akhlak mazmumah. Guru besar AJ lebih melihatnya bahwa kefahaman dapat diperoleh apabila melakukan tiga aspek secara integral iaitu berfikir, mengkaji dan mengaji. Sedangkan guru besar DS hanya melihat pada aspek pengembangan minda seseorang dalam mencapai kefahaman tentang akhlak mahmudah dan mazmumah. Berbeza juga dengan ketiga-tiga yang awal, guru besar SA lebih menekankan tentang pentingnya proses belajar ilmu agama dalam mencapai kefahaman akhlak mahmudah dan mazmumah.

Hubung kait antara Kefahaman dan Amalan Akhlak

Guru besar “AD” memberikan penjelasan mengenai pentingnya kualiti kefahaman akhlak bagi mengukuhkan pengalaman amalan akhlak berlaku secara sebenar dalam kehidupan seharian. Kedua-duanya samaada kefahaman akhlak dan pengalaman akhlak melalui riyadhah atau pembiasaan akhlak saling kebergantungan antar yang satu dengan yang lain. Hal ini sepertimana pandangan yang telah diberikan oleh “AD” seorang guru besar yang memimpin di sekolah “BH001” mengenai pentingnya penekanan dan tumpuan kepada proses kefahaman guru besar mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah, seperti yang berikut:

Saya sebagai guru besar sekolah menyedari dan memahami mengenai pentingnya aspek kefahaman dalam amalan akhlak. Oleh itu, saya perlu memberi penekanan kepada aspek ini, kerana ia merupakan elemen penting dan menjadi landasan dalam proses amalan akhlak. Aspek ini malahan amat penting dan mesti mendapatkan tumpuan yang khusus. Aspek kefahaman perlu diberi penekanan kerana warga sekolah kemungkinan besar tidak dapat mengamalkan pembiasaan akhlak yang baik kalau mereka tidak mengerti, memahami erti pentingnya akhlak mahmudah sebagai sesuatu pembiasaan yang baik dalam kehidupan seharian (TB 2/BH001/AD/16/1/2012) baris ke 14-21.

Berdasarkan kepada transkrip temubual diatas menunjukkan bahawa “AD” memberi peranan penting kepada proses kefahaman akhlak guru besar dalam amalan akhlak di sekolah. Malahan beliau mengukuhkan lagi bahawa aspek kefahaman dalam proses amalan akhlak guru besar merupakan bahagian utama yang tidak boleh diketepikan. Aspek kefahaman ini merupakan komponen asas dan bermula bagi mengukuhkan amalan akhlak guru besar di sekolah bagi warga sekolah dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, warga sekolah yang kurang kukuh aspek kefahaman akhlaknya, kemungkinan ianya tidak akan dapat mengamalkan pembiasaan akhlak mahmudah secara konsisten dalam kehidupan sehariannya.

“AD” telah menunjukkan bahawa kefahaman sangatlah perlu dalam menjalankan amalan akhlak seseorang muslim dalam kehidupan sehariannya. Setiap sabtu ia selalu memimpin untuk memberikan penjelasan tentang kefahaman agama kepada semua warga sekolah, begitu juga orang tua wali pelajar. Aktiviti ini diberi nama sebagai aktiviti “*parenting day*”. Aktiviti ini mempunyai matlamat utamanya iaitu untuk mempererat tali silaturrahi antara pihak sekolah dengan orang tua wali siswa dan masyarakat (Pemerhatian: 1/AD001/17/1/2012)

Sedangkan berdasarkan pemerhatian aktiviti guru besar “AD” sentiasa melaksanakan pembiasaan membaca, beribadah, berpikir, dan berzikir. Keempat-empat aktiviti itu dilaksanakan untuk mempertingkatkan kefahaman akhlak. Membaca dijadikan sebagai aktiviti untuk membina budaya *thalabul ilm* oleh guru besar “AD” dan pula bagi semua warga sekolah (Pemerhatian: 1/AD001/17/1/2012). Hal tersebut dilaksanakan sebagai bahagian untuk mencapai matlamat membina *insan Ulul Albab* seperti mana dalam firman Allah surah Ali Imran ayat 190 yang bermaksud:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal.
(Dalam Surah Ali Imran ayat 190)

Idris (2006) berpendapat golongan Ulul Albab, iaitu satu golongan yang mempunyai asas kukuh dalam ilmu pengetahuan, memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian Tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar daripadanya.

Shahran (2006) menyatakan bahawa Ulul Albab adalah kelompok manusia tertentu yang diberi keistimewaan oleh Allah s.w.t, iaitu mereka yang diberikan hikmah, kebijaksanaan dan pengetahuan di samping pengetahuan yang diperolehi secara empirikal dalam sesuatu perkara.

Dalam mencapai matlamat pendidikan, guru besar “AD” memberi penekanan akan pentingnya mata pelajaran tamadun Islam (peradaban Islam). Dengan masuknya mata pelajaran tamadun Islam dalam struktur kurikulum SDI “BH” maka akan tercapai matlamat pendidikannya yang berasaskan kepada zikir dan fikir (Dokumen: 1/BH001/Buku Profil/2011).

Pendidikan Islam yang berasaskan Ulul Albab inilah yang dijadikan sebagai petunjuk arah pengembangan sekaligus pemersatu dan juga sumber inspirasi serta kekuatan pendokong bagi semua komponen pendidikan yang ada. Suprayogo (2007) menyatakan bahawa ada empat kekuatan dalam ulul albab itu, iaitu: (1) Kedalaman spiritual (*spiritual deepness*) sebagai sumber pendokong atau motivasi dalam beramal, (2) Keagungan akhlak (*ethical conduct*) sebagai asas dalam menjalin komunikasi/kerja serta, (3) keluasan ilmu (*science broadness*) sebagai buah dari usaha memahami konsep-konsep ajaran Islam, dan (4) Kematangan profesional (*professional maturity*) sebagai hasil yang diharapkan dari pemahaman dan penguasaan kemahiran pengurusan.

Selain itu, guru besar “AD” juga menyatakan bahawa menjadi insan ulul albab harus dekat dengan al-Quran, maka ia membuat program membaca al-Quran

setiap pagi bagi dirinya dan semua warga sekolah. Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Setiap pagi hari pukul 06.30 hingga 07.00, saya dan warga sekolah sentiasa mengawali aktiviti dengan membaca al-Quran sebagai aktiviti untuk meningkatkan kefahaman apa yang ada dalam al-Quran dan membaca terjemahnya juga. Pembacaan al-Quran ini dilaksanakan bermula pada kumpulan para guru dan kakitangan sekolah bersama guru besar dan pengerusi yayasan. Setelah itu aktiviti ini juga berlaku pada setiap guru yang berada pada jam pelajaran awal atau pertama untuk mengajak membaca al-Quran (J/AD/BH001/17/1/2012)

Pandangan guru besar “AJ” mempunyai kesamaan dengan pandangan guru besar “AD” yang memberi penekanan dan tumpuan kepada pentingnya warga sekolah mempunyai kualiti kefahaman akhlak bagi mempertingkatkan kualiti amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian. Kedua-duanya sama ada kefahaman akhlak mahupun pengamalan akhlak perlu diberi penekanan secara seimbang dalam proses amalan akhlak di sekolah. Dalam hal ini, guru besar “AJ” memberi pandangan sepertimana dalam transkrip temubual berikut:

Seseorang yang mengamalkan akhlak mahmudah, ianya pasti kena faham dahulu. Kalau tak faham pasti ia tak dapat mengamalkan akhlak yang baik secara kukuh. Mungkin ada seseorang yang tak faham apa itu erti daripada akhlak mahmudah, ianya mungkin dapat menjalankan akhlak mahmudah. Apabila ia tak faham pastilah ianya pada masa yang lain dapat berakhlak yang mazmumah. Tapi kalau ianya faham secara baik, insya Allah ia dapat mengamalkan yang lebih baik berbanding dengan orang yang tak faham (TB 2/SB002/AJ/17/1/2012)

Pandangan “AJ” diatas menunjukkan bahawa seseorang perlu memahami akhlak dalam aspek kefahaman terlebih dahulu sebelum ia mengamalkan akhlak mahmudah dalam kehidupan sehariannya. Aspek ini perlu diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah bagi mengukuhkan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, seseorang yang kurang memahami aspek kefahaman akhlak kemungkinan besar ianya kurang dapat mengamalkan akhlak yang mahmudah yang diperolehnya di sekolah.

Berbeza dengan guru besar “AD”, guru besar “AJ” sentiasa menekankan pentingnya kefahaman akhlak dalam proses amalan akhlak melalui proses mengaji, melaksanakan ibadah dan tahfizul Qur’an. Ketiga-tiganya dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan penerapan muhasabah. Dengan ketiga-tiganya pula seseorang akan mempunyai kefahaman akhlak melalui pembiasaan atau riyadhah, kerana Islam adalah ajaran yang perlu diamalkan bukan sahaja dikaji secara individu mahupun bersama-sama (Pemerhatian: 1/AJ002/18/1/2012)

Dalam data dokumen berupa struktur kurikulum darjah 1 sehingga 6 adalah adanya mata pelajaran pendidikan agama Islam, Qur’an Hadits, fiqah, aqidah akhlak, pendidikan kewarganegaraan, dan mengaji. Dari struktur kurikulum ini, guru besar “AJ” ingin menampilkan kurikulum bersepadu antara kurikulum nasional dan kurikulum tempatan “SDI SB” (dokumen: 1/SB002/ Profil SB 2011)

Selain itu, guru besar “AJ” juga menyatakan bahawa menjadi insan yang berakhlak mulia harus sentiasa mengaji, melaksanakan ibadah, dan tahfizul quran maka ia membuat program mengaji, melaksanakan ibadah, dan tahfizul quran setiap pagi bagi dirinya dan semua warga sekolah. Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Sekolah ini ditubuhkan untuk membina pelajar menjadi manusia yang berakhlakul karimah, maka sekolah ini mempunyai program seperti mengaji al-Quran, melaksanakan ibadah di surau, dan hafazan al-Quran sesuai darjah masing-masing. Selain itu, guru besar dan para guru serta para kakitangan pun wajib melaksanakan program itu semua semasa mereka berada di sekolah. Mengaji al-Quran dan hafazan ayat al-Quran wajib dilaksanakan pada pagi hari sebelum pelajaran bermula. Sedang solat dhuha pun menjadi keharusan bagi semua warga sekolah pada masa rehat pertama pukul 09.00. (J/AJ/SB002/17/1/2012)

Guru besar “DS” yang memimpin di sekolah “AK003” telah memberi pandangan mengenai pentingnya aspek kefahaman akhlak dalam proses amalan akhlak guru besar di sekolah. Penekanan proses amalan akhlak pada aspek kefahaman akhlak ini dihubungkan dengan pengembangan minda seseorang.

Beliau berpandangan bahawa pentingnya memberi penekanan dan tumpuan kepada aspek kefahaman akhlak dalam amalan akhlak di sekolah, iaitu sepertimana dalam transkrip temubual kajian seperti yang berikut:

Seseorang mesti kena faham mengenai akhlak pada aspek kefahaman ini. Kalau tak faham...seseorang tak dapat kukuh mengenai kefahaman akhlak. Dalam proses amalan akhlak di sekolah perlu ada penekanan dan tumpuan secara baik. Aspek ini diambil kira bagi mempertingkatkan dan mengembangkan minda semua warga sekolah secara baik sehingga mereka dapat mengamalkan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan keseharian (TB2/AK003/DS/18/1/ 2012).

Bagi “DS” aspek kefahaman akhlak merupakan bahagian integral dalam proses amalan akhlak di sekolah. Aspek ini mesti diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Aspek kefahaman akhlak ini diperlukan dalam proses amalan akhlak bagi mengembangkan minda seseorang. Pengembangan minda seseorang yang dimaksudkan adalah memberi kefahaman akhlak sebagai asas amalan akhlak dalam kehidupan seharian.

Guru besar “DS” sentiasa melaksanakan disiplin dengan maksud agar terbinanya kefahaman tidak hanya pada dirinya tetapi juga pada semua warga sekolah. Hal ini beliau yakinkan pada setiap hari isnin semasa aktiviti upacara bendera daripada pukul 06.45 sehingga 07.15. Dalam jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Kefahaman seseorang terhadap apa pun bendanya, ia mesti kena mempunyai disiplin. Yang semestinya ia ada pada diri sendiri dahulu baru selepas tu dia boleh menekankan pada orang lain. Sehingga orang lain pun akan membuat hal yang sama kerana ia telah membuat contoh yang benar dan patut. Seseorang dapat dibenarkan kefahamannya jika ia mempunyai disiplin diri yang wujud dalam kehidupan keseharian secara benar. (J/DS/AK003/17/1/2012)

Guru besar “SA” memberikan pandangan bahawa aspek kefahaman akhlak adalah perkara yang mustahak dalam proses amalan akhlak di sekolah. Setiap guru besar mesti menjalankan proses kefahaman akhlak. Dalam proses amalan akhlak

mengenai apa jua bahan dalam aspek kefahaman akhlak, yang selalu ditekankan adalah sebelum menumpukan kepada aspek lainnya seperti aspek penghayatan akhlak dan pengalaman akhlak. Secara terperinci, guru besar “SA” memberi pandangan mengenai pentingnya aspek kefahaman akhlak dalam proses amalan akhlak di sekolah, sepertimana dalam data transkrip temubual kajian seperti yang berikut:

Aspek kefahaman akhlak perlu diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah dalam pelbagai bidang ilmu. Demikian juga saya dalam menjalankan proses amalan akhlak di sekolah, aspek ini diutamakan. Saya memahami aspek ini tidak pernah diketepikan oleh mana-mana muslim dalam menjalankan proses amalan akhlak di sekolah. Malahan aspek ini hampir setiap muslim menjadikan prioriti utama dalam menjalankan proses kefahaman akhlak di sekolah sebelum menjalankan proses penghayatan dan pengalaman akhlak (TB 2/AY004/SA/20/1/2012)

Daripada data transkrip temubual di atas menunjukkan bahawa aspek kefahaman akhlak sebelum dilakukannya amalan penghayatan dan pengalaman akhlak dalam kehidupan seharian muslim. Dan guru besar “SA” menyatakan bahawa kefahaman dilambangkan kepada ilmu dan ilmu sebelum perkataan dan amal seperti mana dalam data transkrip temu bual seperti yang berikut:

Kefahaman dilambangkan kepada ilmu dan ilmu sebelum perkataan dan amal, seperti perkataan ulama “*al-ilmu qabl al-qaul wa al-amal*”. Dari dapat difahami bahawa kefahaman mempunyai peranan penting sebelum melakukan penghayatan dan pengalaman (TB 2/AY004/SA/20/1/2012)

Berbeza dengan guru besar lainnya, guru besar “SA” mempunyai beberapa kajian tentang pentingnya ilmu sebagai aspek daripada kefahaman. Kefahaman akan diperolehi seseorang jika seseorang itu rajin mengkaji ilmu terutamanya ilmu agama. Beliau menyatakan dalam jurnalnya bahawa ilmu seseorang akan menerangi perkataan dan amaliyahnya dalam kehidupan kesehariannya. Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Dalam jurnal, saya sentiasa menuliskan bahawa ilmu sangatlah bermanfaat dalam kehidupan seseorang, kerana ilmu itu cahaya dalam kehidupan seseorang. Saya juga mengikut pendapat para ulama yang menyatakan bahawa *al-ilmu qabla al-qaul wa al-amal*. Ertinya ilmu itu sebelum perkataan dan perbuatan. (J/SA/AY004/20/1/2012)

Kefahaman guru besar “AD” tentang amalan akhlak mahmudah sebagai sesuatu yang mesti berlaku sebenar dalam kehidupan keseharian di sekolah dan amalan akhlak mazmumah sebagai sesuatu yang mesti di jauhi dalam kehidupan keseharian di sekolah, iaitu seperti ditunjukkan dalam jadua 11. dibawah ini.

Jadual 11.: Kefahaman Amalan Akhlak Guru besar tentang Akhlak Mahmudah dan Akhlak Mazmumah

Guru besar Kefahaman Amalan Akhlak	Contoh Amalan Akhlak
“AD” (1) Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (2) Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (3) Memberi penekanan pentingnya kefahaman sebelum kepada penghayatan dan pengalaman (4) Melalui pembiasaan	amalan ibadah yang sesuai al-Qur’an dan Sunnah amalan yang berselisih dengan Qur’an dan sunah

Daripada jadual 4.9 mengenai kefahaman amalan akhlak guru besar terhadap akhlak mahmudah dan mazmumah di atas menunjukkan bahawa guru besar “AD” telah faham mengenai akhlak mahmudah adalah akhlak yang berasaskan kepada ajaran al-Qur’an dan sunah Nabi saw, sedang akhlak mazmumah adalah sesuatu perilaku yang berselisih dengan ajaran al-Qur’an dan sunah Nabi saw. Sehingga dia mengingini supaya semua warga sekolah menjadi warga *Ulul Albab* sepertimana yang digambarkan dalam al-Qur’an (Buku panduan akademik BH001/2012)

Kefahaman guru besar “AJ” tentang amalan akhlak mahmudah sebagai sesuatu yang mesti berlaku sebenar dalam kehidupan keseharian di sekolah dan amalan akhlak mazmumah sebagai sesuatu yang mesti di jauhi dalam kehidupan

keseharian di sekolah sepertimana penjelasan di atas, iaitu seperti ditunjukkan dalam jadua 12. di bawah ini.

Jadual 12. Kefahaman Amalan Akhlak Guru besar tentang Akhlak Mahmudah dan Akhlak Mazmumah

Guru besar	Kefahaman Amalan Akhlak	Contoh Amalan Akhlak
“AJ”	(1) Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (2) Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (3) Memberi penekanan pentingnya kefahaman sebelum kepada penghayatan dan pengalaman melalui Triple R iaitu <i>Reasoning, Reasearch, and Religy</i>	amalan ibadah yang sesuai al-Qur’an dan Sunah serta logika empiri amalan yang berselisih dengan Qur’an dan sunah serta logika empiri

Daripada jadual 12 diatas mengenai kefahaman amalan akhlak guru besar terhadap akhlak mahmudah dan mazmumah di atas menunjukkan bahawa guru besar “AJ” telah faham mengenai akhlak mahmudah adalah akhlak yang berasaskan kepada ajaran al-Qur’an dan sunah Nabi saw, sedang akhlak mazmumah adalah sesuatu perilaku yang berselisih dengan ajaran al-Qur’an dan sunah Nabi saw. Amalan akhlak mahmudah dan mazmumah daripada guru besar “AJ” juga dilaksanakan melalui “Triple R” iaitu *Reasoning, Reasearch, dan Religy* Sehingga dia mengingini supaya semua warga sekolah menjadi warga *berakhlak mulia* sepertimana yang digambarkan dalam al-Qur’an (Buku panduan akademik SB002/2012)

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini. Dia menyatakan:

Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw, sedang akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw serta memberi penekanan tentang pentingnya kefahaman

amalan akhlak tersebut melalui Triple R iaitu *Reasoning, Reasearch*,sebelum kepada penghayatan dan pengalaman (J/AJ/SB002/17/1/2012)

Kefahaman guru besar “DS” tentang amalan akhlak mahmudah sebagai sesuatu yang mesti berlaku sebenar dalam kehidupan keseharian di sekolah dan amalan akhlak mazmumah sebagai sesuatu yang mesti di jauhi dalam kehidupan keseharian di sekolah, iaitu seperti ditunjukkan dalam jadua 13.di bawah ini.

Jadual 13.: Kefahaman Amalan Akhlak Guru besar tentang Akhlak Mahmudah dan Akhlak Mazmumah

Guru besar	Kefahaman Amalan Akhlak	Contoh Amalan Akhlak
“DS”	(1) Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (2) Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (3) Memberi penekanan pentingnya kefahaman sebelum kepada penghayatan dan pengalaman serta sebagai pengembangan minda seseorang	amalan ibadah yang sesuai al-Qur’an dan Sunnah amalan yang berselisih dengan Qur’an dan sunah

Daripada jadual 13 mengenai kefahaman amalan akhlak guru besar terhadap akhlak mahmudah dan mazmumah di atas menunjukkan bahawa guru besar “DS” telah faham mengenai akhlak mahmudah adalah akhlak yang berasaskan kepada ajaran al-Qur’an dan sunah Nabi saw, sedang akhlak mazmumah adalah sesuatu perilaku yang berselisih dengan ajaran al-Qur’an dan sunah Nabi saw. Dan kefahaman amalan akhlak mahmudah dan mazmumah ini akan mengembangkan mindanya. Sehingga “DS” juga mengingini supaya semua warga sekolahnya menjadi insan Indonesia yang Islami (Buku panduan akademik AK003/2012)

Selain itu, guru besar “SA” menyatakan bahawa kefahaman dapat didapati dengan cara seperti mana dalam data transkrip temu bual seperti yang berikut:

Meluaskan pemikiran, kerana pemikiran yang sempit merupakan faktor berlakunya perbuatan jahat. Ini disebabkan akal yang terpesong tidak akan menghasilkan akhlak yang baik. (TB 2/AY004/SA/21/2/2012)

Kefahaman guru besar “SA” tentang amalan akhlak mahmudah sebagai sesuatu yang mesti berlaku sebenar dalam kehidupan keseharian di sekolah dan amalan akhlak mazmumah sebagai sesuatu yang mesti dijaui dalam kehidupan keseharian di sekolah, iaitu seperti ditunjukkan dalam jadual 14.

Jadual 14. Kefahaman Amalan Akhlak Guru besar tentang Akhlak Mahmudah dan Akhlak Mazmumah

Guru besar	Kefahaman Amalan Akhlak	Contoh Amalan Akhlak
“SA”	(1) Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (2) Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (3) Memberi penekanan pentingnya kefahaman sebelum kepada penghayatan dan pengalaman (4) Kefahaman dilambangkan kepada ilmu, al-ilmu Qabl al-qaul wa al-amal	amalan ibadah yang sesuai al-Qur’an dan Sunnah amalan yang berselisih dengan Qur’an dan sunah

Daripada jadual 14 mengenai kefahaman amalan akhlak guru besar terhadap akhlak mahmudah dan mazmumah di atas menunjukkan bahawa guru besar “SA” telah faham mengenai akhlak mahmudah adalah akhlak yang berasaskan kepada ajaran al-Qur’an dan sunah Nabi saw, sedang akhlak mazmumah adalah sesuatu perilaku yang berselisih dengan ajaran al-Qur’an dan sunah Nabi saw. Dan kefahaman dilambangkan kepada ilmu sehingga ilmu sebelum perkataan dan amal. Sehingga “SA” juga mengingini supaya semua warga sekolahnya menjadi insan yang mampu mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian (Buku panduan akademik AY004/2012)

Dalam kajian para cendekiawan muslim sentiasa menyatakan hadits Nabi Muhammad saw di bawah ini:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

Bermaksud: Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlakunya. (HR. Abu Daud (3682); Tirmidzi (1162))

Hadis di atas membawa maksud bahawa iman mempunyai hubung kait dengan akhlak, begitu sebaliknya. Akhlak seseorang akan ditentukan oleh keimanannya, dan keimanannya akan ditentukan oleh akhlaknya.

Pemerolehan Kefahaman dalam Akhlak

Dapatan kajian dari masing-masing guru besar AD, AJ, DS, dan SA menunjukkan bahawa pemerolehan kefahaman akhlaknya ada persamaan dan perbedaannya. Keempat-empatnya melakukan proses pemerolehan yang sama, namun masing-masing mempunyai perbezaan yang dipengaruhi oleh proses menjalankan amalan akhlaknya dan cara pandang dalam melihat akhlak tersebut.

Pembiasaan

Dalam konteks kefahaman guru besar mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah, guru besar “AD” telah merancang dan menjalankan program solat dhuha dan membaca al-Quran setiap hari Selasa sehingga hari Khamis sebelum pelajaran bermula. Solat dhuha bermula pukul 07.00-07.30 waktu Indonesia bahagian Barat, dan bimbingan membaca al-Quran bermula pukul 07.30-07.50 waktu Indonesia bahagian Barat. Dalam hal ini, beliau memberi pandangan sepertimana dalam transkrip temubual kajian seperti yang berikut:

Saya dan para guru biasanya menjalankan program solat dhuha dan membaca al-Quran bagi kelas 1 sehingga kelas 6. Program ini dijalankan dekat kelas masing-masing sehingga tidak berisik dan gaduh antar pelajar. Masing-

masing kelas berisi 20 sampai 25 orang sahaja. Hal ini dilakukan kerana merupakan akhlak mahmudah yang diasaskan oleh al-Qur'an dan Sunah Nabi saw. Sedang sesiapa saja yang tak mahu melaksanakan akhlak mahmudah maka ia telah berbuat akhlak mazmumah dan ia berselisih dengan al-Qur'an dan Sunah Nabi saw (TB 2/BH001/AD/16-1-2012) baris ke 30-34.

Walaupun dalam perancangan dan pelaksanaan program solat dhuha dan membaca al-Quran belum dapat berjalan secara efektif dan maksimum. Hal ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji dalam proses kefahaman amalan akhlak guru besar di sekolah. Beliau membuat program dan menjalankannya bersama para guru di bilik khusus untuk solat dengan saiz yang lebih besar, iaitu setiap kumpulan terdiri daripada 20 hingga 25 pelajar. Ditambah lagi, dalam aktiviti solat dan membaca al-Quran belum ada komunikasi antar guru dan pelajar. Boleh jadi pelajar belum faham apa faedah solat dhuha dan membaca al-Quran?. Proses kefahaman dalam amalan akhlak guru besar "AD" yang telah dijalankan bagi warga sekolah menggambarkan bahwa terdapat kekurangan dalam proses amalan akhlaknya dengan menjalankan program solat dhuha dan membaca al-Quran secara baik dan maksimum (Pemerhatian:01/BH001/AD/16/1/2012)

Guru besar "AD" menekankan asas pembiasaan bagi dirinya dan warga sekolah dalam menjalankan amalan akhlak mahmudah agar jiwa seseorang semakin baik dan mendapat petunjuk dari Allah swt. Dalam jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Pembiasaan sampai setakat ni masih mempunyai peranan yang penting dalam amalan perbuatan yang baik bagi seseorang. Jika seseorang tu sudah terbiasa dalam amalan perbuatan yang baik mestilah ia dapat menjadi orang baik. Pembiasaan akhlak yang baik akan berimpak yang baik pula dalam kehidupan keseharian seseorang itu. Kunci yang paling asas dalam perbuatan adalah pembiasaan (J/AD/BH001/17/1/2012)

Berbeza dengan guru besar "AD", bagi guru besar "AJ" proses kefahaman akhlak mahmudah melalui pembiasaan berasaskan daripada reasoning, dan religy. Sedang untuk proses kefahaman akhlak mazmumah melalui research, yang

berasaskan daripada logika dan empiri. Guru besar “AJ” memberi perumpamaan sebuah kes tentang siswa masuk bilik darjah terlambat, maka siswa itu harus faham kenapa ia terlambat masuk bilik darjah. Jika faktor terlambatnya kerana terlambat bangun pagi maka ia harus bangun lebih awal.

Proses kefahaman amalan akhlak guru besar “DS” mempunyai kesamaan dengan pandangan “AJ” yang memberi penekanan dan tumpuan kepada pentingnya amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat dalam kehidupan seharian. Kedua-duanya sama ada amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat perlu diberi penekanan secara seimbang dalam proses amalan akhlak. Dalam hal ini, “DS” memberi pandangan seperti mana dalam transkrip temu bual, berikut:

Seseorang yang mengamalkan akhlak mulia, ia pasti kena faham dahulu pentingnya tentang proses pembiasaan berasaskan akal sihat. Kalau tak faham pasti tentang pembiasaan berasaskan akal sihat, ia tak dapat mengamalkan akhlak mahmudah secara kukuh. Mungkin ada seseorang yang tak faham apa itu erti daripada pembiasaan berasaskan akal sihat, ia mungkin dapat berakhlak mahmudah. Apabila ia tak faham pastilah ia pada masa yang lain dapat berakhlak mazmumah, tapi kalau ia faham secara baik, insya Allah ia dapat mengamalkan akhlak mahmudah yang lebih baik berbanding dengan seseorang yang tak faham (TB 2/AK003/DS/27/2/2012).

Pandangan “DS” di atas menunjukkan bahawa seseorang perlu memahami amalan akhlak dalam aspek pembiasaan berasaskan akal sihat terlebih dahulu sebelum ia mengamalkan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, seseorang yang kurang memahami aspek pembiasaan berasaskan akal sihat kemungkinan besar ia kurang dapat mengamalkan akhlak mahmudah dengan baik di sekolah.

Bagi “DS” proses kefahaman amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat adalah perkara yang mustahak. Guru besar sekolah adalah role model dan pusat perhatian dalam amalan akhlak di sekolah. Amalan akhlak melalui pembiasaan perlu memusatkan kepada diri kendirinya bukan kepada orang lain. Asas akal sihat dalam amalan akhlak melalui pembiasaan ini akan membawa kesan kepada rasa

tanggung jawab seseorang yang lebih besar dalam proses amalan akhlaknya. Secara terperinci, pandangan “DS” dapat disimak dalam kutipan transkrip temu bual kajian seperti yang berikut:

Proses pembiasaan berasaskan akal sihat yang saya amalkan sekarang ini adalah berpusat kepada diri sendiri. Sekarang ini, guru besar dituntut lebih aktif dalam proses pembiasaan akhlak di sekolah. Dengan kata lain, sekarang ini, guru besar bukan lagi sebagai pengawas dalam proses pembiasaan akhlak, akan tetapi sebagai pelaku (subjek) dalam proses pembiasaan akhlak. Oleh itu, saya memberi kesempatan yang luas kepada diri sendiri untuk menjalankan proses pembiasaan akhlak di sekolah (TB 2/AK003/DS/27/2/2012)

Daripada kutipan transkrip temu bual kajian di atas menunjukkan bahawa “DS” melibatkan diri kendirinya dalam proses amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat. Beliau berpandangan bahawa penglibatan diri kendirinya dalam proses amalan akhlak adalah perkara yang asas. Beliau menempatkan diri kendirinya sebagai subjek dalam proses amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat bukan sebagai pengawas dalam amalan akhlak. Guru besar sebagai subjek amalan akhlak bermakna guru besar mengambil peranan yang lebih besar dalam proses amalan akhlak. Sebaliknya, guru besar sebagai objek (pengawas) dalam amalan akhlak memberi peranan kepada orang lain yang minimum dalam proses amalan akhlak kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kesedaran dalam menjalankan amalan akhlak di sekolah.

Kefahaman dalam amalan akhlak guru besar “DS” selain disokong oleh data temu bual dan pemerhatian, juga disokong oleh jurnal beliau yang mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Proses pembiasaan amalan akhlak mahmudah hendaknya dilakukan berasaskan pada akal sihat. Kerana agama Islam menempatkan akal sihat sebagai asas dalam menjalankan syariat. Begitu pula proses pembiasaan dalam menjauhi amalan akhlak mazmumah hendaknya berasaskan pada akal sihat (J/DS/AK003/27/2/2012).

Proses kefahaman dalam amalan akhlak guru besar melalui pembiasaan berasaskan akal sihat yang telah dijalankan oleh “DS” seperti mana program akademik dalam jurnal guru besar semasa di sekolah seperti ditunjukkan dalam jadual 15. di bawah ini.

Jadual 15. : Jurnal Guru besar

Guru besar	Tema	Proses Pembiasaan
“DS”	(1) Akhlak Mahmudah	Pembiasaan menjalankan akhlak baik berasaskan akal sihat
	(2) Akhlak Mazmumah	Pembiasaan menjauhi akhlak tidak baik berasaskan Akal sihat

Daripada jadual 15. di atas menunjukkan bahawa sebelum “DS” menjalankan amalan akhlak mulia di sekolah, beliau telah membuat nota buku harian secara tertulis dengan proses pembiasaan berasaskan akal sihat. Hal ini dapat dilihat mengenai semua aktiviti yang dijalankan oleh semua warga sekolah semasa ada di sekolah, seperti hafazan surat-surat pendek, doa-doa keseharian, praktek wudhuk, praktek solat berjamaah dalam keseharian (dhuha dan zuhur), praktek membaca al-Quran (Buku Pedoman/AK003/DS/14/2/2012)

Proses pembiasaan berasaskan akal sihat yang telah dijalankan oleh “DS” menggunakan uswah hasanah, iaitu contoh teladan dengan kesedaran sendiri (Pemerhatian: PAA 1/AK003/DS/14/3/2012). Namun demikian, dalam proses tersebut memerlukan sabar untuk mengawal diri daripada maksiat. Dengan proses pembiasaan berasaskan akal sihat ini, beliau dilihat kurang memberi kesempatan kepada semua warga sekolah untuk terlibat secara aktif dalam pembiasaan amalan akhlak berasaskan akal sihat. Namun demikian, beliau menginginkan adanya kesedaran sendiri dalam proses pembiasaan tersebut. Hal ini dapat disemak daripada pemerhatian proses pembiasaan ini, seperti yang berikut:

“DS” meminta semua warga sekolah menjalankan aktiviti pembiasaan, seperti hafazan surat-surat pendek, doa-doa harian, praktek wudhuk, praktek solat berjamaah, dan membaca al-Quran dapat dijalankan dengan kesedaran sendiri sehingga ada yang menjalankan dan ada yang tidak menjalankan (Pemerhatian: PAA 2/AK003/DS/27/2/2012).

Selain itu, guru besar “DS” dalam jurnalnya menyatakan bahawa pembiasaan merupakan sesuatu aktiviti yang susah dan berat bagi seseorang untuk memulainya. Tetapi ia akan mudah dan ringan jika sudah dilakukan dengan pembiasaan. Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini. Dia menyatakan:

Sepatutnyalah seseorang berusaha untuk melakukan sesuatu dari yang mudah kemudian kepada yang sulit sehingga proses pembiasaan tu akan berjalan dengan mudah dan ringan. Mulanya pembiasaan itu berat dan susah bagi sesiapaupun orangnya, tetapi jika ia berkehendak memulainya maka proses pembiasaan tu menjadi ringan dan mudah.. (J/DS/AK003/27/2/2012)

Proses kefahaman amalan akhlak guru besar “SA” mempunyai kesamaan dengan pandangan “DS” yang memberi penekanan dan tumpuan kepada pentingnya amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak dalam kehidupan seharian. Kedua-duanya sama ada amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat perlu diberi penekanan secara seimbang dalam proses amalan akhlak. Dalam hal ini, “SA” memberi pandangan seperti mana dalam transkrip temu bual, berikut:

Seseorang yang mengamalkan akhlak mulia, ia pasti kena faham dahulu pentingnya tentang proses pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak. Kalau tak faham pasti tentang pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak, ia tak dapat mengamalkan akhlak mahmudah secara kukuh. Mungkin ada seseorang yang tak faham apa itu erti daripada pembiasaan berasaskan akal sihat, ia mungkin dapat berakhlak mahmudah. Apabila ia tak faham pastilah ia pada masa yang lain dapat berakhlak mazmumah, tapi kalau ia faham secara baik, insya Allah ia dapat mengamalkan akhlak mahmudah yang lebih baik berbanding dengan seseorang yang tak faham (TB 2/AY004/SA/27/2/2012).

Pandangan “SA” di atas menunjukkan bahawa seseorang perlu memahami amalan akhlak dalam aspek pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak terlebih

dahulu sebelum ia mengamalkan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, seseorang yang kurang memahami aspek pembiasaan berasaskan akal sihat kemungkinan besar ia kurang dapat mengamalkan akhlak mahmudah dengan baik di sekolah.

Bagi “SA” proses kefahaman amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat adalah perkara yang mustahak. Guru besar sekolah adalah role model dan pusat perhatian dalam amalan akhlak di sekolah. Amalan akhlak melalui pembiasaan perlu memusatkan kepada diri kendirinya bukan kepada orang lain. Asas akal sihat dan syarak dalam amalan akhlak melalui pembiasaan ini akan membawa kesan kepada rasa tanggung jawab seseorang yang lebih besar dalam proses amalan akhlaknya. Secara terperinci, pandangan “SA” dapat disimak dalam kutipan transkrip temu bual kajian seperti yang berikut:

Proses pembiasaan berasaskan akal sihat yang saya amalkan sekarang ini adalah berpusat kepada diri sendiri. Sekarang ini, guru besar dituntut lebih aktif dalam proses pembiasaan amalan akhlak di sekolah. Dengan kata lain, sekarang ini, guru besar bukan lagi sebagai pengawas dalam proses pembiasaan amalan akhlak, akan tetapi sebagai pelaku (subjek) dalam proses pembiasaan amalan akhlak. Oleh itu, saya memberi kesempatan yang luas kepada diri sendiri untuk menjalankan proses pembiasaan amalan akhlak di sekolah (TB 2/AY004/SA/28/2/2012)

Daripada kutipan transkrip temu bual kajian di atas menunjukkan bahawa “SA” melibatkan diri kendirinya dalam proses amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak. Beliau berpandangan bahawa penglibatan diri kendirinya dalam proses amalan akhlak adalah perkara yang asas. Beliau menempatkan diri kendirinya sebagai subjek dalam proses amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat bukan sebagai pengawas dalam amalan akhlak. Guru besar sebagai subjek amalan akhlak bermakna guru besar mengambil peranan yang lebih besar dalam proses amalan akhlak. Sebaliknya, guru besar sebagai objek (pengawas) dalam amalan akhlak memberi peranan kepada orang lain yang

minimum dalam proses amalan akhlak kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kesedaran dalam menjalankan amalan akhlak di sekolah.

Proses kefahaman dalam amalan akhlak guru besar melalui pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak yang telah dijalankan oleh “SA” seperti mana program akademik dalam nota buku harian guru besar semasa di sekolah seperti ditunjukkan dalam jadual 16. di bawah ini.

Jadual 16.: Nota buku Harian Guru besar

Guru besar	Tema	Proses Pembiasaan
“DS”	(1) Akhlak Mahmudah (2) Akhlak Mazmumah	Pembiasaan menjalankan berasaskan akal sihat dan syarak Pembiasaan menjauhi berasaskan Akal sihat dan syarak

Daripada jadual 4.11 di atas menunjukkan bahawa sebelum “SA” menjalankan amalan akhlak mulia di sekolah, beliau telah membuat nota buku harian secara tertulis dengan proses pembiasaan berasaskan akal sihat dan bersendikan syarak. Hal ini dapat dilihat mengenai semua aktiviti yang dijalankan oleh semua warga sekolah semasa ada di sekolah, seperti hafazan surat-surat pendek, doa-doa keseharian, praktek wudhuk, praktek solat berjamaah dalam keseharian (dhuha dan zuhur), praktek membaca al-Quran (Buku Pedoman/AY004/SA/14/2/2012)

Proses pembiasaan berasaskan akal sihat yang telah dijalankan oleh “DS” menggunakan uswah hasanah, iaitu contoh teladan dengan kesedaran sendiri (Pemerhatian:PAA 1/AY004/SA/14/2/2012). Namun demikian, dalam proses tersebut memerlukan sabar untuk mengawal diri daripada maksiat. Dengan proses pembiasaan berasaskan akal sihat ini, beliau dilihat kurang memberi kesempatan kepada semua warga sekolah untuk terlibat secara aktif dalam pembiasaan dalam amalan akhlak berasaskan akal sihat dan bersendikan syarak. Namun demikian, beliau menginginkan adanya kesedaran sendiri dalam proses pembiasaan tersebut.

Hal ini dapat disimak daripada pemerhatian proses pembiasaan ini, seperti yang berikut:

“SA” meminta semua warga sekolah menjalankan aktiviti pembiasaan, seperti hafazan surat-surat pendek, doa-doa harian, praktek wudhuk, praktek solat berjamaah, dan membaca al-Quran dapat dijalankan dengan kesedaran sendiri dan bersendikan syarak sehingga ada yang menjalankan dan ada yang tidak menjalankan (Pemerhatian: PAA 2/AY004/SA/28/2/2012).

Selain itu, guru besar “SA” mempunyai kefahaman bahawa seseorang yang melakukan sesuatu aktiviti melalui pembiasaan maka seseorang itu telah mempunyai kesedaran sendiri yang baik dan kefahaman syarak yang baik. Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Saya lebih menekankan pentingnya pembiasaan melalui proses kesedaran sendiri dan syarak daripada pemaksaan kepada diri sendiri atau kepada semua warga sekolah. Sebelum kepada kesedaran sendiri, seseorang itu hendaknya mempunyai ilmu agama atau mempelajari ilmu agama sehingga ia faham untuk apa dirinya ada dalam kehidupan ini dan untuk apa adanya petunjuk Allah dan Nabi saw dalam kehidupannya. Bermula dari kefahaman itu maka ia juga akan faham tentang tujuan hidupnya di dunia ini (J/SA/AY004/28/2/2012)

Reasoning, Research dan Religy

Bagi guru besar “AD” proses kefahaman akhlak, baik akhlak mahmudah mahupun akhlak mazmumah adalah perkara yang mustahak. Namun proses kefahaman ini bukan sahaja dapat diperoleh oleh warga sekolah melalui aktiviti berpikir (*reasoning*) dan riset (*research*) tetapi ia mestilah melalui agama yang merupakan ajaran ilahi dalam bentuk wahyu al-Quran dan sunah Nabi saw. Setelah itu baru bolehlah diperoleh melalui berpikir dan riset, baik di persekitaran sekolah semasa berinteraksi antar warga sekolah mahupun di persekitaran masyarakat semasa berinteraksi antar keluarga dan warga masyarakatnya. Secara terperinci, pandangan “AD” dapat disimak dalam kutipan transkrip temubual kajian seperti yang berikut:

Proses kefahaman akhlak bagi warga sekolah dapat diperoleh melalui bermula agama iaitu wahyu ilahi berupa al-Quran dan sunah Nabi saw. Menurutny, al-Quran dan sunah Nabi saw sebagai panduan (ibarat

seseorang nak kerjakan soalan matematika maka ia perlu rumus matematika) dalam melakukan aktiviti berpikir dan riset dalam kehidupannya di persekitaran sekolah semasa mereka berinteraksi bersama-sama. Dengan kata lain, semua warga sekolah dapat memperoleh kefahaman akhlak bermula melalui quran dan sunah Nabi saw lalu diikuti aktiviti berpikir dan riset di setiap tempat di persekitaran sekolah, bukan hanya di bilik darjah sahaja melainkan pula di semua tempat yang ia hadapi. Oleh itu, saya memberikan kesempatan yang lebih luas kepada warga sekolah untuk mengkaji kefahaman akhlak melalui quran dan sunah Nabi saw dalam pelbagai kesempatan seperti di masjid, di internet dan lain sebagainya (TB 2/AD001/BH/18/1/2012)

Daripada kutipan transkrip temubual kajian diatas menunjukkan bahawa “AD” memberikan kesempatan yang lebih luas kepada warga sekolah untuk mempertingkatkan kefahaman akhlak melalui pengajaran quran dan hadits Nabi saw di masjid, internet dan lain sebagainya. Selain itu, guru besar “AD” telah merancang dan menjalankan cara supaya warga sekolah mempertingkatkan kefahaman akhlak melalui asas “Triple R” iaitu *Religy*, *Reasoning*, dan *Research*, seperti dapat disemak daripada pemerhatian kefahaman akhlak yang berikut:

Proses kefahaman bermula daripada religy seperti meyakini, mengagumi ciptaan ilahi, dan mempertingkatkan keimanan. Lalu *reasoning* dengan soalan seperti apa yang sedang terjadi? Bagaimana terjadinya? Kenapa itu boleh terjadi? Bagaimana kalau diubah? Apa yang terjadi? Kemudian yang terakhir adalah *research* menggunakan kaedah penyelidikan seperti menangkap gejala, menduga, membuktikan, membuat rumusan, dan mengembangkan. (Pemerhatian: PPS 02/BH002/AD/18/1/2012)

Daripada data temu bual dan pemerhatian di atas, guru besar “AD” memulakan al-Quran dan hadits Nabi saw sebagai asas dalam aktiviti amalan akhlak bagi setiap muslim. Al-Quran dan hadits Nabi saw ditempatkan sebagai panduan atau rumus seperti rumus matematika bagi setiap orang yang akan mengerjakan soalan matematika. Hal ini sesuai dengan latar belakang pendidikan beliau yang merupakan alumni jabatan matematika. Selain itu, jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Setiap pagi hari, wajib bagi saya dan warga sekolah sentiasa membaca al-Quran dan hadits Nabi saw sebelum memulakan aktiviti pekerjaan mengajar atau lainnya. Kerana al-Quran dan hadits yang telah dibacanya diharapkan dapat menjadi petunjuk atau pedoman dalam amaliyah keseharian semasa di sekolah. Bagi saya, guru dan kakitangan di sekolah melakukannya sebelum masa sekolah bermula. Sedang bagi siswa dilakukan sebelum masa pembelajaran bermula. Al-Quran yang dibaca sesuai dengan tema yang ada dalam quran terjemahnya, sedang hadits hanya satu hadits sahaja setiap harinya (J/AD/BH001/17/1/2012).

Bagi guru besar “AJ” proses kefahaman akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah adalah perkara yang mustahak. Namun proses kefahaman ini bukan sahaja dapat diperoleh oleh warga sekolah di bilik darjah malahan juga dapat diperoleh di persekitaran sekolah semasa berinteraksi antar warga sekolah. Secara terperinci, pandangan “AJ” dapat disemak dalam kutipan transkrip temubual kajian seperti yang berikut:

Proses kefahaman akhlak bagi warga sekolah dapat diperoleh tidak hanya di bilik darjah sahaja malahan juga dapat diperoleh di persekitaran sekolah semasa mereka berinteraksi bersama-sama. Dengan kata lain, semua warga sekolah dapat memperoleh kefahaman akhlak di setiap tempat di persekitaran sekolah, bukan hanya di bilik darjah sahaja. Oleh itu, saya memberikan kesempatan yang lebih luas kepada warga sekolah untuk mengkaji kefahaman akhlak dalam pelbagai kesempatan seperti di masjid, di internet dan lain sebagainya (TB 2/SB002/AJ/17/1/2012)

Daripada kutipan transkrip temubual kajian diatas menunjukkan bahawa “AJ” memberikan kesempatan yang lebih luas kepada warga sekolah untuk mempertingkatkan kefahaman akhlak melalui pengajaran di masjid, internet dan lain sebagainya. Selain itu, guru besar “AJ” telah merancang dan menjalankan cara supaya warga sekolah mempertingkatkan kefahaman akhlak melalui asas “Triple R” iaitu *Reasoning*, *Research* dan *Religy*, seperti dapat disemak daripada pemerhatian kefahaman akhlak yang berikut:

Guru besar "AJ" telah membina kesedaran warga sekolah melalui proses amalan akhlak sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Hasilan daripada kefahaman adalah penghayatan dan pengalaman amalan akhlak dalam keseharian. Oleh itu, penghayatan akhlak penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan dan tindakan seseorang. Dan penghayatan akhlak yang baik menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sepertimana contoh daripada penghayatan akhlak yang baik adalah penghayatan kesyukuran dengan mengenang budi orang yang telah memberi pertolongan dan berterima kasih di atas pemberian orang lain. Disamping itu penghayatan kesyukuran juga ditunjukkan dalam aspek tidak merungut dan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah atau penyakit (TB 2/SB002/AJ/27/6/2012) baris ke 113-124

Selain itu, guru besar "AJ" memberi pandangan tentang pentingnya proses amalan akhlak terhadap aspek penghayatan akhlak dalam amalan akhlak, sepertimana data transkrip temubual kajian berikut:

Pandangan saya..... penghayatan akhlak peribadi dimana tahap penghayatan akhlak yang didapati daripada jenis-jenis tingkahlaku berakhlak yang terkandung dalam ertikata menghindarkan diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang keras dalam ajaran Islam (dosa besar) seperti larangan meminum minuman keras (beralkohol), larangan melakukan hubungan seks bebas dan larangan agar tidak menunjuk-

nunjuk dalam amalan (riya'). Begitu juga, tahap penghayatan akhlak yang juga didapati dalam perkara-perkara yang sering ditekankan dalam budaya kehidupan guru besar seperti amalan memelihara kebersihan pada diri, pakaian dan tempat serta memastikan makanan yang dimakan adalah halal selain dari penekanan kepada ikhlas dalam melakukan ibadat (TB 2/SB002/AJ/27/6/2012) baris ke 124-135

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Muraqabah dan muhasabah sentiasa saya lakukan bersama warga sekolah setiap pagi hari. Saya dan warga sekolah sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada muhasabah terhadap lingkungan persekitaran sekolah. Untuk aktiviti muraqabah, saya dan warga sentiasa melaksanakan solat fajar atau dhuha sebelum mula pelajaran di bilik darjah. Selain itu juga membaca al-qur'an sebagai aktiviti muraqabah yang utama setiap paginya (J/AJ/SB002/17/1/2012)

Guru besar "DS" memberi pandangan tentang pentingnya proses amalan akhlak terhadap aspek penghayatan akhlak dalam amalan akhlak, sepertimana data transkrip temubual kajian berikut:

Aspek penghayatan akhlak perlu diberi penekanan dalam proses amalan akhlak dalam setiap mata pelajaran di sekolah sepertimana saya juga memberi penekanan kepada aspek kefahaman akhlak dalam mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris (TB 2/AK003/DS/2/7/2012).

Daripada data transkrip temubual kajian diatas menunjukkan bahawa "DS" mengutamakan proses amalan akhlak di sekolah terhadap aspek penghayatan akhlak sepertimana keutamaan dalam proses pembiasaan akhlak. Kedua-duanya ini diberi penekanan dan tumpuan secara seimbang oleh beliau dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak, guru besar "DS" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 07.00-08.30 mula hari isnin sehingga sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, dan program pembiasaan

(upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah) (Buku panduan akademik 2011/AK003).

Guru besar "DS" telah membina kesedaran warga sekolah melalui proses amalan akhlak sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Hasil daripada kefahaman adalah penghayatan dan pengalaman amalan akhlak dalam keseharian. Oleh itu, penghayatan akhlak penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan dan tindakan seseorang. Dan penghayatan akhlak yang baik menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sepertimana contoh daripada penghayatan akhlak yang baik adalah penghayatan kesyukuran dengan mengenang budi orang yang telah memberi pertolongan dan berterima kasih di atas pemberian orang lain. Disamping itu penghayatan kesyukuran juga ditunjukkan dalam aspek tidak merungut dan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah atau penyakit (TB 2/AK003/DS/2/7/2012).

Selain itu, guru besar "DS" dalam membina penghayatan amalan akhlak bagi diri sendiri dan semua warga sekolah mencuba membuat "kuburan akhlak", sepertimana dalam hasil pemerhatian pengkaji terhadap peristiwa yang berikut:

Saya dalam pembinaan penghayatan amalan akhlak bagi semua warga sekolah menciptakan "kuburan akhlak". Kuburan akhlak ini terjadi kerana ada 13 pelajar yang diberi hukuman. Pelajar tersebut diminta membuat lobang yang serupa dengan lobang kuburan untuk mayit. 13 pelajar tersebut diminta menulis tulisan yang berisi bahawa mereka tidak akan melakukan akhlak mazmumah lagi. Setelah itu tulisannya dikubur dalam lobang itu. Dalam proses mengubur dibacakan solawat sehingga 13 pelajar tersebut sentiasa mengenang kejadian itu untuk masa yang panjang (Pemerhatian PPAP DS003/AK003/3/7/2012)

Bukti pemerhatian di atas telah didokong oleh adanya jurnal beliau yang mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Setiap pagi hari, saya dan warga sekolah sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada amalan akhlak ulul albab terutama implementasi daripada surah Ali Imron ayat 190 di atas. (J/DS/AK003/17/1/2012)

Guru besar "SA" telah memberi penekanan dan tumpuan kepada proses amalan akhlak terhadap aspek penghayatan akhlak, sepertimana dalam data temubual berikut:

Aspek penghayatan akhlak boleh menjadi asas yang kukuh bagi seseorang individu untuk membuat perlbagai muhasabah dan pembiasaan akhlak dalam kehidupannya. Misalnya, seorang pelajar merasa diawasi dan merasa malu atau merasa bersalah kalau tidak berlaku disiplin dan teratur di kelas, di rumah dan di persekitaran sekolah atau masyarakat. Dengan asas yang kukuh ini, seseorang merasa ada kewajipan untuk berakhlak yang mahmudah sama ada kepada diri sendiri, orang lain dan persekitaran alam (TB 2/AY004/SA/28/6/2012)

Guru besar "SA" telah membina kesedaran warga sekolah melalui proses amalan akhlak sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Penghayatan akhlak penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan dan tindakan seseorang. Dan penghayatan akhlak yang baik menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sepertimana contoh daripada penghayatan akhlak yang baik adalah selalu ucap terima kasih kepada kawan yang menolong dan yang memberi sesuatu dan berdoa kepada Allah apabila ditimpa musibah serta berusaha dan bersabar (TB 2/AY004/SA/28/6/2012)

Mengenai pentingnya aspek penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak, guru besar "SA" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 06.30-07.00 mula hari isnin sehingga sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, hafazan surah pendek dan doa harian dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah) (Buku panduan akademik 2012/AY004).

Guru besar "SA" memberi pandangan pula dalam proses penghayatan amalan akhlak di sekolah, seperti berikut:

Ya... saya perlu memberi prioriti dalam proses amalan akhlak di sekolah. Semua dibina kesedaran atau penghayatan untuk berkewajipan berbuat baik kepada semua orang. Kalau semua warga sekolah merasa terpanggil

untuk berakhlak mahmudah maka amalan akhlak itu akan mudah diwujudkan dalam kehidupan keseharian. Tugas ini tidaklah mudah bagi semua warga sekolah, namun demikian saya perlu memberi penekanan secara maksimum dalam proses penghayatan amalan akhlak. Aspek ini menjadi asas daripada pengalaman/pembiasaan amalan akhlak selain daripada kefahaman amalan akhlak (TB 2/AY004/SA/28/6/2012)

Bagi guru besar "SA" aspek penghayatan dalam amalan akhlak merupakan satu bahagian utama, selain daripada aspek kefahaman dan pembiasaan dalam proses amalan akhlak. Mengikuti beliau, aspek penghayatan dalam amalan akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek kefahaman dan pembiasaan amalan akhlak. Malahan aspek ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan pembiasaan akhlak guru besar dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak guru besar di sekolah.

Guru besar "SA" telah membuat program pelaksanaan aktiviti penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak di sekolah bersama warga sekolah. Program aktiviti solat dhuha dan zuhur berjamaah, praktik membaca al-qur'an setiap hari yang mempunyai kompetensi asas yang hendak dicapai adalah agar semua warga sekolah sedar tentang pentingnya ibadah dalam kehidupan seharian (Buku panduan 2011/SA004/AY004)

Satu perkara yang telah menjadi perhatian oleh guru besar "SA" adalah proses penghayatan akhlak dalam wujud akhlak menghormati kepelbagaian pandangan daripada warga sekolah, sepertimana dapat dirujuk kepada transkrip temu bual kajian yang berikut:

Ya....dalam hidup ini kita mesti menghormati kepelbagaian pandangan daripada orang lain. Dalam proses ini berlaku pandangan yang berbeza-beza, disinilah pentingnya proses penghayatan bagi memahami dan merasai setiap pandangan yang berbeza daripada pandangan orang lain (TB 2/AY004/SA/29/6/2012)

Guru besar "SA" termasuk seorang guru besar yang tegas, sehingga kadang-kadang suasana yang berlaku dalam proses penghayatan di sekolah adalah suasana kurang mesra, hangat dan harmoni. Hal ini berlaku ketika beliau telah menjalankan proses penghayatan akhlak dengan fokus berkaitan akhlak disiplin, kerja keras, tekun, ulet dan teliti, bertanggung jawab. Ketika proses upacara setiap hari isnin di lapangan sekolah telah dijalankan oleh beliau adalah berlaku formal dan kaku sehingga suasana di lapangan sekolah tidak dapat menggalakkan semua warga sekolah untuk mencurahkan pelbagai gagasan pemikiran (Pemerhatian: PPAP PAA04/AY004/SA004/1/7/2012). Di sebalik itu, beliau termasuk salah seorang guru besar yang mudah untuk memberi pujian dan ucapan terima kasih kepada warga sekolah yang dapat menyelesaikan tugas dengan baik. Ketika kumpulan guru selesai membentangkan hasil perbincangan di hadapan peserta mensyuarat, beliau memberi tepukan sebagai pujian kepada guru dan kemudian diikuti oleh semua peserta mensyuarat yang lainnya (Pemerhatian: PPAP PAA04/AY004/SA004/1/6/2012)

Bukti pemerhatian yang dimiliki SA didokong pula dengan adanya jurnal beliau yang mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Menurut saya muraqabah dan muhasabah sebagai aspek daripada aktiviti penghayatan dalam amalan akhlak. Seperti setiap pagi hari, saya dan warga sekolah sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada penghayatan amalan akhlak . Muraqabah sebagai aktiviti mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti arahan ibadah mahdhah dan ghairu mahdhah. Untuk muhasabah dapat dilaksanakan oleh seseorang untuk mengoreksi dirinya agar tidak menjadi sombong dalam segala perilakunya (J/SA/AY004/17/1/2012)

Selain itu, guru besar "AD" telah memberi penekanan dan tumpuan dalam proses penghayatan akhlak melalui mendekatkan diri kepada Allah (*muraqabah*)

dan mengoreksi diri atau kawalan diri (*muhasabah*). Hal ini dapat dilihat daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Di persekitaran sekolah semua warga sekolah tidak boleh merokok dan tidak menggunakan dadah. Ini bahagian daripada kawalan diri (*muhasabah*) bagi semua warga sekolah. Selain itu, kawalan diri semua warga sekolah adalah tidak boleh melakukan kecederaan kepada orang lain dengan pelbagai aktiviti yang dapat menyakitkan hati orang lain, pergaduhan dan pergaulan bebas. Kawalan diri menjaga sikap dan akhlak yang baik kepada sesiapa sahaja di sekolah. Sedangkan Muraqabah memberi kesan yang positif kepada pembinaan akhlak. Ini kerana ia adalah salah satu cara yang efektif untuk seseorang individu sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap perkara, sama ada bersifat fizikal, cara berfikir, perasaan, atau jiwa. Ia merangsang jiwa agar sentiasa waspada kerana Allah Maha Memerhati, Maha Melihat, dan Maha Mengetahui segala rahsia yang tidak dapat dijangkau oleh pandangan kasar manusia atau bisikan hati yang tersimpan dalam dada manusia (TB 2/BH001/AD/3/5/2012)

Daripada data temubual kajian di atas menunjukkan bahawa guru besar "AD" telah memberi penekanan dan tumpuan kepada aspek *muhasabah* dan *muraqabah*, terutama kawalan diri warga sekolah dan rasa mendekatkan diri kepada Allah di sekolah. Menurut "AD" *muhasabah* dan *muraqabah* menjadi asas bagi seseorang untuk berakhlak dan bertindak dengan baik kepada orang lain di mana sahaja. Beliau menjalankan proses ini sesuai dengan tata tertib sekolah yang telah ditetapkannya. Ini adalah bentuk penghayatan akhlak melalui *muhasabah* dan *muraqabah* yang mesti dijalankan dan dijaga secara berterusan oleh semua warga sekolah.

Guru besar "AJ" telah memberi penekanan *muraqabah* dan *muhasabah* kepada kawalan diri warga sekolah sepertimana dapat dirujuk dalam transkrip program aktiviti guru besar dan sekolah dengan menekankan akhlak sabar dalam mengawal diri pada akhlak mazmumah. Matlamat asas yang hendak dicapai dalam proses ini adalah semua warga dapat mengawal diri daripada akhlak mazmumah dalam kehidupan seharian (Buku Panduan 2011/SB002/AJ)

Selain itu, guru besar "AJ" juga telah menekankan dan menumpukan aspek muraqabah dan muhasabah kepada semua warga sekolah, sepertimana dalam transkrip temubual kajian berikut:

Ya... semua sikap dan kesedaran kita untuk mengawal diri melalui muraqabah daripada akhlak mahmudah dan muhasabah daripada akhlak mazmumah perlu ditanamkan secara berterusan dan diamalkan secara nyata oleh semua warga sekolah di sekolah, misalnya mengawal diri daripada menghindarkan akhlak mazmumah dengan orang lain. Kalau setiap warga sekolah dapat menjaga akhlak ini, maka akhlak saling menghormati kepada orang lain akan dapat diwujudkan dalam kehidupan keseharian di sekolah mahupun di luar sekolah (TB 2/SB002/AJ/17/5/2012)

Selain itu, guru besar "AJ" juga telah memberi penekanan dan tumpuan kepada muhasabah dan muraqabah melalui kawalan diri, sepertimana dapat dirujuk dalam temubual kajian berikut:

Muraqabah dan muhasabah melalui kawalan diri adalah teras daripada proses penghayatan akhlak guru besar. Sebahagian besar akhlak mazmumah berpunca daripada ketidak upaya seseorang daripada muraqabah dan muhasabah melalui kawalan diri. Oleh itu, saya memberi penekanan aspek ini dalam proses penghayatan akhlak saya di sekolah (TB 2/SB002/AJ/17/5/2012)

Bagi membina kesedaran akhlak kepada semua warga sekolah, guru besar "DS" memberi maklum balas secara konstruktif kepada warga sekolah sedangkan seseorang warga sekolah bertindak tidak sopan kepada rakan kerjanya yang lain. Dalam hal ini, dapat dilihat daripada pemerhatian dalam proses berinteraksi, seperti berikut:

Ada satu kakitangan memanggil rakan kerjanya dengan bahasa yang tidak santun, iaitu gudel...sini del.... duduk di dekat saya. Seterusnya, rakan kerjanya pun membalas memanggil dengan bahasa yang tidak santun pula, iaitu tidak mahu mbel....gembel... Seterusnya, guru besar "DS" memberi nasihat kepada kedua-duanya, "kata-kata yang tuan ucapkan itu adalah tidak sopan.... tidak baik. Mengapa tuan tidak memanggil namanya sahaja dengan bahasa yang sopan dan santun? Ajaran Islam meminta kepada kita untuk berbuat yang baik kepada sesiapa sahaja dalam berinteraksi keseharian. Nasihat saya ini berlaku untuk semua warga sekolah, kata "DS" kepada semua warga sekolah. kepada kedua-duanya, tolong perlakuan ini jangan diulangi (Pemerhatian: PPP AAP3/AK003/DS/6/7/2012)

Daripada data transkrip pemerhatian terhadap proses penghayatan akhlak melalui muhasabah dan muraqabah di persekitaran sekolah di atas menunjukkan bahawa "DS" benar-benar menggalakkan dan mewujudkan kawalan diri warga sekolah. Hal ini dibuktikan oleh beliau ketika salah seorang kakitangan nya tidak dapat mengawal dirinya, iaitu memanggil rakan kerjanya dalam satu kelompok kerja dengan bahasa yang tidak sopan dan santun, maka beliau secara langsung memberi maklum balas secara konstruktif bagi pihak kakitangan. Proses penghayatan akhlak melalui kawalan diri yang demikian ini akan mudah memberi kesan positif dan kuat bagi kakitangan untuk mengamalkan kawalan diri dalam kehidupan secara sebenar. Selain itu, maklum balas yang bersifat konstruktif ini akan dapat membina kesedaran warga sekolah untuk berakhlak mahmudah secara kukuh.

Menurut guru besar "DS" tujuan daripada pengawalan diri ini adalah supaya seseorang dapat berakhlak sopan dan santun kepada semua warga sekolah (TB 2/AK003/DS/6/7/2012) baris 170-176. Berdasarkan kepada data transkrip temubual di atas menunjukkan bahawa guru besar "DS" telah memberi penekanan dan tumpuan kepada amalan penghayatan akhlak melalui kawalan diri daripada akhlak yang tidak menghormati orang lain. Kawalan diri ini bertujuan untuk membina akhlak sopan dan santun kepada semua warga sekolah. Kawalan diri adalah kemampuan untuk menegah diri sendiri daripada akhlak mazmumah kepada orang lain. Kawalan diri ini merupakan bahagian penting daripada penghayatan akhlak yang perlu dijaga secara berterusan. Kemampuan untuk memelihara kawalan diri bukanlah sesuatu perkara yang mudah dalam kehidupan keseharian di sekolah. Misalnya, kawalan diri untuk menghindari akhlak mazmumah berupa marah kepada orang lain. Pepatah mengatakan bahawa semua orang dapat berakhlak mazmumah berupa marah kepada orang lain, apabila tidak marah bukan manusia. Namun berperilaku marah kepada orang yang tepat, pada masa yang tepat, dan dengan cara

yang tepat adalah merupakan sesuatu perkara yang tidak mudah diamalkan dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Guru besar "SA" memberi penekanan kepada kawalan diri kepada semua warga sekolah mengenai disiplin. Ketika ada beberapa pelajar dan guru terlambat untuk mengikuti proses upacara di lapangan sekolah maka "SA" memberi nasihat kepada mereka supaya tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. nasihat itu ditekankan dan ditumpukan kepada semua warga sekolah (Pemerhatian: PPP AAP2/SA/AY004/18/6/2012).

Selain itu, guru besar "SA" membuat sebuah tulisan besar untuk menghindari semua warga sekolah dalam hal ketibaan di sekolah supaya tidak lambat, seperti data transkrip temubual berikut:

Saya telah membuat tulisan "alhamdulillah saya tiba di sekolah tidak lambat". Tulisan ini dibuat membawa maksud supaya sesiapa sahaja yang membacanya dapat memahami bahawa penghayatan disiplin melalui kawalan diri sangat penting (TB2/AY004/SA/14/7/2012)


Kawalan diri merupakan sebahagian daripada aspek penghayatan akhlak melalui muraqabah dan muhasabah. Aspek ini perlu diberi penekanan dalam proses penghayatan akhlak. Oleh itu, mengenai pentingnya kawalan diri bagi semua warga sekolah, guru besar "SA" memberi penjelasan seperti berikut:

Di sekolah ini, semua warga sekolah ditekankan untuk menjalankan pengawalan diri sebaik-baiknya. Kawalan diri lebih ditekankan kepada menghindarkan perilaku daripada merokok, pergaduhan, penggunaan dadah dan pergaulan bebas. Bagi menjaga kawalan diri warga sekolah yang lebih baik, semua warga sekolah sentiasa diberi nasihat supaya dapat menghindarkan daripada akhlak mazmumah (TB2/AY004/SA/14/6/2012)

Berdasarkan kepada data transkrip temubual di atas menunjukkan bahawa guru besar "SA" sangat memberi penekanan kepada kawalan diri semua warga sekolah agar dapat menghindarkan daripada semua bentuk akhlak mazmumah. Beliau telah memberi arahan, nasihat dan bimbingan kepada semua warga sekolah untuk menjaga

kawalan diri daripada akhlak mazmumah yang tidak diingini berlaku samaada di persekitaran sekolah mahupun di luar sekolah.

Said Hawwa (1983: 5-6) ketika mengintisarikan kandungan Ihya' 'Ulum al-Din al-Ghazali menyebut bahawa tazkiyyah merupakan pembersihan jiwa dan pembentukan akhlak (dengan hasil jiwa yang bersih itu), melalui cara-cara yang diperintahkan oleh syarak. Hasil tazkiyyah memberikan kesan positif kepada akhlak seseorang sama ada dalam melaksanakan hubungan menegaknya dengan Allah atau hubungan merentasnya dengan makhluk. Amalan akhlak yang dimaksudkan adalah tutur kata atau gerak geri anggota badan yang selaras dengan kehendak Allah. Justeru itulah al-Ghazali dalam ketiga-tiga karya tersebut menggariskan cara-cara atau saluran untuk mencapai pembersihan jiwa (termasuk akhlak) melalui ibadat seperti solat, puasa, zikir, bertafakkur, membaca al-Qur'an, qiyam al-lail, bermuhasabah, mengingati mati di samping mengukuhkan hati dengan tauhid, ikhlas, sabar, syukur, takut dan harap kepadaNya, lemah lembut, jujur serta menjauhi dan merawat segala penyakit hati seperti riya', ujub dan lain-lain sifat keji kerana boleh menjejaskan ibadah seseorang (al-Ghazali, 2004: 237-249). Berdasarkan pandangan-pandangan al-Ghazali, antara pendekatan program yang perlu diberi perhatian ialah pengimarahkan surau-surau, musolla, masjid dan Pusat Islam di dalam sekolah dengan solat berjamaah, pengisian tazkirah (peringatan), kajian agama, penganjuran berbuka puasa sunat beramai-ramai (Isnin dan Khamis), halaqah membaca al-Quran atau tadarrus, termasuk halaqah ilmu untuk membincangkan pengajaran dari al-Quran dan Hadis dengan kendalian moderator yang berkemampuan di kalangan warga sekolah. Selain itu, pengawalan tingkah laku dan akhlak dari segi akhlak berpakaian dan pergaulan harus diberi perhatian semula sebagai langkah membentuk disiplin dan saksiah semua warga sekolah.



Rajah 17.: Proses Penghayatan dalam amalan Akhlak melalui Muraqabah dan Muhasabah

Penggunaan Pengalaman dalam Amalan Akhlak melalui Riyadhah di Sekolah

Mujahadah

Guru besar "AD" yang telah menjalankan amalan akhlak di sekolah "BH001" memberi pandangan mengenai proses penggunaan pengalaman dalam amalan akhlak melalui riyadah mengenai mujahadah, sepertimana dirujuk kepada data daripada transkrip temubual yang berikut:

Guru besar mestilah memberi penekanan erti pentingnya mujahadah dalam menjalankan akhlak yang baik dan menjauhi akhlak yang tidak baik. Aspek mujahadah ini sama pentingnya dengan aspek akhlak daripada segi kefahaman mahupun keimanan dalam akhlak. Saya selalu mendorong warga

sekolah daripada segi mujahadah ini, misalnya warga sekolah mestilah harus ikut merasa terpanggil dan berkewajipan untuk berakhlak mulia sesuai dengan ajaran agama Islam. Mujahadah ini sebagai wujud kesungguhan dalam akhlak seseorang ini amat penting bagi menggalakkan pembiasaan akhlak dalam kehidupan seharian (TB 2/BH001/AD/26/6/2012) baris 105-114.

Berasaskan kepada data transkrip temubual diatas menunjukkan bahawa "AD" memberi penekanan dan tumpuan secara seimbang antara proses mujahadah, kefahaman akhlak, penghayatan akhlak dan pembiasaan akhlak. Beliau mendorong kepada semua warga sekolah untuk membina kesedaran akhlak melalui mujahadah supaya berakhlak mulia kepada orang lain sesuai dengan ajaran agama Islam. Bentuk kesedaran ini dibina untuk menggalakkan pembiasaan akhlak mulia dalam kehidupan seharian.

Mengenai pentingnya aspek mujahadah dalam menjalankan akhlak ini, terutama dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AD" telah membuat rancangan aktiviti dan program keimanan dan ketaqwaan (IMTAQ). Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina mujahadah akhlak adalah aktiviti bakti sosial, pesantren, hidup bersama anak yatim dan piatu, pondok ramadan, dan lain sebagainya. Selain itu, ada aktiviti berupa solat dhuha dan membaca al-Quran (Rancangan: Guru besar AD/BH001/26/6/2012)

Selain itu, guru besar "AD" dalam proses mujahadah akhlak sepertimana dalam pemerhatian terhadap proses amalan akhlak tawaduk di bilik mensyuarat seperti berikut:

Tadi peserta mensyuarat pasti menunggu dalam kondisi yang resah kerana saya tak pasti mau datang ke bilik mensyuarat pukul berapa, dan saya tidak memberi maklumat kepada sesiapaupun sebelumnya. Sesiapaupun menunggu adalah sesuatu aktiviti yang tidak menyenangkan termasuk peserta mensyuarat menunggu saya untuk memulakan proses mensyuarat. Walaupun ada tetamu tiba secara mendadak, saya tetap mujahadah untuk mentaati waktu mensyuarat (Pemerhatian Persyuaratan: PPP AAP01/BH001/AD/3/2/2012)

Daripada data transkrip pemerhatian dalam proses aktiviti mensyuarat di bilik mensyuarat bahawa guru besar "AD" sangat memahami apa yang difikirkan dan dirasakan oleh peserta mensyuarat apabila guru besar terlambat dalam mensyuarat. Maka dengan mujahadahnyanya, guru besar "AD" berusaha untuk tidak terlambat dalam mensyuarat, walaupun beliau ada tetamu yang tidak dirancang sebelumnya. Beliau menggambarkan mujahadahnyanya dengan memahami dan merasai segala sesuatu perkara daripada perspektif orang lain. Menurut beliau, mujahadah dalam konteks amalan akhlak adalah merupakan elemen yang penting kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kefahaman dan penghayatan yang lebih luas bukan sahaja mengikut kefahaman dan penghayatannya sendiri melainkan mengikut kefahaman dan penghayatan orang lain. Proses mujahadah ini perlu difikirkan dan diwujudkan secara nyata oleh semua warga sekolah dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Guru besar "AD" termasuk guru besar yang mudah bergaul dan fleksibel serta sentiasa senyum kepada orang yang dijumpainya. Selain itu, beliau sentiasa memberi ucapan terima kasih dan mudah memberikan hadiah tepukan kepada warga sekolah selepas membentangkan hasil perbincangan di bilik mensyuarat. Setiap perkumpulan peserta mensyuarat telah selesai membentangkan hasil perbincangan, beliau selalu memberi ucapan terima kasih dan bertepuk tangan. Hal ini beliau lakukan dengan mujahadah agar para warga sekolahnya dapat mengambil pelajaran dari setiap kejadian bersamanya (Pemerhatian: PPP AAP01/BH001/AD/18/5/2012)

Bukti pemerhatian dan temu bual guru besar AD telah didokong juga dengan jurnal beliau yang mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Setiap pagi hari, saya dan warga sekolah sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian daripada mujahadah dalam amalan akhlak ulul albab terutama implementasi daripada surah Ali Imron ayat 190 di atas. (J/AD/BH001/19/1/2012)

Guru besar "AJ" telah memberi pandangan dalam proses mujahadah dalam amalan akhlak, seperti berikut:

Ya... tentu sahaja perlu diberi prioriti dalam proses amalan akhlak. Semua warga sekolah perlu dibina mujahadahnya berupa kesedaran untuk berkewajipan berakhlak mahmudah kepada orang lain. Kalau setiap warga sekolah merasa terpacu untuk sungguh-sungguh berakhlak mahmudah maka amalan akhlak itu akan mudah diwujudkan dalam kehidupan seharian. Tugas ini tidaklah mudah bagi saya dan para guru, namun demikian kami perlu memberi penekanan secara maksimum dalam proses amalan akhlak di sekolah. Aspek ini menjadi asas daripada pembiasaan akhlak selain daripada kefahaman akhlak (TB 2/SB002/AJ/28/6/2012) baris ke 113-120

Bagi guru besar "AJ" aspek mujahadah akhlak merupakan satu bahagian utama, selain daripada aspek kefahaman dan pembiasaan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Mengikut beliau, aspek mujahadah akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek mujahadah akhlak dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek kefahaman dan pembiasaan akhlak. Malahan aspek mujahadah ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan pembiasaan akhlak warga sekolah dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek mujahadah akhlak ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AJ" telah membuat rancangan aktiviti dan program pembinaan peribadi plus. Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina penghayatan akhlak adalah aktiviti mengaji, ibadah, dan tahfidzul Qur'an. Selain itu, ada aktiviti berupa penalaran dan abstraksi, bahasa Arab dan bahasa Inggris. Menurut guru besar "AJ", belajar bahasa Arab dan Inggris untuk membina kesungguhan berbahasa yang merupakan bahagian penting dalam mujahadah akhlak dalam sopan dan santun berbahasa (Rancangan: Guru besar AJ/SB002/28/6/2012)

Guru besar "AJ" telah membina akhlak warga sekolah melalui proses mujahadah dalam pembiasaan akhlak sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Hasilan daripada pembiasaan adalah mujahada dan pengalaman amalan akhlak dalam keseharian. Oleh itu, mujahadah dalam akhlak penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan dan tindakan seseorang. Dan mujahadah akhlak yang baik menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sepertimana contoh daripada mujahadah akhlak yang baik adalah pembiasaan kesyukuran dengan mengenang budi orang yang telah memberi pertolongan dan berterima kasih di atas pemberian orang lain. Disamping itu pembiasaan kesyukuran juga ditunjukkan dalam aspek tidak merungut dan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah atau penyakit (TB 2/SB002/AJ/28/6/2012) baris ke 124-135

Selain itu, guru besar "AJ" memberi pandangan tentang pentingnya proses mujahadah akhlak terhadap aspek penghayatan akhlak dalam amalan akhlak, sepertimana data transkrip temubual kajian berikut:

Pandangan saya..... mujahadah akhlak peribadi dimana tahap mujahadah akhlak yang didapati daripada jenis-jenis tingkahlaku berakhlak yang terkandung dalam ertikata menghindarkan diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang keras dalam ajaran Islam (dosa besar) seperti larangan meminum minuman keras (beralkohol), larangan melakukan hubungan seks bebas dan larangan agar tidak menunjuk-nunjuk dalam amalan (riya'). Begitu juga, tahap mujahadah akhlak yang juga didapati dalam perkara-perkara yang sering ditekankan dalam budaya kehidupan guru besar seperti amalan memelihara kebersihan pada diri, pakaian dan tempat serta memastikan makanan yang dimakan adalah halal selain dari penekanan kepada ikhlas dalam melakukan ibadat (TB 2/SB002/AJ/28/6/2012) baris ke 135-150

Perkara di atas telah didokong dengan adanya jurnal AJ yang mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Setiap pagi hari, saya tiba lebih awal daripada yang lain kerana sebagai bentuk mujahadah saya terhadap sekolah. Dan saya sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada bentuk mujahadah dalam akhlak. Selain itu, saya juga pulang paling akhir sebagai bentuk mujahadah dan mahabbah saya kepada sekolah (J/AJ/SB002/18/1/2012)

Guru besar "DS" memberi pandangan tentang pentingnya proses mujahadah amalan akhlak terhadap aspek penghayatan akhlak dalam amalan akhlak, sepertimana data transkrip temubual kajian berikut:

Aspek mujahadah akhlak perlu diberi penekanan dalam proses amalan akhlak dalam setiap aktiviti di sekolah sepertimana saya juga memberi penekanan kepada aspek kefahaman akhlak dalam aktiviti mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris. Dengan mujahadah, saya akan sentiasa bersemangat dalam perjuangan hidup khususnya aktiviti mengajar dan memimpin sepertimana dalam mengerjakan ibadat terhadap Allah swt (TB 2/AK003/DS/3/7/2012).

Daripada data transkrip temubual kajian diatas menunjukkan bahawa "DS" mengutamakan proses mujahadah akhlak di sekolah terhadap aspek penghayatan akhlak sepertimana keutamaan dalam proses pembiasaan akhlak. Kedua-duanya ini diberi penekanan dan tumpuan secara seimbang oleh beliau dalam proses amalan akhlak di sekolah. Menurutnya, mujahadah dapat mendorong seseorang bersemangat dan terhindar daripada perasaan malas dalam melakukan aktiviti.

Mengenai pentingnya aspek mujahadah dalam proses amalan akhlak, guru besar "DS" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 07.00-08.30 mula hari isnin sehingga Sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren Ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah). Dalam menjalankan aktiviti tersebut diperlukan mujahadah agar seseorang mempunyai semangat (Buku panduan akademik 2011/AK003).

Guru besar "DS" telah membina kesedaran warga sekolah melalui proses mujahadah akhlak sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Hasil daripada mujahadah adalah adanya semangat dan hilangnya perasaan malas yang didorong oleh hawa nafsu dalam keseharian. Oleh itu, mujahadah penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan

dan tindakan seseorang. Dan mujahadah akhlak yang baik menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sepertimana contoh daripada mujahadah akhlak yang baik adalah berjuang atas kesyukuran dengan mengenang budi orang yang telah memberi pertolongan dan berterima kasih di atas pemberian orang lain. Disamping itu bersungguh-sungguh atas kesyukuran juga ditunjukkan dalam aspek tidak merungut dan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah atau penyakit (TB 2/AK003/DS/3/7/2012).

Selain itu, guru besar "DS" dalam membina mujahadah dalam amalan akhlak bagi diri sendiri dan semua warga sekolah mencuba membuat "kuburan akhlak", sepertimana dalam hasilan pemerhatian pengkaji terhadap peristiwa yang berikut:

Saya dalam pembinaan mujahadah dalam amalan akhlak bagi semua warga sekolah menciptakan "kuburan akhlak". Kuburan akhlak ini terjadi kerana ada 13 pelajar yang diberi hukuman. Pelajar tersebut diminta membuat lobang yang serupa dengan lobang kuburan untuk mayit. 13 pelajar tersebut diminta menulis tulisan yang berisi bahawa mereka tidak akan melakukan akhlak mazmumah lagi. Setelah itu tulisannya dikubur dalam lobang itu. Dalam proses mengubur dibacakan solawat sehingga 13 pelajar tersebut sentiasa mengenang kejadian itu untuk masa yang panjang dan bersungguh-sungguh untuk menjauhinya (Pemerhatian PPAP DS003/AK003/3/7/2012)

Jurnal DS yang mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini menjadi pendokong terhadap data pemerhatian dan temu bual di atas.

Mujahadah ertinya berjuang. Setiap pagi hari, saya dan warga sekolah sentiasa berjuang memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada amalan akhlak mulia dan harus berjuang bersungguh-sungguh dalam menjaganya. (J/DS/AK003/18/1/2012)

Guru besar "SA" memberi penekanan kepada mujahadah dalam menjalankan akhlak yang baik. Ketika ada beberapa pelajar dan guru terlambat untuk mengikuti proses upacara di lapangan sekolah maka "SA" memberi nasihat kepada mereka supaya tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. nasihat itu ditekankan dan ditumpukan kepada semua warga sekolah agar mujahadah dalam melaksanakan aktiviti sehingga tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. Menurutnya, hanya

dengan mujahadah maka lambat dalam ketibaan di sekolah tak akan terjadi lagi (Pemerhatian: PPP AAP2/SA/AY004/18/6/2012).

Selain itu, guru besar "SA" membuat sebuah tulisan besar untuk menghindari semua warga sekolah dalam hal ketibaan di sekolah supaya tidak lambat, seperti data transkrip temubual berikut:

Saya telah membuat tulisan "alhamdulillah saya tiba di sekolah tidak lambat". Tulisan ini dibuat membawa maksud supaya sesiapa sahaja yang membacanya dapat memahami bahawa mujahadah dalam menjalankan aktiviti yang baik sangat penting (TB2/AY004/SA/15/7/2012)

Mujahadah merupakan sebahagian daripada aspek pembiasaan akhlak melalui riyadhah atau latihan. Aspek ini perlu diberi penekanan dalam proses pembiasaan akhlak. Oleh itu, mengenai pentingnya mujahadah bagi semua warga sekolah, guru besar "SA" memberi penjelasan seperti berikut:

Di sekolah ini, semua warga sekolah ditekankan untuk menjalankan mujahadah sebaik-baiknya. Mujahadah lebih ditekankan kepada menghindarkan perilaku yang tidak baik seperti merokok, pergaduhan, penggunaan dadah dan pergaulan bebas. Bagi menjaga mujahadah warga sekolah yang lebih baik, semua warga sekolah sentiasa diberi nasihat supaya dapat menghindarkan daripada akhlak mazmumah (TB2/AY004/SA /15/6/2012)

Berdasarkan kepada data transkrip temubual di atas menunjukkan bahawa guru besar "SA" sangat memberi penekanan kepada mujahadah semua warga sekolah agar dapat menghindarkan daripada semua bentuk akhlak mazmumah. Beliau telah memberi arahan, nasihat dan bimbingan kepada semua warga sekolah untuk menjaga mujahadah daripada akhlak mazmumah yang tidak diingini berlaku samaada di persekitaran sekolah mahupun di luar sekolah.

Jurnal SA yang mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini menjadi pendokong terhadap data temu bual dan pemerhatian.

Di pagi hari diperlukan mujahadah yang pertama sekali dan menjadi factor pendokong bagi seseorang dalam melaksanakan aktiviti yang baik. Menurut saya, apabila seseorang bangun di pagi hari dengan mujahadah maka aktiviti selanjutnya akan mudah dan ringan. (J/SA/AY004/18/1/2012)

Tunjuk Cara

Guru besar "AD" yang telah menjalankan amalan akhlak di sekolah "BH001" memberi pandangan mengenai proses tunjuk cara dalam amalan akhlak mengenai riyadhah, sepertimana dirujuk kepada data daripada transkrip temubual yang berikut:

Guru besar mestilah memberi penekanan erti pentingnya riyadhah melalui tunjuk cara. Aspek tunjuk cara akhlak ini sama pentingnya dengan aspek akhlak daripada segi kefahaman mahupun pengalaman akhlak. Saya selalu mendorong warga sekolah daripada segi tunjuk cara akhlak ini, misalnya warga sekolah mestilah harus ikut merasa terpenggil dan berkewajipan untuk berakhlak mulia sesuai dengan ajaran agama Islam. Tunjuk cara ini sebagai wujud riyadhah akhlak seseorang ini amat penting bagi menggalakkan pembiasaan akhlak dalam kehidupan seharian (TB 2/BH001/AD/26/6/2012) baris 110-119.

Berasaskan kepada data transkrip temubual diatas menunjukkan bahawa "AD" memberi penekanan dan tumpuan secara seimbang antara proses kefahaman akhlak, penghayatan akhlak dan pembiasaan akhlak melalui tunjuk cara. Beliau mendorong kepada semua warga sekolah untuk membina pembiasaan akhlak melalui tunjuk cara supaya berakhlak mulia kepada orang lain sesuai dengan ajaran agama Islam. Bentuk tunjuk cara ini dibina untuk menggalakkan pembiasaan akhlak mulia dalam kehidupan seharian.

Mengenai pentingnya aspek tunjuk cara ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AD" telah membuat rancangan aktiviti dan program keimanan dan ketaqwaan (IMTAQ). Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina pembiasaan akhlak adalah aktiviti bakti sosial, pesantren, hidup bersama anak yatim dan piatu, pondok ramadan, dan lain sebagainya. Selain itu, ada aktiviti berupa tunjuk cara solat dhuha dan membaca al-Quran (Rancangan: Guru besar AD/BH001/27/6/2012)

Selain itu, guru besar "AD" dalam proses pembiasaan amalan akhlak melalui tunjuk cara sepertimana dalam pemerhatian terhadap proses amalan akhlak sabar di bilik mensyuarat seperti berikut:

Tadi peserta mensyuarat pasti menunggu dalam kondisi yang resah kerana saya tak pasti mau datang ke bilik mensyuarat pukul berapa, dan saya tidak

memberi maklumat kepada sesiapa pun sebelumnya. Sesiapa pun menunggu adalah sesuatu aktiviti yang tidak menyenangkan termasuk peserta mensyuarat menunggu saya untuk memulakan proses mensyuarat. Ini kerana ada tetamu tiba secara mendadak. Sekali lagi saya minta maaf kerana kesilapan saya untuk mentaati waktu mensyuarat dan semoga kesabaran bapa/ibu mendapat pahala dari Allah swt (Pemerhatian Persyuaratan: PPP AAP01/BH001/AD/3/2/2012)

Daripada data transkrip pemerhatian dalam proses aktiviti mensyuarat di bilik mensyuarat bahawa guru besar "AD" sangat memahami apa yang difikirkan dan dirasakan oleh peserta mensyuarat ketika mereka menunggu beliau dalam tempoh masa yang agak lama kerana beliau ada tetamu yang tidak dirancang sebelumnya. Beliau menggambarkan tunjuk cara sabar adalah memahami dan merasai segala sesuatu perkara daripada perspektif orang lain. Menurut beliau, tunjuk cara sabar dalam konteks amalan akhlak adalah merupakan elemen yang penting kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kefahaman dan penghayatan yang lebih luas bukan sahaja mengikut kefahaman dan penghayatannya sendiri melainkan mengikut kefahaman dan penghayatan orang lain. Proses tunjuk cara sabar ini perlu difikirkan dan diwujudkan secara nyata oleh semua warga sekolah dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Guru besar "AD" termasuk guru besar yang mudah bergaul dan fleksibel serta sentiasa senyum kepada orang yang dijumpainya. Selain itu, beliau sentiasa memberi ucapan terima kasih dan mudah memberikan hadiah tepukan kepada warga sekolah selepas membentangkan hasil perbincangan di bilik mensyuarat. Setiap perkumpulan peserta mensyuarat telah selesai membentangkan hasil perbincangan, beliau selalu memberi ucapan terima kasih dan bertepuk tangan. Hal ini beliau lakukan kerana ingin memberi tunjuk cara kepada peserta mensyuarat agar forum mensyuarat menjadi mesra dan kekeluargaan serta selesa (Pemerhatian: PPP AAP01/BH001/AD/17/5/2012)

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Dalam amalan akhlak yang sifatnya batin perlu diberi dengan cara tunjuk ajar, begitu pula dengan yang zahir. Seperti setiap pagi hari, saya dan warga sekolah sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada amalan akhlak melalui tunjuk cara. (J/AD/BH001/17/1/2012)

Guru besar "AJ" telah memberi pandangan dalam proses pemberian pengalaman dalam pembiasaan akhlak melalui tunjuk cara, seperti berikut:

Tunjuk cara merupakan cara yang semasa Nabi Muhammad SAW diguna sebagai cara yang paling tepat dalam pemberian pembiasaan akhlak.. Ya... tentu sahaja perlu diberi prioriti dalam proses amalan akhlak. Semua warga sekolah perlu dibina pembiasaannya melalui tunjuk cara untuk berkewajipan berakhlak mahmudah kepada orang lain. Kalau setiap warga sekolah merasa terpanggil untuk berakhlak mahmudah maka amalan akhlak itu akan mudah diwujudkan dalam kehidupan seharian. Tugas ini tidaklah mudah bagi saya dan para guru, namun demikian kami perlu memberi penekanan secara maksimum dalam proses amalan akhlak di sekolah. Aspek ini menjadi asas daripada pembiasaan akhlak selain daripada kefahaman akhlak (TB 2/SB002/AJ/28/6/2012) baris ke 113-121

Bagi guru besar "AJ" aspek pembiasaan akhlak merupakan satu bahagian utama, selain daripada aspek kefahaman dan penghayatan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Mengikut beliau, aspek pembiasaan akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek pembiasaan akhlak dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek kefahaman dan penghayatan akhlak. Malahan aspek pembiasaan ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan penghayatan akhlak warga sekolah dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek tunjuk cara berakhlak ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AJ" telah membuat rancangan aktiviti dan program pembinaan peribadi plus. Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina pemberian pengalaman melalui pembiasaan akhlak dengan tunjuk cara adalah aktiviti mengaji, ibadah, dan

tahfidul Qur'an. Selain itu, ada aktiviti berupa penalaran dan abstraksi, bahasa Arab dan bahasa Inggris. Menurut guru besar "AJ", belajar bahasa Arab dan Inggris untuk membina pembiasaan berbahasa yang merupakan bahagian penting dalam pembiasaan akhlak dalam sopan dan santun berbahasa (Rancangan: Guru besar AJ/SB002/28/6/2012)

Guru besar "AJ" telah membina pembiasaan warga sekolah melalui proses amalan akhlak sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Hasilan daripada pembiasaan adalah kefahaman dan penghayatan amalan akhlak dalam keseharian. Oleh itu, pembiasaan akhlak penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan dan tindakan seseorang. Dan pembiasaan akhlak yang baik dengan tunjuk cara menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sepertimana contoh daripada pembiasaan akhlak yang baik adalah pembiasaan kesyukuran dengan mengenang budi orang yang telah memberi pertolongan dan berterima kasih di atas pemberian orang lain. Disamping itu pembiasaan kesyukuran juga ditunjukkan dalam aspek tidak merungut dan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah atau penyakit. Pembiasaan ini hanya boleh dicapai dengan cara tunjuk cara (TB 2/SB002/AJ/28/6/2012) baris ke 124-135

Selain itu, guru besar "AJ" memberi pandangan tentang pentingnya proses amalan akhlak terhadap aspek pembiasaan akhlak dalam amalan akhlak, sepertimana data transkrip temubual kajian berikut:

Pandangan saya..... berusaha menentang amalan syirik seperti mohon keramat daripada kubur. Ini merupakan tunjuk cara yang tepat dan wajib bagi setiap muslim agar keimanannya tidak rosak. Kerana dengan cara ini akan terbina peribadi yang kuat iman dan akhlaknya kepada Allah SWT (TB 2/SB002/AJ/27/6/2012) baris ke 135-139)

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Tunjuk cara sebagai model membina pembiasaan akhlak yang baik sentiasa dilaksanakan dengan tepat semasa di sekolah. Setiap pagi hari, saya sentiasa memperhatikan ibadah dan muamalah para warga sekolah. Jika di pagi hari semua warga sekolah telah baik ibadat dan muamalahnya, Insya Allah amaliah yang lainnya akan baik pula. Pagi hari sebagai simbol akan baiknya aktiviti seseorang dalam segala hal. Pagi hari perlu diberi tunjuk cara yang

baik tentang amaliah yang sifatnya batin dan zahir agar dilaksanakan dengan integriti yang baik pula (J/AJ/SB002/18/1/2012)

Guru besar "DS" memberi pandangan tentang pentingnya proses amalan akhlak terhadap aspek pembiasaan akhlak dalam amalan akhlak, sepertimana data transkrip temubual kajian berikut:

Tunjuk cara sering difahami sebagai cara yang kasar dan kurang sopan. Sebenarnya tidak demikian. Seperti saya berusaha menentang kezaliman yang menindas....Kalau tidak saya gunakan dengan tunjuk cara maka saya akan membiarkan kezaliman terjadi.
(TB 2/AK003/DS/2/7/2012).

Daripada data transkrip temubual kajian diatas menunjukkan bahawa "DS" mengutamakan proses amalan akhlak di sekolah terhadap aspek tunjuk cara sepertimana keutamaan dalam proses pembiasaan akhlak. Kedua-duanya ini diberi penekanan dan tumpuan secara seimbang oleh beliau dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek tunjuk cara dalam proses amalan akhlak, guru besar "DS" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 07.00-08.30 mula hari isnin sehingga sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah) (Buku panduan akademik 2011/AK003).

Guru besar "DS" telah membina pembiasaan akhlak warga sekolah melalui proses amalan akhlak sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Tunjuk cara yang saya tampilkan kepada warga sekolah adalah saya berusaha mengawal diri saya daripada menurut nafsu syahwat dalam pelbagai hal semasa di sekolah
(TB 2/AK003/DS/3/7/2012).

Selain itu, guru besar "DS" dalam membina pembiasaan amalan akhlak bagi diri sendiri dan semua warga sekolah mencuba membuat "kuburan akhlak", sepertimana dalam hasil pemerhatian pengkaji terhadap peristiwa yang berikut:

Tunjuk cara menjadi cara yang ampuh dalam pandangan saya. Saya dalam pembinaan pembiasaan amalan akhlak baik dan pembuangan amalan akhlak yang tidak baik bagi semua warga sekolah menciptakan "kuburan akhlak". Kuburan akhlak ini terjadi kerana ada 13 pelajar yang diberi hukuman. Pelajar tersebut diminta membuat lobang yang serupa dengan lobang kuburan untuk mayit. 13 pelajar tersebut diminta menulis tulisan yang berisi bahawa mereka tidak akan melakukan akhlak mazmumah lagi. Setelah itu tulisannya dikubur dalam lobang itu. Dalam proses mengubur dibacakan doa sehingga 13 pelajar tersebut sentiasa mengenang kejadian itu untuk masa yang panjang (Pemerhatian PPAP DS003/AK003/3/7/2012)

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Tunjuk cara menurut saya harus bermula dari diri saya sendiri. Seperti setiap pagi hari, saya dan warga sekolah sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Hal ini hanya dapat dilakukan dengan tunjuk cara bukan tunjuk lisan. (J/DS/AK003/18/1/2012)

Guru besar "SA" memberi penekanan kepada tunjuk cara kepada semua warga sekolah mengenai disiplin. Ketika ada beberapa pelajar dan guru terlambat untuk mengikuti proses upacara di lapangan sekolah maka "SA" memberi nasihat kepada mereka supaya tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. nasihat itu ditekankan dan ditumpukan kepada semua warga sekolah (Pemerhatian: PPP AAP2/SA/AY004/24/6/2012).

Selain itu, guru besar "SA" menggunakan tunjuk cara dengan membuat sebuah tulisan besar untuk menghindari semua warga sekolah dalam hal ketibaan di sekolah supaya tidak lambat, seperti data transkrip temubual berikut:

Tunjuk cara yang saya gunakan dengan membuat tulisan di persekitaran sekolah. Seperti saya telah membuat tulisan "alhamdulillah saya tiba di sekolah tidak lambat". Tulisan ini dibuat membawa maksud supaya sesiapa sahaja yang membacanya dapat memahami bahawa penghayatan disiplin melalui kawalan diri sangat penting (TB2/AY004/SA/15/7/2012)

Tunjuk cara merupakan sebahagian daripada aspek pemberian pengalaman akhlak melalui pembiasaan. Aspek ini perlu diberi penekanan dalam proses pembiasaan akhlak. Oleh itu, mengenai pentingnya tunjuk cara bagi semua warga sekolah, guru besar "SA" memberi penjelasan seperti berikut:

Tunjuk cara merupakan cara yang ampuh dalam membina pembiasaan akhlak baik di sekolah. Seperti berusaha menentang dorongan syaitan yang mengajak kepada kejahatan atau akhlak mazmumah. Dari hal seperti ini akan memunculkan akhlak yang baik dan menjauhkan akhlak yang tidak baik. Seperti di sekolah ini, semua warga sekolah ditekankan untuk menjalankan pengawalan diri sebaik-baiknya. Tunjuk cara ini lebih ditekankan kepada menghindarkan perilaku daripada merokok, pergaduhan, penggunaan dadah dan pergaulan bebas. Bagi membina pembiasaan akhlak yang baik dengan tunjuk cara kepada warga sekolah yang lebih baik, semua warga sekolah sentiasa diberi nasihat supaya dapat menghindarkan daripada akhlak mazmumah (TB2/AY004/SA/15/6/2012)

Berdasarkan kepada data transkrip temubual di atas menunjukkan bahawa guru besar "SA" sangat memberi penekanan kepada pembiasaan akhlak dengan tunjuk cara kepada semua warga sekolah agar dapat menghindarkan daripada semua bentuk akhlak mazmumah. Beliau telah memberi arahan, nasihat dan bimbingan kepada semua warga sekolah untuk menjaga daripada akhlak mazmumah yang tidak diingini berlaku samaada di persekitaran sekolah mahupun di luar sekolah.

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Tunjuk cara yang saya guna lebih fleksibel dan melihat kondisi empiri yang dihadapi oleh semua warga sekolah tanpa melihat jawatan yang dipegangnya. Tunjuk cara dapat diguna dalam aspek yang batin dan zahir dalam amalan akhlak di sekolah. Seperti solat yang khusyuk, ada tunjuk caranya agar mencapai solat yang khusyuk. Kekusyukan ada pada gerakan batin dan zahir (J/SA/AY004/19/1/2012)

Uswah Hasanah (teladan)

Guru besar "AD" yang telah menjalankan amalan akhlak di sekolah "BH001" memberi pandangan mengenai proses pengalaman dalam amalan akhlak mengenai

uswah hasanah atau contoh ikutan yang baik, sepertimana dirujuk kepada data daripada transkrip temubual yang berikut:

Guru besar mestilah memberi penekanan erti pentingnya memberi pengalaman akhlak melalui uswah hasanah. Aspek pengalaman akhlak ini sama pentingnya dengan aspek akhlak daripada segi kefahaman mahupun penghayatan akhlak. Saya selalu mendorong warga sekolah daripada segi pengalaman akhlak melalui uswah hasanah ini, misalnya warga sekolah mestilah harus ikut merasa terpenggil dan berkewajipan untuk berakhlak mulia sesuai dengan ajaran agama Islam. Uswah hasanah ini juga sebagai wujud kesedaran akhlak seseorang ini amat penting bagi menggalakkan pembiasaan akhlak dalam kehidupan seharian (TB 2/BH001/AD/26/6/2012) baris 111-120.

Berasaskan kepada data transkrip temubual diatas menunjukkan bahawa "AD" memberi penekanan dan tumpuan secara seimbang antara proses kefahaman akhlak, penghayatan akhlak dan pembiasaan akhlak melalui uswah hasanah. Beliau mendorong kepada semua warga sekolah untuk membina usawah hasanah dalam kesedaran akhlak supaya berakhlak mulia kepada orang lain sesuai dengan ajaran agama Islam. Bentuk kesedaran ini dibina untuk menggalakkan pembiasaan akhlak mulia dalam kehidupan seharian. Oleh itu, untuk memudahkan keberkesanan amalan akhlak dalam kehidupan di persekitaran sekolah sekarang, model ini perlulah ditunjukkan terlebih dahulu oleh guru besar dan guru-guru.

Mengenai pentingnya aspek pengalaman akhlak ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AD" telah membuat rancangan aktiviti dan program keimanan dan ketaqwaan (IMTAQ). Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina pengalaman akhlak adalah aktiviti bakti sosial, pesantren, hidup bersama anak yatim dan piatu, pondok ramadan, dan lain sebagainya. Selain itu, ada aktiviti berupa solat dhuha dan membaca al-Quran. Dan setiap warga sekolah wajib menjadi uswah hasanah dalam aktiviti tersebut (Rancangan: Guru besar AD/BH001/26/6/2012)

Selain itu, guru besar "AD" dalam proses memberi pengalaman amalan akhlak melalui uswah hasanah sepertimana dalam pemerhatian terhadap proses amalan akhlak melalui uswah hasanah di bilik mensyuarat seperti berikut:

Dalam setiap mensyuarat, saya pasti menunggu dalam kondisi yang awal kerana saya tak mau datang ke bilik mensyuarat terlambat, dan saya tidak memberi maklumat kepada sesiapa pun yang terlambat. Saya akan memberi sapaan kepada sesiapa pun yang baru tiba ke bilik mensyuarat. Saya sentiasa mencuba memberi contoh ikutan agar para guru dan staf memberi perhatian dalam hal ini (Pemerhatian Persyuaratan: PPP AAP01/BH001/AD/3/2/2012)

Daripada data transkrip pemerhatian dalam proses aktiviti mensyuarat di bilik mensyuarat bahawa guru besar "AD" sangat memahami apa yang difikirkan dan dirasakan oleh peserta mensyuarat ketika guru besar tiba lebih awal daripada mereka dan menunggu mereka dalam tempoh masa yang agak lama kerana beliau sentiasa tepat masa. Beliau menggambarkan proses memberi pengalaman akhlak melalui uswah hasanah adalah memahami dan merasai segala sesuatu perkara daripada perspektif orang lain. Menurut beliau, proses pemberian pengalaman melalui uswah hasanah dalam konteks amalan akhlak adalah merupakan elemen yang penting kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kefahaman dan penghayatan yang lebih luas bukan sahaja mengikut kefahaman dan penghayatannya sendiri melainkan mengikut kefahaman dan penghayatan orang lain. Proses pengalaman melalui uswah hasanah ini perlu difikirkan dan diwujudkan secara nyata oleh semua warga sekolah dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Guru besar "AD" termasuk guru besar yang mudah bergaul dan fleksibel serta sentiasa senyum kepada orang yang dijumpainya. Selain itu, beliau sentiasa memberi pengalaman melalui uswah hasanah dengan sentiasa memberi ucapan terima kasih dan mudah memberikan hadiah tepukan kepada guru dan staf sekolah selepas membentangkan hasil perbincangan di bilik mensyuarat. Setiap perkumpulan peserta mensyuarat telah selesai membentangkan hasil perbincangan, beliau selalu memberi contoh ikutan dalam memberi ucapan terima kasih dan bertepuk tangan (Pemerhatian: PPP AAP01/BH001/AD/17/5/2012)

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran dan akhlak beliau mengenai perkara ini.

Setiap hari, saya sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan dan kesihatan di sekolah, apakah sudah bersih atau sihat persekitaran? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada memberi pengalaman melalui uswah hasanah dalam amalan akhlak. (J/AD/BH001/17/1/2012)

Guru besar "AJ" telah memberi pandangan dalam proses memberi pengalaman akhlak dalam amalan akhlak melalui uswah hasanah, seperti berikut:

Ya... tentu sahaja perlu diberi prioriti dalam proses pengalaman melalui uswah hasanah dalam pembiasaan amalan akhlak. Semua warga sekolah perlu dibina pengalamannya berupa pembiasaan melalui uswah hasanah untuk berkewajipan berakhlak mahmudah kepada orang lain. Kalau setiap warga sekolah merasa terpacu untuk berakhlak mahmudah maka amalan akhlak itu akan mudah diwujudkan dalam kehidupan seharian. Tugas ini tidaklah mudah bagi saya dan para guru, namun demikian kami perlu memberi penekanan secara maksimum dalam proses pembiasaan amalan akhlak melalui uswah hasanah di sekolah. Aspek ini menjadi asas daripada pembiasaan akhlak selain daripada kefahaman akhlak dan penghayatan (TB 2/SB002/AJ/28/6/2012) baris ke 113-120

Bagi guru besar "AJ" aspek pengalaman melalui pembiasaan uswah hasanah dalam amalan akhlak merupakan satu bahagian utama, selain daripada aspek kefahaman dan penghayatan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Mengikut beliau, aspek pembiasaan melalui uswah hasanah dalam amalan akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek pembiasaan akhlak melalui uswah hasanah dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek kefahaman dan penghayatan akhlak. Malahan aspek pembiasaan melalui uswah hasanah ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan penghayatan akhlak warga sekolah dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek pemberian pengalaman ini dalam pembiasaan akhlak melalui uswah hasanah, guru besar "AJ" telah membuat rancangan aktiviti dan program pembinaan peribadi plus. Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina pengalaman akhlak melalui uswah hasanah adalah aktiviti mengaji, ibadah, dan tahfidul Qur'an. Selain itu, ada aktiviti berupa penalaran dan abstraksi, bahasa Arab dan bahasa Inggris. Menurut guru besar "AJ", belajar bahasa Arab dan Inggris untuk membina penghayatan berbahasa yang merupakan bahagian penting dalam pembiasaan akhlak dalam sopan dan santun berbahasa (Rancangan: Guru besar AJ/SB002/27/6/2012)

Guru besar "AJ" telah membina pembiasaan akhlak yang baik warga sekolah melalui proses pemberian pengalaman amalan akhlak dengan uswah hasanah sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Hasilan daripada pembiasaan akhlak melalui uswah hasanah adalah penghayatan dan kefahaman amalan akhlak dalam keseharian. Oleh itu, pembiasaan melalui uswah hasanah dalam amalan akhlak penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan dan tindakan seseorang. Dan pembiasaan akhlak yang baik melalui uswah hasanah menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sepertimana contoh daripada uswah hasanah yang baik adalah penghayatan kesyukuran dengan mengenang budi orang yang telah memberi pertolongan dan berterima kasih di atas pemberian orang lain. Disamping itu uswah hasanah kesyukuran juga ditunjukkan dalam aspek tidak merungut dan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah atau penyakit (TB 2/SB002/AJ/28/6/2012) baris ke 125-135

Selain itu, guru besar "AJ" memberi pandangan tentang pentingnya proses pemberian pengalaman melalui pembiasaan amalan akhlak terhadap aspek uswah hasanah dalam amalan akhlak, sepertimana data transkrip temubual kajian berikut:

Pandangan saya..... uswah hasanah peribadi dimana tahap kefahaman dan penghayatan akhlak yang didapati daripada jenis-jenis tingkahlaku berakhlak yang terkandung dalam ertikata menghindarkan diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang keras dalam ajaran Islam (dosa besar) seperti larangan meminum minuman keras (beralkohol), larangan melakukan hubungan seks bebas dan larangan agar tidak menunjuk-nunjuk dalam amalan (riya'). Begitu juga, tahap uswah hasanah yang juga didapati dalam perkara-perkara yang sering ditekankan dalam budaya kehidupan

guru besar seperti amalan memelihara kebersihan pada diri, pakaian dan tempat serta memastikan makanan yang dimakan adalah halal selain dari penekanan kepada ikhlas dalam melakukan ibadat (TB 2/SB002/AJ/28/6/2012) baris ke 136-142

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Setiap pagi hari, saya sentiasa memberi uswah hasanah dalam memperhatikan persekitaran sekolah seperti dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada contoh ikutan yang perlu dijalankan di sekolah agar mendapat perhatian semua warga sekolah (J/AJ/SB002/18/1/2012)

Guru besar "DS" memberi pandangan tentang pentingnya proses amalan akhlak terhadap aspek uswah hasanah dalam pembiasaan akhlak, sepertimana data transkrip temubual kajian berikut:

Aspek uswah hasanah perlu diberi penekanan dalam proses amalan akhlak dalam setiap aktiviti di sekolah sepertimana saya juga memberi penekanan kepada aspek kefahaman akhlak dalam mengajar bidang ilmu lainnya. Selain itu, uswah hasanah telah menjadi amalan dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW (TB 2/AK003/DS/3/7/2012).

Daripada data transkrip temubual kajian diatas menunjukkan bahawa "DS" mengutamakan proses amalan akhlak di sekolah terhadap aspek uswah hasanah sepertimana keutamaan dalam proses pembiasaan akhlak. Kedua-duanya ini diberi penekanan dan tumpuan secara seimbang oleh beliau dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek uswah hasanah dalam proses amalan akhlak, guru besar "DS" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 07.00-08.30 mula hari isnin sehingga sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah) (Buku panduan akademik 2011/AK003).

Guru besar "DS" telah membina uswah hasanah warga sekolah melalui proses amalan akhlak sepertimana dapat dirujuk daripada data transkrip temubual kajian berikut:

Hasilan daripada kefahaman dan penghayatan adalah memberi pengalaman amalan akhlak melalui uswah hasanah dalam keseharian. Oleh itu, uswah hasanah penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan dan tindakan seseorang. Dan uswah hasanah yang baik menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sepertimana contoh daripada uswah hasanah yang baik adalah uswah hasanah kesyukuran dengan mengenang budi orang yang telah memberi pertolongan dan berterima kasih di atas pemberian orang lain. Disamping itu uswah hasanah kesyukuran juga ditunjukkan dalam aspek tidak merungut dan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah atau penyakit (TB 2/AK003/DS/3/7/2012).

Selain itu, guru besar "DS" dalam membina pengalaman melalui uswah hasanah dalam amalan akhlak bagi diri sendiri dan semua warga sekolah dengan mencuba membuat "kuburan akhlak", sepertimana dalam hasilan pemerhatian pengkaji terhadap peristiwa yang berikut:

Saya dalam pembinaan pengalaman melalui uswah hasanah dalam amalan akhlak bagi semua warga sekolah menciptakan "kuburan akhlak". Kuburan akhlak ini terjadi kerana ada 13 pelajar yang diberi hukuman. Pelajar tersebut diminta membuat lobang yang serupa dengan lobang kuburan untuk mayit. 13 pelajar tersebut diminta menulis tulisan yang berisi bahawa mereka tidak akan melakukan akhlak mazmumah lagi. Setelah itu tulisannya dikubur dalam lobang itu. Dalam proses mengubur dibacakan doa sehingga 13 pelajar tersebut sentiasa mengenang kejadian itu untuk masa yang panjang. Perumpamaan "kuburan akhlak" ini menjadi model daripada uswah hasanah agar semua warga dapat mengambil ibrah bahawa setiap muslim hendaknya menjadi contoh ikutan dalam akhlak yang baik dan sebaliknya tidak menjadi contoh ikutan dalam akhlak yang tidak baik (Pemerhatian PPAP DS003/AK003/3/7/2012)

Guru besar "DS" yang sentiasa berada di sekolah harian menceritakan pengalaman beliau membiasakan amalan :

Contohnya, sekarang kan dalam bulan Ramadan, kan ? Kita buat tadarus Al-Quran di surau sekolah. Pelajar-pelajar datang, duduk dalam kumpulan, buat bacaan Al-Quran lah. Dan setiap pagi Jumaat, di sekolah juga kita buat bacaan Yasin.. Di samping kita buat juga solat

Zuhur berjemaah di sekolah.. nak.. nak menerapkan pada mereka budaya supaya suka solat berjemaah. Saya sebagai pemimpin di sekolah pun menjalankan apa yang ada sama ada pada semua warga sekolah. selain itu, saya harus menjadi contoh ikutan dalam hal ini. Kerana dengan itu, para staf saya akan mudah mengikuti saya tanpa saya memberi suruhan (TB1/AK003/DS/2/7/2012).

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini.

Setiap pagi hari, saya sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Saya sentiasa memberi contoh ikutan untuk mengambil sampah lalu menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada amalan akhlak sebagai pemberian pengalaman yang baik semasa berada di persekitaran sekolah (J/DS/AK003/18/1/2012)

Guru besar "SA" memberi penekanan kepada uswah hasanah kepada semua warga sekolah mengenai akhlak mulia. Ketika ada beberapa pelajar dan guru terlambat untuk mengikuti proses upacara di lapangan sekolah maka "SA" memberi nasihat kepada mereka supaya tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. nasihat itu ditekankan dan ditumpukan kepada semua warga sekolah (Pemerhatian: PPP AAP2/SA/AY004/18/6/2012).

Selain itu, guru besar "SA" membuat sebuah tulisan besar untuk menghindari semua warga sekolah dalam hal ketibaan di sekolah supaya tidak lambat, seperti data transkrip temubual berikut:

Saya telah membuat tulisan "alhamdulillah saya tiba di sekolah tidak lambat". Tulisan ini dibuat membawa maksud supaya sesiapa sahaja yang membacanya dapat memahami bahawa menjadi contoh ikutan yang baik atau uswah hasanah itu sangat penting (TB2/AY004/SA/15/7/2012)

Uswah hasanah atau yang bererti 'contoh ikutan yang baik' merupakan teknik yang dimbil daripada firman Allah S.W.T. yang bermaksud, "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu 'Uswah Hasanah' (contoh ikutan yang baik), iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat." (Al-Ahzab: 21). Oleh itu, mengenai pentingnya uswah hasanah bagi semua warga sekolah, guru besar "SA" memberi penjelasan seperti berikut:

Di sekolah ini, semua warga sekolah ditekankan untuk menjalankan uswah hasanah sebaik-baiknya. Uswah hasanah lebih ditekankan kepada menghindari perilaku daripada merokok, pergaduhan, penggunaan dadah dan pergaulan bebas. Bagi menjaga uswah hasanah warga sekolah yang lebih baik, semua warga sekolah sentiasa diberi nasihat supaya dapat menghindari daripada akhlak mazmumah dan hanya sentiasa mengharapkan reda Allah swt di hari akhirat (TB2/AY004/SA/14/6/2012)

Berdasarkan kepada data transkrip temubual di atas menunjukkan bahawa guru besar "SA" sangat memberi penekanan kepada uswah hasanah bagi semua warga sekolah agar dapat menghindari daripada semua bentuk akhlak mazmumah. Beliau telah memberi arahan, nasihat dan bimbingan kepada semua warga sekolah untuk menjaga uswah hasanah dalam akhlak mahmudah yang berlaku samaada di persekitaran sekolah mahupun di luar sekolah.

Jurnal beliau mencerminkan pemikiran beliau mengenai perkara ini. Dia menyatakan:

Setiap pagi hari, saya dan warga sekolah sentiasa memperhatikan persekitaran sekolah dalam hal kebersihan sekolah, apakah sudah bersih? Jika masih ada tercicir sampah maka yang melihat harus mengambil dan menaruh pada tempat sampah. Kerana ini bahagian dari pada uswah hasanah. (J/SA/AY004/18/1/2012)

Pengalaman dalam amalan akhlak melalui uswah hasanah bererti contoh atau ikutan. cara ini adalah antara cara yang utama dalam amalan terutama dalam konteks akhlak kerana sesuatu amalan dalam pembangunan insan boleh mencapai kejayaan yang baik. Model yang terbaik ialah model insan yang di firman oleh Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21, iaitu model Rasulullah saw merupakan ikutan yang utama. Oleh itu, keberkesanan dalam amalan akhlak perlulah ditunjukkan terlebih dahulu oleh para guru besar menerusi warga sekolah lainnya.


Keteladanan itu dapat diambil dari seluruh nabi dan rosul kerana mereka merupakan petunjuk dan model yang tepat bagi pelaksana kebaikan, keutamaan, dan pendidikan yang terarah. Oleh itu proses pendidikan memerlukan keteladanan

yang baik dan contoh ikutan yang saleh. Keteladanan ini dapat diperoleh dari pada bapa-ibunya, guru-gurunya, atau orang yang mendidiknya. Pendidikan Islam mementingkan pemberian contoh, terutama di dalam Al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah, kerana cara demikian sangat berpengaruh dalam menjelaskan makna, memudahkannya, dan memberikan kesan yang mendalam (Budaiwi, 2002).

Rumusan

Berdasarkan kepada keseluruhan dapatan kajian yang telah dibentangkan pada bab 4 ini, maka satu konsep akhlak guru besar dalam pembinaan kompetensi keperibadian dan sosial guru besar mesti dibina berasaskan kepada al-Quran dan sunah Nabi saw. Asas ini cukup kuat kerana merangkumi nilai rasional dan spiritual serta nilai universal manusia atau nilai manusia sejagat. Bagi mengimplementasikan proses amalan akhlak guru besar dalam pembinaan kompetensi keperibadian dan sosial diperlukan tiga model proses iaitu kefahaman, penghayatan, dan pengalaman. Kefahaman yang telah diperoleh oleh masing-masing oleh guru besar adalah kefahaman akhlak mahmudah dan mazmumah, dan hubung kait antara kefahaman dan amalan akhlak. Proses pemerolehan kefahaman yang telah dijalankan oleh guru besar adalah pembiasaan; proses berfikir, mengkaji dan mengaji; dan proses pengembangan minda. Selain itu, masing-masing guru besar dalam menjalankan nilai-nilai akhlak ada yang ditekankan dan ditumpukan iaitu menghargai jasa kebaikan orang lain, sopan santun, bersedekah, keprihatinan kepada fakir miskin, kebersihan, disiplin, dan kejujuran. Proses mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah telah dilakukan oleh masing-masing guru besar dengan melazimi amalan kebaikan, muraqabah, mujahadah, tazkiyah al-nafs, bersahabat dengan orang baik, pembacaan al-Quran, dan pegangan agama yang mantap. Proses

penghayatan yang telah dijalankan oleh masing-masing guru besar adalah muraqabah seperti ibadah solat, mengaji al-Quran, dan muhasabah seperti menyedari kesilapan. Sedangkan penggunaan pengalaman melalui latihan (*riyadhah*) yang telah dijalankan oleh guru besar adalah mujahadah, tunjuk cara, dan uswah hasanah (teladan). Oleh itu, berdasarkan hasil kajian ini dapat dilihat rajah 18. di bawah ini.



Rajah 18. : Akhlak Guru Besar Sekolah Rendah Islam di Malang

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI, RUMUSAN DAN CADANGAN

Pengenalan

Bahagian ini menghuraikan tiga hal iaitu perbincangan, implikasi, rumusan dan cadangan kajian. Perbincangan akan menghuraikan dapatan kajian dengan merujuk kepada lima soalan kajian yang telah dikaji, iaitu pertama, kefahaman guru besar mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah; Kedua, nilai-nilai akhlak yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar dalam proses amalan akhlak di sekolah; Ketiga, proses mempertingkatkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah; Keempat, proses penghayatan akhlak guru besar mengenai muraqabah dan muhasabah di sekolah; Kelima, proses pemberian pengalaman melalui pembiasaan (*riyadhah*) dalam amalan akhlak di sekolah.

Perbincangan

Perbincangan tentang dapatan kajian ini dibahagikan ke atas tiga aspek utama dalam akhlak iaitu kefahaman, penghayatan dan pengalaman, seperti yang berikut:

Kefahaman mengenai Akhlak Mahmudah dan Mazmumah

Tujuan utama daripada kefahaman mengenai akhlak mahmudah dan mazmumah ialah untuk mempertingkatkan kualiti amalan akhlak mahmudah melalui pelbagai aktiviti amalan akhlak yang telah dirancang dan diwujudkan secara nyata oleh seorang guru besar di sekolah. Bagi mempertingkatkan kualiti amalan akhlak mahmudah pada tahap yang lebih baik, iaitu beramal yang berasaskan ilmu agama maka seorang guru besar dituntut untuk mempunyai kebolehan dan kemahiran untuk

merancang dan merealisasikan amalan akhlak mahmudah dan menjauhi amalan akhlak mazmumah yang juga boleh mengembangkan potensi warga sekolah secara maksimum. Salah satu perkara yang mustahak dalam kefahaman mengenai akhlak mahmudah dan mazmumah ialah hubung kait antara ilmu dan amalan akhlak secara tepat yang telah dijalankan oleh guru besar dalam melakukan amalan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah di sekolah. Ini bermakna bahawa hubung kait antara ilmu dan amalan akhlak yang telah dijalankan oleh guru besar akan membawa kesan positif bagi usaha untuk mempertingkatkan kualiti kompetensi keperibadian dan sosial guru besar. Sebaliknya, ketiadaan hubung kait antara ilmu dan amalan akhlak yang telah dijalankan oleh guru besar akan membawa kesan negatif bagi usaha untuk mempertingkatkan kompetensi keperibadian dan sosial guru besar.

Berkaitan dengan hubung kait antara ilmu dan amalan mengenai akhlak mahmudah dan mazmumah, terdapat tiga perkara yang perlu diberi penekanan dan tumpuan dalam kefahaman mengenai akhlak mahmudah dan mazmumah bagi usaha untuk mempertingkatkan kualiti kompetensi keperibadian dan sosial guru besar, iaitu hubung kait antara iman, ilmu dan amalan akhlak, hubung kait antara al-quran, sunnah dan amalan akhlak, dan hubung kait antara akal, hati, dan amalan akhlak.

Dapatan kajian ini secara am menunjukkan bahawa kefahaman akhlak guru besar dalam penyelidikan ini dapat dikategorikan ke dalam tiga kategori, iaitu hubung kait kefahaman dan amalan, akhlak mahmudah sesuai dengan quran dan sunah, dan akhlak mazmumah berselisih dengan quran dan sunah. Asas perbezaan di antara kategori-kategori ini didapati terletak pada ketiga-tiga aspek dalam cara pemerolehan kefahaman dalam menjalankan amalan akhlak, iaitu cara pembiasaan; reasoning, research dan religy; dan pengembangan minda.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan kefahaman akhlak guru besar yang telah difahami dapat dikategorikan menjadi tiga bahagian, iaitu pertama bagi guru besar yang telah menjalankan amalan akhlak dengan cara pembiasaan maka beliau tidak dapat menggunakan cara lain kecuali mengikuti yang sesuai dengan quran dan sunah serta menjauhi yang berselisih dengan quran dan sunah.

Bahkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa semua guru besar kurang memberi penekanan dan tumpuan kepada hubungan antara keimanan dan akhlak. Realiti menunjukkan bahawa para guru besar masih belum menghubungkan kaitkan antara iman dan akhlak, tetapi sudah menghubungkan kaitkan antara ilmu dan akhlak dalam kehidupan secara sebenar. Kefahaman mengenai akhlak yang demikian ini bercanggah dengan makna akhlak menurut al-Ghazali (1982).

Dapatan kajian ini menunjukkan keempat-empat guru besar AD, AJ, DS, dan SA sebagai peserta kajian telah memberi penekanan dan tumpuan kepada kefahaman akhlak mahmudah dan mazmumah. Kefahaman terhadap akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-quran dan sunah Nabi saw, dan akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-quran dan sunah Nabi saw. Adapun kefahaman akhlak tersebut ditunjukkan dalam aktiviti keempat-empat guru besar semasa di sekolah. Berdasarkan pemerhatian aktiviti keempat-empat guru besar sentiasa melaksanakan pembiasaan membaca, beribadah, berpikir, dan berzikir. Keempat-empat aktiviti itu dilaksanakan untuk mempertingkatkan kefahaman akhlak.

Yang membezakannya adalah membaca dijadikan sebagai aktiviti untuk membina budaya *thalabul ilm* oleh guru besar “AD” dan pula bagi semua warga sekolah. Hal tersebut dilaksanakan sebagai bahagian untuk mencapai matlamat membina *insan Ulul Albab* seperti mana dalam firman Allah surah Ali Imran ayat 190 yang bermaksud:


Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal.

Pandangan guru besar “AJ” mempunyai kesamaan dengan pandangan guru besar “AD” yang memberi penekanan dan tumpuan kepada pentingnya warga sekolah mempunyai kualiti kefahaman akhlak bagi mempertingkatkan kualiti amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian. Kedua-duanya sama ada kefahaman akhlak mahupun pengamalan akhlak perlu diberi penekanan secara seimbang dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Pandangan “AJ” diatas menunjukkan bahawa seseorang perlu memahami akhlak dalam aspek kefahaman terlebih dahulu sebelum ia mengamalkan akhlak mahmudah dalam kehidupan sehariannya. Aspek ini perlu diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah bagi mengukuhkan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, seseorang yang kurang memahami aspek kefahaman akhlak kemungkinan besar ianya kurang dapat mengamalkan akhlak yang mahmudah yang diperolehnya di sekolah.

Berbeza dengan guru besar “AD”, guru besar “AJ” sentiasa menekankan pentingnya kefahaman akhlak dalam proses amalan akhlak melalui proses mengaji, melaksanakan ibadah dan tahfizul Qur’an. Ketiga-tiganya dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan penerapan muhasabah. Dengan ketiga-tiganya pula seseorang akan mempunyai kefahaman akhlak melalui pembiasaan atau riyadhah, kerana Islam adalah ajaran yang perlu diamalkan bukan sahaja dikaji secara individu mahupun bersama-sama.

Rumusan daripada kefahaman mengenai Akhlak Mahmudah dan Mazmumah yang telah difahami oleh para guru besar dalam kajian ini dapat dilihat persamaan dan perbedaannya sepertimana ditunjukkan dalam rajah 19. di bawah ini.



Rajah 19.: Kefahaman Akhlak Guru Besar tentang Akhlak Mahmudah dan Mazmumah


Selain itu, menurut guru besar AD bahawa kefahaman akhlak mahmudah dan mazmumah dapat diperolehi melalui pembiasaan amaliyah. Berbeza pula dengan guru besar lainnya, menurut AJ melalui pembiasaan triple R, berfikir (*reasoning*), mengkaji (*research*), dan mengaji (*religy*). Cara pemerolehan kefahaman akhlak mahmudah dan mazmumah menurut guru besar DS melalui pengembangan minda. Sedang guru besar SA menyatakan bahawa kefahaman akhlak mahmudah dan mazmumah dapat diperolehi melalui mengkaji ilmu dan ianya selalu menyatakan bahawa *al-ilmu qabla qaul wa al-amal*.

Rumusan daripada kefahaman mengenai akhlak mahmudah dan mazmumah yang telah difahami oleh keempat-empat guru besar semasa di sekolah dalam kajian ini dapat dilihat persamaan dan perbezaan daripada contoh amalan akhlak yang hendak dicapai sepertimana ditunjukkan dalam jadual 20. di bawah ini.

Jadual 20.: Persamaan dan Perbezaan Kefahaman Akhlak Mahmudah dan Mazmumah serta Contoh Amalan Akhlaknya

Guru besar	Kefahaman Akhlak	Contoh Amalan Akhlak
“AD”	(1) Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (2) Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (3) Memberi penekanan pentingnya kefahaman sebelum kepada penghayatan dan pengalaman (4) Melalui pembiasaan	amalan ibadah yang sesuai al-Qur’an dan Sunnah amalan yang berselisih dengan Qur’an dan sunah
“AJ”	(1) Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (2) Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (3) Memberi penekanan pentingnya kefahaman sebelum kepada penghayatan dan pengalaman melalui Triple R iaitu <i>Reasoning, Reasearch, andReligy</i>	amalan ibadah yang sesuai al-Qur’an dan Sunah serta logika empiri amalan yang berselisih dengan Qur’an dan sunah serta logika empiri
“DS”	(1) Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (2) Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (3) Memberi penekanan pentingnya kefahaman sebelum kepada penghayatan dan pengalaman serta sebagai pengembangan minda seseorang	amalan ibadah yang sesuai al-Qur’an dan Sunnah amalan yang berselisih dengan Qur’an dan sunah
“SA”	(1) Akhlak mahmudah adalah yang sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (2) Akhlak mazmumah adalah yang berselisih dengan al-Qur’an dan Sunah Nabi saw (3) Memberi penekanan pentingnya kefahaman sebelum kepada penghayatan dan pengalaman (4) Kefahaman dilambangkan kepada ilmu, al-ilmu Qabl al-qaul wa al-amal	amalan ibadah yang sesuai al-Qur’an dan Sunnah amalan yang berselisih dengan Qur’an dan sunah

Rumusan daripada kefahaman mengenai akhlak mahmudah dan mazmumah yang telah difahami oleh keempat-empat guru besar semasa di sekolah dalam kajian ini dapat dilihat persamaan dan perbezaan daripada kompetensi keperibadian dan sosialnya yang hendak dicapai sepertimana ditunjukkan dalam rajah 20. di bawah ini.



Rajah 20.: Cara Memperolehi Kefahaman Akhlak Mahmudah dan Mazmumah

Dalam konteks kefahaman guru besar mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah, guru besar “AD” telah merancang dan menjalankan program solat dhuha dan membaca al-quran setiap hari Selasa sehingga hari Khamis sebelum pelajaran bermula. Solat dhuha bermula pukul 07.00-07.30 waktu Indonesia bahagian Barat, dan bimbingan membaca al-quran bermula pukul 07.30-07.50 waktu Indonesia bahagian Barat.

Walaupun dalam perancangan dan pelaksanaan program solat dhuha dan membaca al-quran belum dapat berjalan secara efektif dan maksimum. Hal ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji dalam proses kefahaman amalan akhlak guru besar di sekolah. Beliau membuat program dan menjalankannya bersama para guru di bilik khusus untuk solat dengan saiz yang lebih besar, iaitu setiap kumpulan terdiri daripada 20 hingga 25 pelajar. Ditambah lagi, dalam aktiviti solat dan

membaca al-quran belum ada komunikasi antar guru dan pelajar. Boleh jadi pelajar belum faham apa faedah solat dhuha dan membaca al-quran?. Proses kefahaman dalam amalan akhlak guru besar “AD” yang telah dijalankan bagi warga sekolah menggambarkan bahawa terdapat kekurangan dalam proses amalan akhlaknya dengan menjalankan program solat dhuha dan membaca al-quran secara baik dan maksimum.

Berbeza dengan guru besar “AD”, bagi guru besar “AJ” proses kefahaman akhlak mahmudah melalui pembiasaan berasaskan daripada reasoning, dan religy. Sedang untuk proses kefahaman akhlak mazmumah melalui research, yang berasaskan daripada logika dan empiri. Guru besar “AJ” memberi perumpamaan sebuah kes tentang siswa masuk bilik darjah terlambat, maka siswa itu harus faham kenapa ia terlambat masuk bilik darjah. Jika faktor terlambatnya kerana terlambat bangun pagi maka ia harus bangun lebih awal.

Proses kefahaman amalan akhlak guru besar “DS” mempunyai kesamaan dengan pandangan “AJ” yang memberi penekanan dan tumpuan kepada pentingnya amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat dalam kehidupan seharian. Kedua-duanya sama ada amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat perlu diberi penekanan secara seimbang dalam proses amalan akhlak.

Pandangan “DS” menunjukkan bahawa seseorang perlu memahami amalan akhlak dalam aspek pembiasaan berasaskan akal sihat terlebih dahulu sebelum ia mengamalkan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, seseorang yang kurang memahami aspek pembiasaan berasaskan akal sihat kemungkinan besar ia kurang dapat mengamalkan akhlak mahmudah dengan baik di sekolah.

Bagi “DS” proses kefahaman amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat adalah perkara yang mustahak. Guru besar sekolah adalah role model dan

pusat perhatian dalam amalan akhlak di sekolah. Amalan akhlak melalui pembiasaan perlu memusatkan kepada diri kendirinya bukan kepada orang lain. Asas akal sihat dalam amalan akhlak melalui pembiasaan ini akan membawa kesan kepada rasa tanggung jawab seseorang yang lebih besar dalam proses amalan akhlaknya.

Guru besar “DS” melibatkan diri kendirinya dalam proses amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat. Beliau berpandangan bahawa penglibatan diri kendirinya dalam proses amalan akhlak adalah perkara yang asas. Beliau menempatkan diri kendirinya sebagai subjek dalam proses amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat bukan sebagai pengawas dalam amalan akhlak. Guru besar sebagai subjek amalan akhlak bermakna guru besar mengambil peranan yang lebih besar dalam proses amalan akhlak. Sebaliknya, guru besar sebagai objek (pengawas) dalam amalan akhlak memberi peranan kepada orang lain yang minimum dalam proses amalan akhlak kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kesedaran dalam menjalankan amalan akhlak di sekolah.

Guru besar “DS” dalam menjalankan amalan akhlak mulia di sekolah, beliau telah membuat nota buku harian secara tertulis dengan proses pembiasaan berasaskan akal sihat. Hal ini dapat dilihat mengenai semua aktiviti yang dijalankan oleh semua warga sekolah semasa ada di sekolah, seperti hafazan surat-surat pendek, doa-doa keseharian, praktek wudhuk, praktek solat berjamaah dalam keseharian (dhuha dan zuhur), praktek membaca al-quran.

Proses pembiasaan berasaskan akal sihat yang telah dijalankan oleh “DS” menggunakan uswah hasanah, iaitu contoh teladan dengan kesedaran sendiri. Namun demikian, dalam proses tersebut memerlukan sabar untuk mengawal diri daripada maksiat. Dengan proses pembiasaan berasaskan akal sihat ini, beliau dilihat kurang memberi kesempatan kepada semua warga sekolah untuk terlibat secara aktif dalam

pembiasaan dalam amalan akhlak berasaskan akal sihat. Namun demikian, beliau menginginkan adanya kesedaran sendiri dalam proses pembiasaan tersebut.

Proses kefahaman amalan akhlak guru besar “SA” mempunyai kesamaan dengan pandangan “DS” yang memberi penekanan dan tumpuan kepada pentingnya amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak dalam kehidupan seharian. Kedua-duanya sama ada amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat perlu diberi penekanan secara seimbang dalam proses amalan akhlak.

Pandangan “SA” di atas menunjukkan bahawa seseorang perlu memahami amalan akhlak dalam aspek pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak terlebih dahulu sebelum ia mengamalkan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian. Sebaliknya, seseorang yang kurang memahami aspek pembiasaan berasaskan akal sihat kemungkinan besar ia kurang dapat mengamalkan akhlak mahmudah dengan baik di sekolah.

Bagi “SA” proses kefahaman amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat adalah perkara yang mustahak. Guru besar sekolah adalah role model dan pusat perhatian dalam amalan akhlak di sekolah. Amalan akhlak melalui pembiasaan perlu memusatkan kepada diri kendirinya bukan kepada orang lain. Asas akal sihat dan syarak dalam amalan akhlak melalui pembiasaan ini akan membawa kesan kepada rasa tanggung jawab seseorang yang lebih besar dalam proses amalan akhlaknya.

Selain itu, guru besar “SA” melibatkan diri kendirinya dalam proses amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat dan syarak. Beliau berpandangan bahawa penglibatan diri kendirinya dalam proses amalan akhlak adalah perkara yang asas. Beliau menempatkan diri kendirinya sebagai subjek dalam proses amalan akhlak melalui pembiasaan berasaskan akal sihat bukan sebagai pengawas dalam

amalan akhlak. Guru besar sebagai subjek amalan akhlak bermakna guru besar mengambil peranan yang lebih besar dalam proses amalan akhlak. Sebaliknya, guru besar sebagai objek (pengawas) dalam amalan akhlak memberi peranan kepada orang lain yang minimum dalam proses amalan akhlak kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kesedaran dalam menjalankan amalan akhlak di sekolah.

Guru besar “SA” menjalankan amalan akhlak mulia di sekolah, beliau telah membuat nota buku harian secara tertulis dengan proses pembiasaan berasaskan akal sihat dan bersendikan syarak. Hal ini dapat dilihat mengenai semua aktiviti yang dijalankan oleh semua warga sekolah semasa ada di sekolah, seperti hafazan surat-surat pendek, doa-doa keseharian, praktek wudhuk, praktek solat berjamaah dalam keseharian (dhuha dan zuhur), praktek membaca al-quran.

Proses pembiasaan berasaskan akal sihat yang telah dijalankan oleh “DS” menggunakan uswah hasanah, iaitu contoh teladan dengan kesedaran sendiri. Namun demikian, dalam proses tersebut memerlukan sabar untuk mengawal diri daripada maksiat. Dengan proses pembiasaan berasaskan akal sihat ini, beliau dilihat kurang memberi kesempatan kepada semua warga sekolah untuk terlibat secara aktif dalam pembiasaan dalam amalan akhlak berasaskan akal sihat dan bersendikan syarak. Namun demikian, beliau menginginkan adanya kesedaran sendiri dalam proses pembiasaan tersebut.

Bagi guru besar “AJ” proses kefahaman akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah adalah perkara yang mustahak. Namun proses kefahaman ini bukan sahaja dapat diperoleh oleh warga sekolah di bilik darjah malahan juga dapat diperoleh di persekitaran sekolah semasa berinteraksi antar warga sekolah.

Selain itu, guru besar “AJ” memberikan kesempatan yang lebih luas kepada warga sekolah untuk mempertingkatkan kefahaman akhlak melalui pengajaran di masjid, internet dan lain sebagainya. Selain itu, guru besar “AJ” telah merancang

dan menjalankan cara supaya warga sekolah mempertingkatkan kefahaman akhlak melalui asas “Triple R” iaitu *Reasoning*, *Research* dan *Religy*.

Guru besar “DS” menyatakan bahawa kefahaman dalam amalan akhlak, baik akhlak mahmudah mahupun akhlak mazmumah adalah melalui pembiasaan ibadah. Dan juga dapat mengembangkan minda seseorang. Oleh itu, guru besar “DS” menekankan dalam program aktiviti nya berupa pembiasaan ibadah seperti “BTQ” bagi semua warga sekolah, solat dhuha, solat zuhur berjamaah, dan sebagainya sebagai bentuk perwujudan pembinaan budaya sekolah yang Islami.

Dari keseluruhan dapatan kajian mengenai kefahaman amalan akhlak guru besar dalam kefahaman amalan akhlak mahmudah dan mazmumah yang telah difahami oleh semua peserta kajian seperti ditunjukkan dalam jadual 21..di bawah ini:

Jadual 21.: Persamaan dan Perbezaan dalam Kefahaman Akhlak Mahmudah dan Mazmumah

Guru besar	Persamaan	Perbezaan
“AD”	Penting & Sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah	Pembiasaan
“AJ”	Penting & Sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah	Triple R, <i>Reasoning</i> , <i>Research</i> dan <i>Religy</i>
“DS”	Penting & Sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah	Pengembangan Minda
“SA”	Penting & Sesuai dengan al-Qur’an dan Sunah	Kefahaman dilambangkan kepada ilmu, al-ilmuQabl al-qaul wa al-amal

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa semua peserta kajian belum mempunyai kefahaman amalan akhlak mengenai akhlak mahmudah dan mazmumah dalam kehidupan seharian bagi seseorang muslim. Ini dibuktikan dengan belum difahaminya adanya berhubungkait antara iman, ilmu dan amalan. Pemerhatian

terhadap proses kefahaman amalan akhlak guru besar mengenai amalan akhlak mahmudah dan mazmumah sudah menunjukkan lebih banyak menggunakan al-qur'an dan sunah sebagai asas dan sumber amalannya. Sedangkan adanya proses mencapai kefahaman yang berbeda-beza daripada keempat-empat guru besar tersebut. Ada yang melalui pembiasaan, ada yang melalui triple-R (*reasoning, research dan religi*), ada yang melalui pengembangan minda, dan ada yang melalui lambang ilmu.

Tri Rejeki Andayani (2010) menyatakan bahawa ada 10 alternatif aktiviti model dalam pembinaan nilai kejujuran. Sedang Sa'dun Akbar (2008) mengkaji tentang internalisasi nilai dan karakter peserta didik Daarut-Tauhid Bandung. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendidikan telah dilaksanakan dengan serasi antara aspek pikir dan dzikir (hati) dengan menggunakan kaedah: *learning by doing*, simulasi, aksi sosial, khidmat (*servant*) dan ikhtiar, sosiaodrama, kajian lapangan, hikmah, dan penilaian reflektif yang mementingkan kesedaran diri. Nilai-nilai dan watak terinternalisasi secara berkesan yang ditunjukkan dengan ciri-ciri santri dan alumni: suka membantu orang lain, disiplin, kerja keras, optimis, percaya diri, bersih, santun dan murah senyum, berfikir positif, mandiri, sangat menghargai orang lain, kreatif inovatif, patut diteladani, dan Islami.

Menurut Abdullah Syukri Zarkasyi (2010), pondok pesantren Gontor telah melaksanakan pendidikan watak melalui:

- a) Memberi keteladanan (uswah hasanah) dalam hal nilai-nilai keikhlasan, perjuangan, pengorbanan, kesungguhan, kesederhanaan, dan tanggung jawab;
- b) mengkondisikan hidup di persekitaran berasrama sehingga proses pembelajaran berlangsung terus menerus di bawah kawalan guru
- c) memberi pengarah nilai dan falsafah hidup,
- d) mengarahkan supaya dapat hidup berdikari dengan cara mengurus dirinya sendiri, mengendalikan usaha, memimpin organisasi dan bermasyarakat.

- e) membiasakan hidup disiplin, taat beribadah dan taat terhadap peraturan pondok

Guru besar “AD” menyatakan bahawa dalam proses pengalaman dari amalan akhlak guru besar di sekolah melalui pembiasaan (*riyadhah*) telah memberi penekanan dan tumpuan kepada aspek amalan akhlak sopan dan santun kepada semua warga sekolah sama ada adab sopan dan santun sesama rakan-rakan guru, kakitangan sekolah mahupun dengan pelajar di sekolah. Guru besar “AD” mengingini supaya amalan akhlak sopan santun ini diamalkan oleh semua warga sekolah dalam kehidupan seharian sehingga amalan ini menjadi amalan yang kukuh dan menjadi kebiasaan atau budaya di sekolah. Beliau juga memberi contoh amalan akhlak sopan dan santun ini adalah saling menghargai antara warga sekolah yang satu dengan warga sekolah yang lain.

Guru besar “AJ” menghubungkan antara kata sopan dan santun dalam kehidupan seharian di sekolah. Kedua-dua kata ini kerap kali digunakan dalam makna secara bersepadu, iaitu sopan-santun, yang membawa maksud berbuat sesuai dengan akhlak, moral dan etika. Sopan biasa membawa maksud akhlak berupa tindakan atau perilaku, manakala kata santun biasa membawa makna akhlak berupa ucapan atau bercakap.

Aspek amalan akhlak sopan dan santun yang ditekankan dan ditumpukan oleh guru besar “AJ” dalam kehidupan keseharian di sekolah selari dengan motto dan nilai teras yang cadangkan di sekolah, iaitu mengamalkan 5 S, iaitu: salam, sapa, senyum, sopan, dan santun. Kelima dalam nilai teras sekolah ini adalah selari dalam visi dan misi sekolah.

Guru besar “AD” telah memberi penekanan dan tumpuan kepada amalan akhlak bersedekah atau berderma kepada orang lain. Malahan guru besar “AD”

mengatakan bahawa amalan akhlak bersedekah yang telah dijalankan oleh semua warga sekolah sudah menjadi kebiasaan yang kukuh dan menjadi budaya sekolah.

Guru besar “DS” juga telah memberi penekanan dan tumpuan kepada amalan akhlak keprihatinan kepada orang lain. Beliau menjelaskan mengenai amalan akhlak keprihatinan kepada orang lain yang dijalankannya di sekolah dengan membuat program “sabtu kesetiakawanan sosial”, seperti mana telah mempunyai kebiasaan untuk menjalankan amalan akhlak dalam bentuk keprihatinan kepada orang lain. Dalam hal ini saya juga membuat program “sabtu kesetiakawanan sosial” sebagai aktiviti keprihatinan kepada orang lain. Dan hal ini juga telah menjadi aktiviti yang sentiasa dilakukan oleh semua warga sekolah dalam aktiviti mingguan di sekolah. Contoh amalan keprihatinan kepada orang lain misalnya, memberi makan dan pakaian kepada panti yatim, panti kurang upaya dan sebagainya.

Guru besar “SA” telah memberi penekanan dan tumpuan kepada amalan akhlak keprihatinan kepada orang lain sebagai bahagian daripada proses pengalaman dalam amalan akhlak guru besar melalui pembiasaan dalam bentuk menyapa orang lain di persekitaran sekolah. Amalan akhlak menyapa orang lain bermula daripada memanggil orang lain yang ada di persekitaran sekolah. Bentuk mula daripada akhlak keprihatinan kepada orang lain adalah akhlak menyapa orang lain. Seseorang tidak boleh membiarkan orang lain di persekitaran sekolah. Seseorang perlu perihatin kepada orang lain dengan memperhatikan dan menanyakan kepadanya. Bagaimana rasanya, ketika orang lain membiarkan dirinya sendiri. Mereka berdiam diri tak mahu menyapa diri orang lain, seperti orang lain tak kenal kepadanya. Tentu seseorang merasa tak nyaman dan tidak senang tidak diperhatikan oleh orang lain di persekitarannya. Oleh itu, akhlak menyapa orang lain dengan cara yang baik adalah merupakan ajaran agama Islam yang amat dianjurkan.

Pada hari jum'at, pada saat pengkaji menjalankan pemerhatian aktiviti guru besar "AJ" sedang bergotong royong bersama para kakitangan dan pelajar membersihkan halaman sekolah untuk menerapkan nilai akhlak kebersihan dalam kehidupan yang sebenar di sekolah. Selain itu, guru besar "AJ" selalu mengingatkan kepada semua warga sekolah untuk sentiasa menjaga kebersihan bermula kepada kebersihan diri, pakaian, dan lingkungan hidup masing-masing. Menurutny, semua orang perlu menjaga kebersihan, terutama kebersihan diri, pakaian dan lingkungannya masing-masing. Kerana agama Islam menganjurkan bahawa kebersihan sebahagian daripada keimanannya. Jika seseorang bersih maka sebahagian keimanannya ada.

Guru besar "DS" di sekolah "AK003" telah memberi penekanan dan tumpuan kepada amalan akhlak disiplin sebagai pembiasaan akhlak mahmudah di sekolah. Ketika mula memasuki sekolah, beliau masuk sekolah dengan menepati waktu, kemudian memulakan berjumpa guru dan para staf sekolah. Setelah itu, beliau melihat ke semua kelas untuk memastikan bahawa semua guru masuk ke kelas menepati waktu. Ketika ada dua pelajar masuk sekolah dan kelas terlambat maka beliau secara berterusan memberi nasihat dan arahan kepada pelajar supaya tidak mengulangi lagi ke atas keterlambatan di masa hadapan. Mengikut guru besar "DS" disiplin merupakan amalan akhlak yang baik yang perlu dijaga secara berterusan oleh semua warga sekolah.

Selain itu, guru besar "DS" juga memberi penekanan dan tumpuan pembiasaan akhlak disiplin dengan menetapkan hukuman bagi warga sekolah yang melanggar ketentuan kedisiplinan semasa berada di sekolah secara bertulis dalam buku panduan akademik sekolah. Beliau menetapkan klasifikasi bentuk-bentuk pelanggaran bagi warga sekolah terutama bagi para pelajar sehingga para pelajar dan

warga sekolah dapat mengamalkan kedisiplinan sebagai amalan akhlak dalam kehidupan seharian di sekolah.

Guru besar “SA” telah memberi penekanan dan tumpuan kepada amalan akhlak kejujuran dalam proses pengalaman dari amalan akhlaknya melalui pembiasaan di sekolah. Bagi beliau pembiasaan amalan akhlak jujur merupakan nilai akhlak yang perlu dipegang dan menjadi asas bagi seseorang dalam kehidupan. Bagi beliau juga amalan akhlak jujur ini menjadi asas bagi sesiapa sahaja yang mengingini menjadi guru besar atau pemimpin apapun juga dalam pelbagai bidang kerja.

Selain itu, bagi mempertingkatkan akhlak kejujuran, guru besar “SA” telah menjalankan proses pengalaman dalam amalan akhlak melalui pembiasaan adab kejujuran berpegang pada tafsir al-Qur’an surah Luqman ayat: 13-15 dengan memberi fokus kepada amalan berbakti kepada kedua-dua orang tua, mengajak warga sekolah untuk mengamalkan akhlak jujur dalam kehidupan seharian melalui muhasabah terhadap kebaktian kepada kedua-dua orang tua.

Berdasarkan kepada keseluruhan huraian di atas maka dapat dibuat ringkasan tentang amalan akhlak mahmudah yang ditekankan dan ditumpukan oleh keempat-empat guru besar sekolah rendah Islam dalam proses pengalaman dalam amalan akhlak guru besar melalui riyadhah di sekolah kepada warga sekolahnya, iaitu seperti ditunjukkan dalam jadual 22. di sebelah.

Jadual 22.: Amalan Akhlak Guru besar Melalui Riyadhah di Sekolah Yang Ditekankan

Guru besar	Sekolah	Amalan Akhlak melalui Riyadhah yang ditekankan
“AD”	“BH001”	Menghargai jasa kebaikan orang lain (ucapan terima kasih) Sopan dan santun Bersedekah Keprihatinan kepada orang fakir miskin
“AJ”	“SB002”	Kebersihan Bersedekah Sopan dan santun
“DS”	“AK003”	Disiplin Bersedekah Sopan dan santun Keprihatinan kepada orang lain
“SA”	“AY004”	Kejujuran Bersedekah Keprihatinan kepada orang lain

Bagi “AD” aspek mempertingkatkan akhlak mahmudah dalam kehidupan seseorang mempunyai kedudukan yang sangat penting seperti mana aspek menjauhi akhlak mazmumah. Malahan aspek ini mesti diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Bagi “AJ” aspek mempertingkatkan akhlak mahmudah dalam kehidupan seseorang mempunyai kedudukan yang sangat penting

seperti mana aspek menjauhi akhlak mazmumah. Malahan aspek ini mesti diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Bagi “AD” aspek mempertingkatkan akhlak mahmudah dalam kehidupan seseorang mempunyai kedudukan yang sangat penting seperti mana aspek menjauhi akhlak mazmumah. Malahan aspek ini mesti diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Bagi “AJ” aspek mempertingkatkan akhlak mahmudah dalam kehidupan seseorang mempunyai kedudukan yang sangat penting seperti mana aspek menjauhi akhlak mazmumah. Malahan aspek ini mesti diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Selain itu, menurut “SA” mempertingkatkan amalan akhlak mahmudah dan menjauhi amalan akhlak mazmumah melalui amalan berupamujahadah, anjuran melawan hawa nafsu.

Bagi “DS” aspek mempertingkatkan akhlak mahmudah dalam kehidupan seseorang mempunyai kedudukan yang sangat penting seperti mana aspek menjauhi akhlak mazmumah. Malahan aspek ini mesti diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Kedua hal ini dapat dijaga dengan amalan berupaTazkiyah al-nafs, anjuran pembersihan hati.

Selain itu, menurut “DS” mempertingkatkan amalan akhlak mahmudah dan menjauhi amalan akhlak mazmumah melalui amalan berupabersahabat dengan orang yang baik. Bagi “AJ” aspek mempertingkatkan akhlak mahmudah dalam kehidupan seseorang mempunyai kedudukan yang sangat penting seperti mana aspek menjauhi akhlak mazmumah. Malahan aspek ini mesti diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Bagi “SA” aspek mempertingkatkan akhlak mahmudah dalam kehidupan seseorang mempunyai kedudukan yang sangat penting seperti mana aspek menjauhi akhlak mazmumah. Malahan aspek ini mesti diberi penekanan dan tumpuan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Menurut beliau, cukup dengan pegangan agama yang mantap atau adanya keyakinan sahaja pada diri

seseorang. Selari dengan aktiviti di atas, malahan beliau menganjurkan untuk melakukan aktiviti berupa melazimi amalan kebaikan, anjuran sentiasa melakukan amal kebaikan.

Berdasarkan kepada keseluruhan huraian di atas maka dapat dibuat ringkasan tentang proses mempertingkatkan amalan akhlak mahmudah dan menjauhi amalan akhlak mazmumah, iaitu seperti ditunjukkan dalam jadual 23. di bawah ini.

Jadual 23.: Proses Mempertingkatkan Amalan Akhlak Mahmudah dan Menjauhi Amalan Akhlak Mazmumah.

Guru besar Mempertingkatkan Akhlak mahmudah Menjauhi Akhlak Mazmumah		
“AD”	Melazimi amalan kebaikan, Anjuran sentiasa melakukan amal kebaikan, Anjuran merasakan diri diawasi Oleh Allah SWT	Anjuran melawan hawa nafsu (Mujahadah)
“AJ”	Muraqabatullah, anjuran merasakan diri diawasi oleh Allah SWT Pembacaan al-Qur’an	Anjuran melawan hawa nafsu (Mujahadah)
“DS”	Tazkiyyah al-nafs, anjuran pembersihan hati Bersahabat dengan orang baik	Tidak Bersahabat dengan orang jahat
“SA”	Pegangan agama yang mantap Mujahadah Melazimi amalan kebaikan Anjuran sentiasa melakukan amal kebaikan	Anjuran melawan hawa nafsu (Mujahadah)

Penghayatan Akhlak Guru Besar di Sekolah

al-Ghazali (t.th) mengasaskan bahawa usaha menghayati agama sebagai adab yang paling bermanfaat, sebagaimana katanya:

وأنفع الأداب التفقه في الدين والزهد في الدنيا والمعرفة بما الله عليك

Maksudnya; *Dan adab yang paling bermanfaat ialah menekuni dan memahami agama, zuhud di dunia dan makrifat (mengenal) Allah (s.w.t.). :* (ms.18)

Mengenai pentingnya aspek penghayatan akhlak ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AD" telah membuat rancangan aktiviti dan program keimanan dan ketaqwaan (IMTAQ). Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina penghayatan akhlak adalah aktiviti bakti sosial, pesantren, hidup bersama anak yatim dan piatu, pondok ramadan, dan lain sebagainya. Selain itu, ada aktiviti berupa solat dhuha dan membaca al-quran.

Guru besar "AD" sangat memahami apa yang difikirkan dan dirasakan oleh peserta mensyuarat ketika mereka menunggu beliau dalam tempoh masa yang agak lama kerana beliau ada tetamu yang tidak dirancang sebelumnya. Beliau menggambarkan penghayatan tawaduk adalah memahami dan merasai segala sesuatu perkara daripada perspektif orang lain. Menurut beliau, penghayatan tawaduk dalam konteks amalan akhlak adalah merupakan elemen yang penting kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kefahaman dan penghayatan yang lebih luas bukan sahaja mengikut kefahaman dan penghayatannya sendiri melainkan mengikut kefahaman dan penghayatan orang lain. Proses penghayatan tawaduk ini perlu difikirkan dan diwujudkan secara nyata oleh semua warga sekolah dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Guru besar "AJ" telah memberi pandangan dalam aspek penghayatan akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek

kefahaman dan pembiasaan akhlak. Malahan aspek penghayatan ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan pembiasaan akhlak warga sekolah dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek penghayatan akhlak ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AJ" telah membuat rancangan aktiviti dan program pembinaan peribadi plus. Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina penghayatan akhlak adalah aktiviti mengaji, ibadah, dan tahfidul Qur'an. Selain itu, ada aktiviti berupa penalaran dan abstraksi, bahasa Arab dan bahasa Inggris. Menurut guru besar "AJ", belajar bahasa Arab dan Inggris untuk membina penghayatan berbahasa yang merupakan bahagian penting dalam penghayatan akhlak dalam sopan dan santun berbahasa.

Mengenai pentingnya aspek penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak, guru besar "DS" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 07.00-08.30 mula hari isnin sehingga sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah).

Guru besar "DS" telah membina kesedaran warga sekolah melalui proses amalan akhlak. Selain itu, guru besar "DS" dalam membina penghayatan amalan akhlak bagi diri sendiri dan semua warga sekolah mencuba membuat "kuburan akhlak".

Mengenai pentingnya aspek penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak, guru besar "SA" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 06.30-07.00 mula hari isnin sehingga sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, hafazan surah pendek dan

doa harian dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah).

Bagi guru besar "SA" aspek penghayatan dalam amalan akhlak merupakan satu bahagian utama, selain daripada aspek kefahaman dan pembiasaan dalam proses amalan akhlak. Mengikuti beliau, aspek penghayatan dalam amalan akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek kefahaman dan pembiasaan amalan akhlak. Malahan aspek ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan pembiasaan akhlak guru besar dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak guru besar di sekolah.

Guru besar "SA" telah membuat program pelaksanaan aktiviti penghayatan akhlak dalam proses amalan akhlak di sekolah bersama warga sekolah. Program aktiviti solat dhuha dan zuhur berjamaah, praktik membaca al-qur'an setiap hari yang mempunyai kompetensi asas yang hendak dicapai adalah agar semua warga sekolah sedar tentang pentingnya ibadah dalam kehidupan seharian.

Guru besar "SA" termasuk seorang guru besar yang tegas, sehingga kadangkala suasana yang berlaku dalam proses penghayatan di sekolah adalah suasana kurang mesra, hangat dan harmoni. Hal ini berlaku ketika beliau telah menjalankan proses penghayatan akhlak dengan fokus berkaitan akhlak disiplin, kerja keras, tekun, ulet dan teliti, bertanggung jawab. Ketika proses upacara setiap hari isnin di lapangan sekolah telah dijalankan oleh beliau adalah berlaku formal dan kaku sehingga suasana di lapangan sekolah tidak dapat menggalakkan semua warga sekolah untuk mencurahkan pelbagai gagasan pemikiran. Di sebalik itu, beliau termasuk salah seorang guru besar yang mudah untuk memberi pujian dan ucapan terima kasih kepada warga sekolah yang dapat menyelesaikan tugas dengan baik.

Ketika kumpulan guru selesai membentangkan hasil perbincangan di hadapan peserta mensyuarat, beliau memberi tepukan sebagai pujian kepada guru dan kemudian diikuti oleh semua peserta mensyuarat yang lainnya.

Menurut "AD" muhasabah dan muraqabah menjadi asas bagi seseorang untuk berakhlak dan bertindak dengan baik kepada orang lain di mana sahaja. Beliau menjalankan proses ini sesuai dengan tata tertib sekolah yang telah ditetapkan. Ini adalah bentuk penghayatan akhlak melalui muhasabah dan muraqabah yang mesti dijalankan dan dijaga secara berterusan oleh semua warga sekolah.

Guru besar "AJ" telah memberi penekanan muraqabah dan muhasabah kepada kawalan diri warga sekolah sepertimana dengan menekankan akhlak sabar dalam mengawal diri pada akhlak mazmumah. Matlamat asas yang hendak dicapai dalam proses ini adalah semua warga dapat mengawal diri daripada akhlak mazmumah dalam kehidupan seharian.

Guru besar "DS" benar-benar menggalakkan dan mewujudkan kawalan diri warga sekolah. Hal ini dibuktikan oleh beliau ketika salah seorang kakitangan nya tidak dapat mengawal dirinya, iaitu memanggil rakan kerjanya dalam satu kelompok kerja dengan bahasa yang tidak sopan dan santun, maka beliau secara langsung memberi maklum balas secara konstruktif bagi pihak kakitangan. Proses penghayatan akhlak melalui kawalan diri yang demikian ini akan mudah memberi kesan positif dan kuat bagi kakitangan untuk mengamalkan kawalan diri dalam kehidupan secara sebenar. Selain itu, maklum balas yang bersifat konstruktif ini akan dapat membina kesedaran warga sekolah untuk berakhlak mahmudah secara kukuh.

Menurut guru besar "DS" tujuan daripada pengawalan diri ini adalah supaya seseorang dapat berakhlak sopan dan santun kepada semua warga sekolah. Berdasarkan kepada data transkrip temubual di atas menunjukkan bahawa guru besar "DS" telah memberi penekanan dan tumpuan kepada amalan penghayatan akhlak

melalui kawalan diri daripada akhlak yang tidak menghormati orang lain. Kawalan diri ini bertujuan untuk membina akhlak sopan dan santun kepada semua warga sekolah. Kawalan diri adalah kemampuan untuk menegah diri sendiri daripada akhlak mazmumah kepada orang lain. Kawalan diri ini merupakan bahagian penting daripada penghayatan akhlak yang perlu dijaga secara berterusan. Kemampuan untuk memelihara kawalan diri bukanlah sesuatu perkara yang mudah dalam kehidupan keseharian di sekolah. Misalnya, kawalan diri untuk menghindari akhlak mazmumah berupa marah kepada orang lain. Pepatah mengatakan bahawa semua orang dapat berakhlak mazmumah berupa marah kepada orang lain, apabila tidak marah bukan manusia. Namun berperilaku marah kepada orang yang tepat, pada masa yang tepat, dan dengan cara yang tepat adalah merupakan sesuatu perkara yang tidak mudah diamalkan dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Guru besar "SA" memberi penekanan kepada kawalan diri kepada semua warga sekolah mengenai disiplin. Ketika ada beberapa pelajar dan guru terlambat untuk mengikuti proses upacara di lapangan sekolah maka "SA" memberi nasihat kepada mereka supaya tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. nasihat itu ditekankan dan ditumpukan kepada semua warga sekolah. selain itu, guru besar "SA" sangat memberi penekanan kepada kawalan diri semua warga sekolah agar dapat menghindarkan daripada semua bentuk akhlak mazmumah. Beliau telah memberi arahan, nasihat dan bimbingan kepada semua warga sekolah untuk menjaga kawalan diri daripada akhlak mazmumah yang tidak diingini berlaku samaada di persekitaran sekolah mahupun di luar sekolah.

Said Hawwa (1983: 5-6) ketika mengintisarikan kandungan Ihya' 'Ulum al-Din al-Ghazali menyebut bahawa tazkiyyah merupakan pembersihan jiwa dan pembentukan akhlak (dengan hasil jiwa yang bersih itu), melalui cara-cara yang diperintahkan oleh syarak. Hasil tazkiyyah memberikan kesan positif kepada akhlak

seseorang sama ada dalam melaksanakan hubungan menegaknya dengan Allah atau hubungan merentasnya dengan makhluk. Amalan akhlak yang dimaksudkan adalah tutur kata atau gerak geri anggota badan yang selaras dengan kehendak Allah. Justeru itulah al-Ghazali dalam ketiga-tiga karya tersebut menggariskan cara-cara atau saluran untuk mencapai pembersihan jiwa (termasuk akhlak) melalui ibadat seperti qiyam al-lail, bermuhasabah, mengingati mati di samping mengukuhkan hati dengan tauhid, ikhl as, sabar, syukur, takut dan harap kepadaNya, lemah lembut, jujur serta menjauhi dan merawat segala penyakit hati seperti *riya*’, *ujub* dan lain-lain sifat keji kerana boleh menjejaskan ibadah seseorang (al-Ghazali, 2004). Berdasarkan pandangan-pandangan al-Ghazali, antara pendekatan program yang perlu diberi perhatian ialah pengimaran surau-surau, musolla, masjid dan Pusat Islam di dalam sekolah dengan solat berjamaah, pengisian tazkirah (peringatan), kajian agama, penganjuran berbuka puasa sunat beramai-ramai (Isnin dan Khamis), halaqah membaca al-Quran atau tadarrus, termasuk halaqah ilmu untuk membincangkan pengajaran dari al-Quran dan Hadis dengan kendalian moderator yang berkemampuan di kalangan warga sekolah. Selain itu, pengawalan tingkah laku dan akhlak dari segi akhlak berpakaian dan pergaulan harus diberi perhatian semula sebagai langkah membentuk disiplin dan saksiah semua warga sekolah.

Pengalaman Akhlak Guru Besar di Sekolah

Mengenai pentingnya aspek mujahadah dalam menjalankan akhlak ini, terutama dalam pembiasaan akhlak, guru besar ”AD” telah membuat rancangan aktiviti dan program keimanan dan ketaqwaan (IMTAQ). Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina mujahadah akhlak adalah aktiviti bakti sosial, pesantren, hidup bersama anak yatim dan piatu, pondok ramadan, dan lain sebagainya. Selain itu, ada aktiviti berupa solat dhuha dan membaca al-quran.

Guru besar "AD" menggambarkan mujahadahya dengan memahami dan merasai segala sesuatu perkara daripada perspektif orang lain. Menurut beliau, mujahadah dalam konteks amalan akhlak adalah merupakan elemen yang penting kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kefahaman dan penghayatan yang lebih luas bukan sahaja mengikut kefahaman dan penghayatannya sendiri melainkan mengikut kefahaman dan penghayatan orang lain. Proses mujahadah ini perlu difikirkan dan diwujudkan secara nyata oleh semua warga sekolah dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Bagi guru besar "AJ" aspek mujahadah akhlak merupakan satu bahagian utama, selain daripada aspek kefahaman dan pembiasaan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Mengikut beliau, aspek mujahadah akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek mujahadah akhlak dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek kefahaman dan pembiasaan akhlak. Malahan aspek mujahadah ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan pembiasaan akhlak warga sekolah dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek mujahadah akhlak ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AJ" telah membuat rancangan aktiviti dan program pembinaan peribadi plus. Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina penghayatan akhlak adalah aktiviti mengaji, ibadah, dan tahfidzul Qur'an. Selain itu, ada aktiviti berupa penalaran dan abstraksi, bahasa Arab dan bahasa Inggris. Menurut guru besar "AJ", belajar bahasa Arab dan Inggris untuk membina kesungguhan berbahasa yang merupakan bahagian penting dalam mujahadah akhlak dalam sopan dan santun berbahasa.

Guru besar "AJ" telah membina akhlak warga sekolah melalui proses mujahadah dalam pembiasaan akhlak sepertimana hasil daripada pembiasaan adalah mujahadah dan pengalaman amalan akhlak dalam keseharian. Oleh itu, mujahadah dalam akhlak adalah mengenai pentingnya aspek mujahadah dalam proses amalan akhlak, guru besar "DS" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 07.00-08.30 mula hari isnin sehingga Sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren Ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah). Dalam menjalankan aktiviti tersebut diperlukan mujahadah agar seseorang mempunyai semangat.

Guru besar "DS" telah membina kesedaran warga sekolah melalui proses mujahadah akhlak sepertimana Hasil daripada mujahadah adalah adanya semangat dan hilangnya perasaan malas yang didorong oleh hawa nafsu dalam keseharian.

Guru besar "SA" memberi penekanan kepada mujahadah dalam menjalankan akhlak yang baik. Ketika ada beberapa pelajar dan guru terlambat untuk mengikuti proses upacara di lapangan sekolah maka "SA" memberi nasihat kepada mereka supaya tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. Nasihat itu ditekankan dan ditumpukan kepada semua warga sekolah agar mujahadah dalam melaksanakan aktiviti sehingga tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. Menurutnya, hanya dengan mujahadah maka lambat dalam ketibaan di sekolah tak akan terjadi lagi.

Mengenai pentingnya aspek tunjuk cara ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AD" telah membuat rancangan aktiviti dan program keimanan dan ketaqwaan (*IMTAQ*). Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina pembiasaan akhlak adalah aktiviti bakti sosial, pesantren, hidup bersama anak yatim dan piatu, pondok

ramadan, dan lain sebagainya. Selain itu, ada aktiviti berupa tunjuk cara solat dhuha dan membaca al-quran.

Guru besar "AD" menggambarkan tunjuk cara sabar adalah memahami dan merasai segala sesuatu perkara daripada perspektif orang lain. Menurut beliau, tunjuk cara sabar dalam konteks amalan akhlak adalah merupakan elemen yang penting kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kefahaman dan penghayatan yang lebih luas bukan sahaja mengikut kefahaman dan penghayatannya sendiri melainkan mengikut kefahaman dan penghayatan orang lain. Proses tunjuk cara sabar ini perlu difikirkan dan diwujudkan secara nyata oleh semua warga sekolah dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Bagi guru besar "AJ" aspek pembiasaan akhlak merupakan satu bahagian utama, selain daripada aspek kefahaman dan penghayatan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Mengikut beliau, aspek pembiasaan akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek pembiasaan akhlak dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek kefahaman dan penghayatan akhlak. Malahan aspek pembiasaan ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan penghayatan akhlak warga sekolah dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek tunjuk cara berakhlak ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AJ" telah membuat rancangan aktiviti dan program pembinaan peribadi plus. Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina pemberian pengalaman melalui pembiasaan akhlak dengan tunjuk cara adalah aktiviti mengaji, ibadah, dan tahfidul Qur'an. Selain itu, ada aktiviti berupa penalaran dan abstraksi, bahasa Arab dan bahasa Inggris. Menurut guru besar "AJ", belajar bahasa Arab dan Inggris untuk membina pembiasaan berbahasa yang merupakan bahagian penting dalam

pembiasaan akhlak dalam sopan dan santun berbahasa (Rancangan: Guru besar AJ/SB002/28/6/2012)

Mengenai pentingnya aspek tunjuk cara dalam proses amalan akhlak, guru besar "DS" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 07.00-08.30 mula hari isnin sehingga sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah).

Guru besar "SA" menyatakan bahawa tunjuk cara merupakan cara yang ampuh dalam membina pembiasaan akhlak baik di sekolah. Dari hal seperti ini akan memunculkan akhlak yang baik dan menjauhkan akhlak yang tidak baik. Seperti di sekolah ini, semua warga sekolah ditekankan untuk menjalankan pengawalan diri sebaik-baiknya. Tunjuk cara ini lebih ditekankan kepada menghindarkan perilaku daripada merokok, pergaduhan, penggunaan dadah dan pergaulan bebas. Bagi membina pembiasaan akhlak yang baik dengan tunjuk cara kepada warga sekolah yang lebih baik, semua warga sekolah sentiasa diberi nasihat supaya dapat menghindarkan daripada akhlak mazmumah.

Guru besar "SA" sangat memberi penekanan kepada pembiasaan akhlak dengan tunjuk cara kepada semua warga sekolah agar dapat menghindarkan daripada semua bentuk akhlak mazmumah. Beliau telah memberi arahan, nasihat dan bimbingan kepada semua warga sekolah untuk menjaga daripada akhlak mazmumah yang tidak diinginkan berlaku samaada di persekitaran sekolah mahupun di luar sekolah.

Guru besar "AD" kepada semua warga sekolah untuk membina usawah hasanah dalam kesedaran akhlak supaya berakhlak mulia kepada orang lain sesuai dengan ajaran agama Islam. Bentuk kesedaran ini dibina untuk menggalakkan

pembiasaan akhlak mulia dalam kehidupan seharian. Oleh itu, untuk memudahkan keberkesanan amalan akhlak dalam kehidupan di persekitaran sekolah sekarang, model ini perlulah ditunjukkan terlebih dahulu oleh guru besar dan guru-guru.

Mengenai pentingnya aspek pengalaman akhlak ini dalam pembiasaan akhlak, guru besar "AD" telah membuat rancangan aktiviti dan program keimanan dan ketaqwaan (IMTAQ). Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina pengalaman akhlak adalah aktiviti bakti sosial, pesantren, hidup bersama anak yatim dan piatu, pondok ramadan, dan lain sebagainya. Selain itu, ada aktiviti berupa solat dhuha dan membaca al-quran. Dan setiap warga sekolah wajib menjadi uswah hasanah dalam aktiviti tersebut.

Guru besar "AD" menggambarkan proses memberi pengalaman akhlak melalui uswah hasanah adalah memahami dan merasai segala sesuatu perkara daripada perspektif orang lain. Menurut beliau, proses pemberian pengalaman melalui uswah hasanah dalam konteks amalan akhlak adalah merupakan elemen yang penting kerana memberi penekanan dan tumpuan kepada kefahaman dan penghayatan yang lebih luas bukan sahaja mengikut kefahaman dan penghayatannya sendiri melainkan mengikut kefahaman dan penghayatan orang lain. Proses pengalaman melalui uswah hasanah ini perlu difikirkan dan diwujudkan secara nyata oleh semua warga sekolah dalam kehidupan keseharian di sekolah.

Guru besar "AD" termasuk guru besar yang mudah bergaul dan fleksibel serta sentiasa senyum kepada orang yang dijumpainya. Selain itu, beliau sentiasa memberi pengalaman melalui uswah hasanah dengan sentiasa memberi ucapan terima kasih dan mudah memberikan hadiah tepukan kepada guru dan staf sekolah selepas membentangkan hasil perbincangan di bilik mensyuarat. Setiap perkumpulan peserta mensyuarat telah selesai membentangkan hasil perbincangan, beliau selalu memberi contoh ikutan dalam memberi ucapan terima kasih dan bertepuk tangan.

Bagi guru besar "AJ" aspek pengalaman melalui pembiasaan uswah hasanah dalam amalan akhlak merupakan satu bahagian utama, selain daripada aspek kefahaman dan penghayatan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Mengikut beliau, aspek pembiasaan melalui uswah hasanah dalam amalan akhlak mesti diintegrasikan dalam proses amalan akhlak di sekolah. Keperluan kepada aspek pembiasaan akhlak melalui uswah hasanah dalam proses amalan akhlak adalah sepertimana keperluan aspek kefahaman dan penghayatan akhlak. Malahan aspek pembiasaan melalui uswah hasanah ini menjadi asas bagi mengukuhkan kewujudan kefahaman dan penghayatan akhlak warga sekolah dalam kehidupan seharian. Oleh itu, membina aspek ini menjadi keperluan yang mustahak dalam proses amalan akhlak di sekolah.

Mengenai pentingnya aspek pemberian pengalaman ini dalam pembiasaan akhlak melalui uswah hasanah, guru besar "AJ" telah membuat rancangan aktiviti dan program pembinaan peribadi plus. Aktiviti yang telah dijalankan dalam membina pengalaman akhlak melalui uswah hasanah adalah aktiviti mengaji, ibadah, dan tahfidul Qur'an. Selain itu, ada aktiviti berupa penalaran dan abstraksi, bahasa Arab dan bahasa Inggris. Menurut guru besar "AJ", belajar bahasa Arab dan Inggris untuk membina penghayatan berbahasa yang merupakan bahagian penting dalam pembiasaan akhlak dalam sopan dan santun berbahasa.

Selain itu, guru besar "AJ" memberi pandangan tentang pentingnya proses pemberian pengalaman melalui pembiasaan amalan akhlak terhadap aspek uswah hasanah dalam amalan akhlak.

Guru besar "DS" mengutamakan proses amalan akhlak di sekolah terhadap aspek uswah hasanah sepertimana keutamaan dalam proses pembiasaan akhlak. Kedua-duanya ini diberi penekanan dan tumpuan secara seimbang oleh beliau dalam proses amalan akhlak di sekolah, kerana ianya menjadi amalan para Nabi dan Rosul.

Mengenai pentingnya aspek uswah hasanah dalam proses amalan akhlak, guru besar "DS" telah membuat satu rancangan aktiviti dan program baca-tulis Qur'an (BTQ) pukul 07.00-08.30 mula hari isnin sehingga sabtu, aktiviti peringatan hari-hari besar Islam (PHBI), aktiviti pesantren ramadan, program ko-kurikuler berwujud character building, life skill, out door activities, dan program pembiasaan (upacara setiap hari isnin, amal jumaat, menabung dan solat berjamaah).

Selain itu, guru besar "DS" dalam membina pengalaman melalui uswah hasanah dalam amalan akhlak bagi diri sendiri dan semua warga sekolah dengan mencuba membuat "kuburan akhlak". Perumpamaan "kuburan akhlak" ini menjadi model daripada uswah hasanah agar semua warga dapat mengambil ibrah bahawa setiap muslim hendaknya menjadi contoh ikutan dalam akhlak yang baik dan sebaliknya tidak menjadi contoh ikutan dalam akhlak yang tidak baik.

Guru besar "SA" memberi penekanan kepada uswah hasanah kepada semua warga sekolah mengenai akhlak mulia. Ketika ada beberapa pelajar dan guru terlambat untuk mengikuti proses upacara di lapangan sekolah maka "SA" memberi nasihat kepada mereka supaya tidak lagi lambat untuk ketibaan di sekolah. nasihat itu ditekankan dan ditumpukan kepada semua warga sekolah.

Selain itu, guru besar "SA" membuat sebuah tulisan besar untuk menghindari semua warga sekolah dalam hal ketibaan di sekolah supaya tidak lambat, seperti tulisan "alhamdulillah saya tiba di sekolah tidak lambat". Tulisan ini dibuat membawa maksud supaya sesiapa sahaja yang membacanya dapat memahami bahawa menjadi contoh ikutan yang baik atau uswah hasanah itu sangat penting. Uswah hasanah atau yang bererti 'contoh ikutan yang baik'.

Guru besar "SA" sangat memberi penekanan kepada uswah hasanah bagi semua warga sekolah agar dapat menghindarkan daripada semua bentuk akhlak mazmumah. Beliau telah memberi arahan, nasihat dan bimbingan kepada semua

warga sekolah untuk menjaga uswah hasanah dalam akhlak mahmudah yang berlaku samaada di persekitaran sekolah mahupun di luar sekolah.

M. Abul Quasem (1988) memberi pandangan bahawa dalam menjalankan amalan akhlak, seseorang dapat menjalankannya dengan beberapa cara, iaitu pertama, kerana mendapatkan rahmat dari Allah. Beberapa orang memiliki akhlaq yang baik secara alamiah (*bi al-thab'i wa al-fithrah*) kerana diberikan Allah kepada mereka. Mereka diciptakan dengan semua pembawaan jiwa mereka dalam keadaan seimbang, dan pembawaan nafsu dan amarah mematuhi perintah akal dan syariah, sehingga mereka adalah baik secara alamiah. Contoh untuk ini adalah para nabi.

Kedua, dengan metode *mujahadah* (menahan diri) dan *riyadhah* (melatih diri). Metode ini merupakan cara yang paling umum, yakni dengan berusaha keras melakukan dan membiasakan (*i'tiyad*) amal perbuatan yang bersumberkan akhlaq yang baik, sehingga menjadi kebiasaan (*i'tiyad*) dan sesuatu yang menyenangkan. Harus ada ketekunan yang tetap dalam amal perbuatan yang disengaja, sebab kalau tidak, tidak ada sifat yang dihasilkannya di dalam jiwa. Hal ini didasarkan pada teori relasi melingkar antara jiwa dan jasad, dan juga mengenai teorinya tentang sifat dasar jiwa manusia.

Ketiga, dengan metode peniruan (*taqlid*). Akhlaq yang baik dapat diperoleh dengan memperhatikan orang-orang yang baik dan bergaul dengan mereka. Menurut al-Ghazali, secara alamiah manusia adalah peniru, tabiat seseorang tanpa sadar bisa mendapat mendapatkan kebaikan dan keburukan dari tabiat orang lain. Peniruan ini bisa dilakukan baik langsung maupun tidak langsung. Oleh itu, sangat baik apabila seseorang mau membaca riwayat hidup orang-orang yang mulia, seperti para nabi dan sahabatnya. (M. Abul Quasem, 1988: 93-94).

Implikasi

Implikasi Kajian kepada Guru Besar

Suatu kajian tentang akhlak guru besar sekolah rendah Islam diharapkan boleh memberikan implikasi ke atas peningkatan kualiti kepemimpinan dan kompetensi guru besar yang berasaskan kepada ajaran Islam secara universal, baik kompetensi keperibadian, pengurusan, keusahawanan, supervisi mahupun sosial. Kelima-lima kompetensi itu dapat dimiliki oleh guru besar apabila mereka menjalankannya dengan penuh tanggungjawab, disiplin dan amanah serta berasaskan ajaran agama Islam yang diyakininya.

Implikasi Kajian kepada Polisi Sekolah

Guru besar adalah seseorang yang mempunyai otoriti penuh dan bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap peningkatan kualiti akademik, akhlak dan budi pekerti di sekolah. Kejayaan proses amalan akhlak dan pembinaan amalan akhlak di sekolah salah satunya bergantung pada polisi yang dibuat oleh guru besar di sekolah. Demikian juga sebaliknya kegagalan proses amalan akhlak dan pembinaan amalan akhlak di sekolah salah satunya bergantung pada polisi yang dibuat guru besar juga di sekolah. Di sini guru besar mempunyai peranan utama bagi meningkatkan kualiti amalan akhlak dan budi pekerti di sekolah.

Selain itu, guru besar perlu membuat polisi yang strategik dan amali bagi meningkatkan kualiti pendidikan akhlak dan budi pekerti di sekolah terutama mengenai amalan akhlak dan budi pekerti bersepadu dengan mata pelajaran yang lain yang berkaitan rapat dengan nilai-nilai akhlak dan budi pekerti seperti mata pelajaran Pendidikan dan Kewarganegaraan, Sejarah, Ilmu Pengetahuan Sosial, Ilmu Pengetahuan Alam, dan mata pelajaran yang lainnya.

Polisi strategik yang perlu dibuat oleh guru besar adalah merencanakan secara sistemik tentang peningkatan kualiti sumber daya guru di sekolah terutama para guru pendidikan agama Islam dan budi pekerti dan guru-guru yang lain yang menjalankan amalan akhlak dan budi pekerti. Salah satu program yang perlu ditekankan dan ditumpukan adalah menggalakkan dan memberi pelbagai kemudahan kepada guru terutama dana untuk mengikuti pendidikan yang lebih tinggi dalam rangka meningkatkan kapasiti keilmuan dan keperibadian.

Selain itu, polisi amali yang perlu dibuat oleh guru besar adalah mengirimkan guru-guru Pendidikan Agama dan Budi Pekerti dan guru-guru yang lainnya untuk mengikuti program short course tentang pendidikan karakter khususnya strategi membina karakter di pelbagai university sama ada university peringkat kebangsaan mahupun antara bangsa.

Guru besar perlu menggalakkan kepada guru-guru Pendidikan Agama dan Budi Pekerti dan guru-guru lainnya untuk mengikuti pelbagai perbengkelan dan seminar yang mengkaji dan membincangkan serta melatih tentang pelbagai konsep asas Pendidikan Agama dan Budi Pekerti serta strategi secara alami tentang proses amalan Pendidikan Agama dan Budi Pekerti di sekolah yang diselenggarakan oleh pelbagai university kebangsaan mahupun university antara bangsa.

Guru besar boleh mendatangkan para pakar atau expert tentang amalan Pendidikan Agama dan Budi Pekerti atau Pendidikan Karakter daripada pelbagai university kebangsaan mahupun antara bangsa untuk mengkaji dan membincang tentang konsep asas dan amalan Pendidikan Agama dan Budi Pekerti di sekolah terutama di peringkat sekolah rendah.

Guru besar dengan melibatkan para guru, kakitangan sekolah dan orang tua pelajar untuk membuat polisi dan program mengenai pembinaan amalan akhlak dan

budi pekerti serta budaya sekolah yang dapat meningkatkan kualiti pendidikan agama dan budi pekerti di sekolah.

Implikasi Kajian kepada Kerajaan Bandar dan Luar Bandar Malang

Kerajaan Bandar dan Luar Bandar Malang perlu membuat polisi tentang standar kompetensi kualiti minimum guru besar yang akan menjadi pemimpin dan menjalankan sekolah. Polisi yang dibuat oleh kerajaan Bandar dan Luar Bandar Malang ini adalah setiap guru besar daripada sekolah kerajaan mahupun sekolah swasta perlu lulus mengikuti program perbengkelan dalam karakter atau pendidikan agama dan budi pekerti secara nasional dari Kementerian Pendidikan Nasional. Program perbengkelan ini dibuat untuk meningkatkan kualiti pendidikan secara keseluruhan terutama kualiti pendidikan agama dan budi pekerti di peringkat kebangsaan bagi para guru besar sekolah rendah hingga pengetua sekolah menengah pertama dan menengah atas.

Selain itu, polisi ini dibuat untuk membina insan yang berakhlak dan berbudi pekerti secara komprehensif bagi menjalankan pembinaan karakter bangsa di tanah air Indonesia. Polisi ini dibuat untuk menghindarkan kesan negatif daripada pelbagai media tempatan mahupun media global yang dapat mempengaruhi akhlak dan perilaku guru besar, pengetua dan semua warga sekolah terutama pelajar yang menyimpang daripada nilai-nilai akhlak mahupun norma-norma masyarakat dan jati diri bangsa Indonesia.

Cadangan untuk penyelidikan yang selanjutnya

Berhubung kait dengan perkara di atas, pengkaji ingin memberi cadangan agar aspek-aspek yang berikut dikaji selanjutnya.

Pertama, pengkaji mencadangkan untuk menjalankan kajian tindakan sekolah (*School Action Research*) dengan memberi fokus kepada proses amalan akhlak guru besar daripada aspek penaakulan nilai akhlak, perasaan nilai akhlak dan perlakuan nilai akhlak di peringkat sekolah rendah sama ada di sekolah kebangsaan mahupun swasta.

Kedua, kajian ini mengenai amalan akhlak guru besar sekolah rendah Islam di empat buah sekolah rendah Islam di Malang Indonesia. Oleh itu, perlu kajian mencadangkan satu kajian lagi yang lebih mendalam dalam aspek yang berhubung kait dengan kompetensi guru besar seperti kompetensi manajerial dan profesion serta keusahawanan guru besar.

Ketiga, perlu dicadangkan satu kajian mengenai amalan akhlak pengetua sekolah menengah pertama sebagai proses selanjutnya dari perkembangan dan pertumbuhan serta pembinaan amalan akhlak di sekolah.

Keempat, perlu dicadangkan satu kajian mengenai amalan akhlak pengetua sekolah yang memberi penekanan dan tumpuan kepada peringkat sekolah yang lebih tinggi, iaitu sekolah menengah atas di Bandar dan luar Bandar Malang. Ini kerana pada hakikatnya, amalan akhlak berlaku secara berterusan daripada sekolah rendah ke sekolah menengah pertama hingga sekolah menengah atas.

Kelima, perlu dicadangkan satu kajian amalan akhlak guru-guru dan kakitangan semua sekolah di propinsi Jawa Timur Indonesia.

Beberapa kajian yang dicadangkan di atas adalah perlu dijalankan dengan baik bagi membantu semua pihak yang berkepentingan terhadap pendidikan, iaitu kerajaan Bandar khususnya Kementerian Pendidikan Nasional, Kementerian Agama, Guru Besar/Pengetua Sekolah, Orang Tua Pelajar, Pelajar, dan juga pelbagai lembaga yang prihatin terhadap peningkatan kualiti pendidikan akhlak dan budi pekerti di sekolah.

Rumusan

